

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 51**

**Khamis**

**23 Oktober 2008**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 30)
<b>USUL-USUL:</b>	
Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 30)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 23 Oktober 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan pernahkah dibuat kajian bagi mengetahui mengapa atlet-atlet negara belum lagi sampai ke tahap kecemerlangan setanding dengan atlet-atlet yang bertahap jaguh sedunia seperti yang terdapat di negara lain.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat kajian mengenai pencapaian atlet-atlet negara di peringkat antarabangsa sememangnya ada dilaksanakan sebagai sebahagian daripada perancangan pre-ordisasi setiap atlet di bawah Program Prestasi Tinggi Atlet Elit, Majlis Sukan Negara Malaysia bersama persatuan sukan kebangsaan yang berkaitan. Kajian yang dijalankan adalah secara berterusan mengikut keperluan dan objektif kajian yang dilakukan. Banyak kajian khusus sepanjang tahun 2007 telah dilakukan. Bidang kajian ini meliputi aspek-aspek fisiologi senam, biomekanik, perubatan sukan, nutrisi dan pemakanan sukan.

Hasil daripada kajian-kajian yang dijalankan strategi pembangunan atlet telah pun dirangka mengikut keperluan sukan dengan menggunakan pendekatan kecergasan tubuh, nutrisi sukan, psikologi dan persediaan mental di samping pengajian khusus serta pemulihan kecederaan. Keberkesanan pendekatan ini dapat diperlihatkan, contohnya dalam kejayaan beberapa sukan seperti badminton, basikal, memanah, skuasy dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, kajian saintifik selanjutnya sedang giat dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi prestasi para atlet dan meneruskan peningkatan prestasi mereka. Pandangan yang menyatakan bahawa pencapaian atlet Malaysia masih belum mencapai tahap kecemerlangan di peringkat dunia adalah kurang tepat. Ini telah dibuktikan melalui pencapaian tertinggi tiga atlet negara pada masa kini yang menduduki tempat pertama dunia contohnya mereka ialah Dato' Lee Chong Wei dari sukan badminton dan Datuk Nicol David bagi sukan

*squash*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa lagi atlet lain yang berjaya menduduki ranking antara 10 terbaik dunia.

Sehubungan dengan itu untuk mempertingkatkan lagi tahap prestasi agar setanding dengan atlet bertaraf dunia yang lain atlet-atlet negara diberi penekanan khusus tentang aspek-aspek sains dan perubatan sukan yang lazimnya digunakan sepenuhnya oleh kebanyakan atlet-atlet di dunia seperti kaedah latihan dan saringan fizikal, psikologi sukan, biomekanik dan pemakanan. Dengan adanya kajian-kajian yang spesifik oleh pakar-pakar sains dan perubatan sukan ini diharap akan dapat melahirkan lebih ramai atlet negara yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa setanding dengan atlet-atlet bertaraf dunia pada masa akan datang. Sekian.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya memang kita telah berbelanja banyak dan juga telah mengambil kaedah-kaedah dan pendekatan yang begitu banyak juga. Akan tetapi saya merasa bimbang kerana selama ini saya nampak kita tidak cukup fokus dalam usaha kita menyediakan atlet atau pemain kita sampai ke tahap jaguh sedunia walaupun kita sudah ada dua tiga orang yang mungkin sudah menang menjadi jaguh ataupun johan dalam pelbagai sukan yang telah disebutkan tadi.

Saya juga tidak dapat menerima alasan bahawa kita kekurangan prasarana seperti gelanggang, kolam renang, *running track* dan lain-lain sebab kita sudah ada kesemuanya ini.

Soalan saya, apakah yang selebihnya yang sepatutnya kita buat dari sekarang supaya kita boleh menghasilkan ramai lagi atlet yang bakal menjadi jaguh sedunia. Adakah atlet kita bermasalah dengan *mindset* mereka yang menyebabkan kelemahan dalam daya saing mereka ini dan mengapa walaupun ada pelbagai insentif dan imbuhan yang kita tawarkan dan beri masih juga atlet kita tidak konsisten menjuarai pertandingan bertaraf antarabangsa. Negara kita ini, kalau dikatakan dua, tiga orang yang telah berjaya bagi seluruh penduduk Malaysia itu tidaklah mencukupi. Kita hendak ramai lagi juara dari Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita tidak boleh menafikan bahawa ada sebahagian daripada mereka ada masalah *mindset* dan KBS sedar bahawa itu adalah satu permasalahan. Oleh sebab itulah KBS melalui penubuhan Institut Sukan Negara dengan kerjasama Majlis Sukan Negara telah memainkan peranan untuk menyediakan perkhidmatan sains dan perubatan sukan kepada atlet negara kita untuk dipertanggungjawabkan bagi menjalankan kajian-kajian.

#### ■1010

Kajian-kajian R&D secara terperinci ini akan dapat menentukan tahap kecergasan pada seseorang atlet untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Jadi, sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat, terdapat juga beberapa faktor.

Selain daripada *mindset* ada juga faktor-faktor yang mempengaruhi persaingan atlet-atlet negara di peringkat antarabangsa. Contohnya, secara perbandingan saiz badan atau bentuk fizikal kita. *[Disampuk]* Perbezaan ini dapat dilihat jika dibandingkan dengan atlet dari negara seperti Korea, Jepun, negara-negara Arab di peringkat Asia serta negara-negara Eropah di peringkat dunia. Sebagai contoh, Elaine Teo dari sukan tekwando, tewas di pusingan awal semasa Sukan Olimpik di Beijing disebabkan kelebihan lawannya adalah mempunyai ketinggian 172 cm dan beratnya 57 kilogram. *[Dewan riuh]* Akan tetapi kepada atlet kita, tidak begitu fizikalnya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apakah jawapan macam ini?

**Tuan Wee Jeck Seng:** Jadi KBS sedar kelemahan-kelemahan sedemikian harus diatasi. Maka beberapa langkah telah diambil untuk membolehkan peningkatan kecemerlangan sukan di negara kita. Contohnya, baru-baru ini kita akan mengadakan satu lagi konvensyen sukan kebangsaan yang akan kita adakan untuk bincang.

Di dalam pada masa yang sama, di mana kita telah mencadangkan beberapa kategori di mana kita asing-asingkan jenis sukan. Contohnya di Olimpik, kita mungkin menumpukan sukan badminton. Sukan badminton, pada masa kini kita dapat perak. Di masa akan datang iaitu tahun 2012 di London, mungkin kita menuju untuk mendapatkan emas. Itu satu tujuan. Jadi...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat, ini jawapan lama tau! Saya sudah di Penggal Ketiga Parlimen. Dari dahulu kita dengar jawapan yang sama, macam mana sukan kita hendak naik? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Ini untuk membezakan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan beza, kita fahamlah!

**Tuan Wee Jeck Seng:** Membezakan jenis sukan. Jadi saya berharap kita dapat menuju ke satu arah di mana kecemerlangan sukan kita akan dicapai serta mendapat apa yang kita tujukan. Sekian.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih timbalan Menteri. Saya dapat tengok, berhempas pulasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak meyakinkan Dewan. Kesungguhan kementerian untuk menaikkan sukan negara. Kita tak usah pergi jauh dahulu. Pilih kepada sukan popular iaitu bola sepak. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia sekarang di nombor ke-29 di peringkat Asia. Di peringkat dunia, saya tidak ingat dah. Akan tetapi jauhlah, jatuh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** 149!

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Peringkat dunia, 160!

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan kerana mengingatkan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu informasi ini. Tidak perlu diberitahu kepada timbalan menteri. Soalan!

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya rasa 170! *[Ketawa]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Yang bab bola sepak ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh perhatikan bagaimana baiknya hubungan di antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. *[Ketawa]*

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Pesta Bola Merdeka dahulu.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Ada titik pertemuan di antara kita. Saya bagi contoh sekarang tentang bola sepak. Pada zaman saya budak dahulu tahun 70-an, saya boleh hafal nama pemain bola sepak negara. Penjaga gol - David Arumugam, *back* kanan - Jamal Nasir, *centre back* - Soh Chin Aun, Santokh Sing, *back* kiri - Yahya Jusoh, *Midfielder* - Abdah Alif, Wan Zawawi, Shukor Salleh, *wing* kanan - Abdullah Ali, James Wong, Hassan Sani. Pemain simpanan... *[Tepuk]*

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Penjaring, penjaring! Sebutkan penjaring sekali.

**Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Mokhtar Dahari! Mokhtar Dahari!

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Ya, Mokhtar Dahari. Pemain simpanan - Saifuddin Nasution. Misalnyalah! *[Dewan riuh][Ketawa]* Saya hendak bagi contoh. Hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebutkan tiga nama pemain bola sepak Malaysia. *[Ketawa]* Nescaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak kenal. Begitulah seriusnya, jatuhnya *ranking* kita sukan popular dunia ini. Ini soalnya. Bukan saiz. Abdah Aliff dan Wan Zawawi Jusoh, kecil sahaja. Bakri Ibni, lagi rendah. Hassan Sani dari Sabah, saya fikir Yang Berhormat Kalabakan boleh ingat, lagi rendah. Mokhtar Dahari sahaja gempal, dengan jaringan cantik, lawan England B, satu sama. Mengalahkan *goalkeeper*, Joe Corrigan.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** James Wong tinggi!

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Maknanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ikuti politik-politik. Akan tetapi ikuti bola ini minat kerana inilah sukan yang membuatkan kita duduk sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Soalan, baru soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. *[Dewan riuh][Ketawa]* Soalnya ialah, secara jujur dan berterus teranglah, bersungguh-sungguhkah kementerian hendak melaksanakan. Jangan tengok sukan individu. Sukan individu kadang-kadang berjaya kerana asuhan keluarga. Badminton kerana Datuk Sidek, Datuk Nicol David kerana asuhan bapanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Makin jauh soalan tambahannya tak timbul-timbul! *[Dewan riuh][Ketawa]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Ya, makin jauh. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Penting, penting sebenarnya.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Jadi isunya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak mengapalah. Saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri terkial-kial hendak jawab. Akan tetapi, tidak mengapalah. Gunakanlah ruang ini untuk yakinkan kita dengan menerangkan secara bersungguh-sungguh, logik dan munasabah bahawa di pihak kerajaan sebenarnya ada kesungguhan ini untuk menggerakkan persatuan sukan di seluruh peringkat akar umbi. Apakah kesungguhan itu ada? Apakah ada *political will* itu di kalangan pemimpin sukan negara ini? Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Sukan memang di kalangan rakyat kita memang bukan sanggup tetapi kita memang kalau bolehlah berkualiti.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa bolehlah?

**Tuan Wee Jeck Seng:** Semua suka. Itu kehendak semua. Jadi, bola sepak adalah di antara salah satu jenis sukan. Bukan kita hanya tumpukan kepada satu jenis sukan. Sukan ini kadangkala ada juga yang berjaya dan ada yang tidak berjaya. Jadi, tadi saya katakan badminton kita sudah berjaya, boling kita berjaya, mengapa kita tidak mengatakan itu berjaya? Mengapa kita mesti menumpukan kepada yang tidak berjaya? Kementerian selama ini memang mengambil berat. [*Dewan riu*] Kita ambil berat. Itu satu tanggungjawab kementerian.

Oleh sebab itu tadi saya katakan penubuhan ISN itu dan juga langkah-langkah yang kita ambil, memang satu-satu program itu memerlukan masa. Bukan dahulu atau sekarang. Yang pentingnya, adakah kita berjaya? Kalau kita boleh berjaya, apakah beza dahulu dengan yang sekarang? Yang pentingnya langkah-langkah kita. Kita perlu juga pendapat pandangan daripada Yang Berhormat. Bagilah pandangan, apa susah sangat?

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, berkali-kali sudah kita bagi yang dipohon.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Ini bagi pandanganlah ini. Tuan Yang di-Pertua, dengar kita bagi pandangan.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Peruntukan sudah cukup besar tau.

**Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Menteri dah bagi kah belum?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Yang Berhormat Menteri sudah mendengar kita suara 10 tahun dahulu. 10 tahun dahulu sudah suara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Apa punya jawapan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandangan ini tidak perlulah diberi di sini. Nanti, di ruang legar bolehlah beri pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau masa banyak.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Ya, kalau tidak puas hati, bagilah pandangannya. Saya baru tujuh bulan, tidak sampai 10 tahun, saya tidak tahulah mengenai itu. [*Dewan riuh*] Akan tetapi, saya ambil maklumlah. Saya ambil maklum, ada pandangan yang baik, maka bagilah. Kita akan beri perhatian dan berusaha-usaha bersama-sama untuk menjayakan kecemerlangan sukan negara kita. Sekian.

2. **Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah syarikat insurans konvensional dan syarikat takaful yang telah diberi lesen untuk beroperasi di negara ini. Dari jumlah tersebut berapa yang dimiliki oleh anak tempatan sepenuhnya: dan
- (b) berapa peratuskah dari keseluruhan perniagaan sektor insurans negara ini yang dinikmati oleh anak tempatan mengikut pembahagian insurans konvensional dan takaful.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:**

Tuan Yang di-Pertua, syarikat insurans konvensional serta takaful yang ekuitinya 51% ke atas dimiliki oleh pihak tempatan sama ada individu, organisasi ditakrifkan sebagai syarikat tempatan.

Dari segi bilangan syarikat, 48% insurans syarikat insurans konvensional, 29 dimiliki oleh syarikat tempatan manakala dari segi takaful, ada sembilan di mana lapan dimiliki oleh tempatan. Dari segi *business*, jumlah premium bagi insurans am, 65% dikuasai oleh tempatan manakala dari segi insurans hayat, 45% dimiliki oleh tempatan. Dari segi takaful, 1005 dimiliki oleh syarikat tempatan.

Yang Berhormat bertanya mengenai dengan syarikat yang dimiliki penuh oleh rakyat tempatan. Dari segi insurans konvensional, saya tidak mempunyai statistik lagi. akan tetapi dari segi takaful, saya ada empat dan empat syarikat ini menguasai lebih daripada 50% pasaran. Terima kasih.

■1020

**Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih timbalan menteri. Soalan tambahan saya, apakah usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama skim takaful di dunia oleh kerana skim ini kita lihat agak berjaya dan berkembang maju pada tahap yang membanggakan negara kita walaupun ianya hanya diperkenalkan sekitar tahun 1984. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat kepada beberapa konteks. Pertama, kita perlu memperkukuhkan takaful supaya takaful mempunyai kapasiti yang tinggi. Yang ini sedang kita lakukan. Kedua, kita memperkukuhkan industri domestik di mana dari segi kerajaan kita memberi *priority* kepada syarikat-syarikat takaful dari segi penggunaan insurans ataupun takaful perbekalan kerajaan. Di sektor perbankan, pihak

Bank Negara meminta supaya pihak bank memberi keutamaan kepada takaful apabila perlu untuk pinjaman perumahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tenggara. Lama tidak dengar suara Yang Berhormat Tenggara. Sila.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga rindu dengan Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk] [Ketawa]* Soalan tambahan saya, apakah kerajaan pernah terfikir untuk membela nasib rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin untuk mampu memiliki insurans sebagai satu perlindungan akibat kemungkinan berdepan dengan bencana. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum. Kerajaan belum lagi melihat kepada keperluan orang yang dianggap sebagai *vulnerable* seperti Yang Berhormat katakan itu. Terima kasih.

**3. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah *'technical staff'* Petronas di luar negara dan berapa peratuskah dari jurutera dan sebagainya ini terdiri daripada warganegara Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Petronas mengendalikan operasi di lebih 30 buah negara di dunia. Bagi mendukung operasi di luar negara, Petronas mempunyai seramai kira-kira 1,700 orang kakitangan teknikal dan kira-kira 270 atau 16% daripada jumlah kakitangan tersebut adalah warganegara Malaysia.

**Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin tahu dalam posisi yang masih dijawat oleh orang asing di Petronas. Apakah langkah yang diambil untuk melatih profesional tempatan supaya setaraf dan akhirnya mengambil alih kerja-kerja tersebut. Setakat ini, adakah Petronas memberi galakan kepada profesional-profesional berasal dari Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang berada di luar negara dan bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional asing untuk berkhidmat dengan Petronas? Saya juga ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri puas hati dengan kemampuan Petronas dan yakin ia dapat bertanding dengan syarikat minyak asing pada masa depan sebab Petronas amatlah penting untuk negara.

**Tan Sri Amirsham A. Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat kerana soalan tambahan itu. Petronas sebagai usaha niaga di luar negara mengamalkan dasar *corporate responsibility* di tiap-tiap negara yang ia menjalankan perniagaan. Oleh itu ada usaha-usaha untuk terus mendapatkan *technical-technical staff* ataupun ahli-ahli *expert* daripada negara-negara tersebut kerana kalau kita anggarkan kos menghantarkan pekerja-pekerja Malaysia atau *technical-technical staff* Malaysia ke luar negara memang agak tinggi. Jadi *part of*, sebahagian daripada

tanggungjawab sosialnya ialah untuk mengalihkan pekerja-pekerja di luar negara kepada *technical staff* yang berada di negara-negara tersebut.

Dari segi soalan berkenaan dengan kemampuan Petronas untuk bersaing di perniagaan dunia ini memang ternyata Petronas adalah satu-satunya syarikat Malaysia yang terulung. Ia adalah satu-satunya syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500. Itu telah menggambarkan kecemerlangan Petronas dari segi pendapatan dan juga persaingan di seluruh dunia. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebagaimana dengar tadi mempunyai ahli teknikal dan kakitangan Petronas di sekitar 30 buah negara di seluruh dunia. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, kapal-kapal kita yang dipunyai oleh MISC telah diserang dan diambil alih oleh lanun-lanun dan kita terpaksa membuang masa, merugikan keuntungan kita dan akhirnya membayar pampasan atau ugutan kepada lanun-lanun ini.

Jadi untuk keselamatan lebih kurang 2,000 orang kakitangan Petronas dan mungkin kakitangan-kakitangan negara kita yang berkhidmat untuk negara seperti Petronas ini, adakah pihak kerajaan mempunyai urusan dengan pihak-pihak keselamatan antarabangsa dan juga dengan kementerian-kementerian kita yang bertanggungjawab tentang keselamatan termasuk polis dan tentera untuk memastikan bahawa rakyat kita ini diawasi keselamatan mereka dan akan ada tindakan segera, bukan sebagaimana yang kita alami dalam kes-kes kapal ini jika perkara seperti itu berlaku pula kepada anggota Petronas kita ini. Terima kasih.

**Tan Sri Amirsham A. Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Kejadian serangan kapal MISC baru-baru ini di Somalia memang satu kejadian yang menyedihkan tetapi di peringkat kerajaan, pasukan *navy* ataupun tentera laut telah pun dihantar untuk mengiring kapal-kapal Malaysia ataupun kapal-kapal MISC di kawasan yang agak berbahaya itu. Di peringkat antarabangsa, kita pun telah mencadangkan di UN supaya dapat bekerjasama dengan pasukan-pasukan keselamatan dari pelbagai negara untuk mengawasi di kawasan Telok Eden itu supaya dapat syarikat-syarikat perkapalan dapat berjalan dengan lancar, tidak akan mengganggu perdagangan dunia.

Dari segi lain-lain keselamatan yang diambil oleh Petronas untuk menjaga keselamatan kakitangannya yang berada di luar negeri. Itu adalah satu-satunya pelan risiko yang Petronas terus ambil untuk mengatasi sekiranya ada kejadian-kejadian yang tidak diingini. Bukan sahaja dari segi ancaman daripada lanun dan juga keselamatan daripada ancaman seperti gempa bumi dan sebagainya. Itu biasanya diamalkan oleh tiap-tiap syarikat antarabangsa seperti Petronas dan juga syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di antarabangsa. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan tambahan yang menyentuh dengan soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah ada dua. Jadi, saya tidak benarkan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini agak penting, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, semua penting.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Sebab ini berkenaan dengan soalan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kalilah, Yang Berhormat. Tadi sudah ada dua soalan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Okey, okey, saya akur. Terima kasih.

**4. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan :-

- (a) bilakah jangkaan 'Dasar Automotif Nasional' yang siap dikaji semula dapat dibentangkan; dan
- (b) perincian mengenai jumlah dan ke mana 'Dana Pembangunan Automotif' yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Liew Vui Keong]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian semula Dasar Automotif Nasional yang sedang dijalankan pada masa ini adalah bertujuan untuk membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan dasar sedia ada dengan mengambil kira perkembangan semasa yang berlaku di peringkat tempatan dan global bagi memastikan industri automatif negara terus mampu mengekalkan dan meningkatkan daya saingannya.

Proses kajian semula ini juga mengambil kira pandangan dan maklum balas dari semua pihak yang terlibat dalam industri automatif termasuklah pihak industri dan jabatan dan juga agensi kerajaan yang berkaitan.

#### ■1030

Kajian ini dijangka disiapkan dan dibentangkan pada suku tahun pertama tahun depan. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan bagi Tabung Pembangunan Automotif. Tabung ini diperkenalkan oleh kerajaan bagi mempertingkatkan daya saing industri automatif menerusi pembangunan, penjualan dan pembelian perkakasan dan peralatan moden. Peningkatan produktiviti, program peningkatan eksport, proses rasionalisasi dan menerusi pembelian dan penggabungan pembiayaan semula pinjaman. Sehingga kini sebanyak 22 permohonan bernilai RM107.6 juta telah diluluskan untuk kemudahan pinjaman di bawah Skim Pinjaman Mudah bagi pembangunan automatif. Meliputi aktiviti pembuatan komponen dan alat ganti, dengan izin *injection of module plastic and fiber glass stamping and sub assembly of matter parts* dan pembuatan komponen kejuruteraan plastik.

Selain daripada itu, sebanyak RM41.4 juta telah diluluskan kepada Proton bagi tujuan pelaksanaan pelan tindakan konsolidasi pengedaran kenderaan Proton dan rasionalisasi

pengeluar komponen automotif kenderaan Proton. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM7.2 juta telah digunakan untuk konsolidasi pengedar dari 400 kepada 304 syarikat. Sasaran adalah 250 syarikat menjelang akhir tahun ini dan sebanyak RM34 juta untuk rasionalisasi vendor. Melalui program ini Proton telah dapat mengurangkan kelewatan dalam pemasangan komponen di kilang Proton, membantu konsolidasi dan rasionalisasi operasi vendor, membantu vendor dalam pembekalan bahan mentah dan meningkatkan pengaliran tunai vendor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana memberi pengesahan bahawa dasar automobil nasional masih belum boleh dibentangkan walaupun saya percaya pernah terbaca dalam akhbar beberapa lama dulu yang menyatakan ia sudah dibentangkan. Jadi ekoran daripada jawapan itu saya ingin anjurkan pertanyaan saya, apakah dasar automobil nasional ini akan diambil kira kesan langsung ke atas industri automobil dalam negara berdasarkan perjanjian zon perdagangan bebas akta.

Dinyatakan juga sains industri yang melibatkan vendor Proton dan dalam masa yang sama masih banyak masalah alat ganti ataupun komponen yang dikeluarkan untuk Proton yang masih gagal mencapai kualiti dan harga yang berpatutan. Untuk membolehkan modal kereta nasional itu benar-benar dapat bersaing dengan syarikat-syarikat pengeluar terkemuka dunia khususnya dari Jepun dan Korea. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sektor automotif merupakan industri yang paling penting kepada ekonomi negara kita. Jadi dalam kajian ini untuk mengkaji semula, pihak berkenaan akan mengkaji semula mengenai *manufacture license* dengan izin, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa *manufacture license* ini telah pun dibekukan dan kerajaan dalam proses akan mengkaji semula tentang membukakan proses *manufacture license* ini untuk memberikan saingan kepada industri-industri kenderaan di negara kita ini. Pada masa yang sama juga akan memberi insentif untuk mempromotekan pelaburan ke Malaysia ini.

Dalam saat ini akan memberi saingan juga kepada pelabur-pelabur tempatan dan daripada ini juga akan memberikan *green car policy*, *scrap policy* dengan izin, *mandatory standard* dengan izin, empat *field* polisi dan juga akan mengkaji semula *Vehicle Type Approval that is the VTA by the JPJ*, dengan izin untuk mengkomplykan standard. Dengan izin, Yang Berhormat akan dapat mengkaji bahawa sumbangan sektor ini kepada negara amatlah besar. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak berdiri tadi Yang Berhormat Arau sama Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Arau.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita harus memberi pujian kepada Proton sebenarnya atas usaha

murni yang telah dibuat oleh mereka selama ini yang telah berjaya memberi vendor-vendor bumiputera peluang perniagaan dan sejauh ini kita lihat rekod pencapaian Proton telah memberi peluang kepada banyak usahawan dan teknokrat bumiputera ini tanpa dapat ditandingi oleh mana-mana GLC lain. Soalan tambahan saya di bawah dasar automobil nasional ini, bagaimana pihak kerajaan dapat menjamin bahawa perniagaan vendor bumiputera ini akan terus dikekalkan dari segi jangka panjang dalam usaha memastikan bahawa transformasi usahawan bumiputera ini daripada pemilik syarikat pinggiran sehingga mereka berjaya menjadi entiti korporat yang disegani dan dipelihara.

Itu yang pertama yang kedua, apakah dasar automotif negara pada masa ini dilihat merugikan negara? Ini kerana kita lihat banyak pelabur-pelabur yang ingin melabur dalam sektor ini lari ke negara lain disebabkan ada sedikit dasar perlindungan yang dibuat ke atas kereta Proton kita ini.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sejak penubuhan Proton pada 1985, ia telah menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor automotif kita di negara ini. Ini turut menyebabkan perkembangan industri di negara kita ini yang melebihi, seiringlah dengan komponen automotif. Selaras dengan ini, teknologi dan kemampuan tempatan telah pun dibangunkan sejajar dengan pelan induk industri kerajaan. Jadi saya yakin kerajaan akan terus mengekalkan rasionalisasi vendor. Mengenai dengan soalan di mana membukakan *manufacture license* yang saya telah pun katakan tadi, ini akan memberikan peluang kepada *foreign manufacture* dengan izin dan juga *local manufacture* untuk datang dan membukakan pasaran dalam industri ini. Terima kasih.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kalau boleh. Pasal ini dalam pertimbangan perlu mendengar pandangan-pandangan, penting Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua *you punya mic* sudah off.

**5. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) langkah-langkah untuk membantu Pusat Servis bagi Perkhidmatan Gas Asli (NGV); dan
- (b) bilakah rancangan penambahan stesen Petronas yang menyediakan Pam Gas Asli (NGV)

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad ]:** Tuan Yang di-Pertua, galakan kerajaan ke arah penggunaan gas asli kenderaan ialah dengan cara memberikan pengecualian cukai import sebanyak total iaitu pengecualian 100% kepada cukai import ke atas alatan pengubahsuaian NGV ataupun *conversion kit*. Selain daripada itu, pada tahun 2006 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi tujuan

memberi geran kepada pembelian bas NGV yang dipasang di Malaysia dan juga untuk pengubahsuaian bas diesel kepada NGV. Geran ini masih lagi boleh digunakan sehingga pada akhir tahun ini.

Bagi menggalakkan pengubahsuaian NGV, Petronas NGV merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam memantau dan menyelia pusat-pusat servis yang layak untuk mendapat pengecualian cukai import yang saya sebutkan itu.

■1040

Sehingga kini sebanyak 58 buah pusat servis bagi perkhidmatan NGV telah beroperasi di seluruh negara. Dari segi soal yang kedua, dalam usaha menggalakkan dan perluaskan kemudahan NGV, kerajaan telah meminta dan mengarahkan kepada Petronas untuk membina 200 buah stesen NGV menjelang hujung tahun ini.

Walau bagaimanapun, dijangkakan bahawa hanya 13 sahaja yang dapat disiapkan hujung tahun ini untuk menambah kepada 87 yang sudah pun beroperasi. 13 buah itu termasuk dalam jumlah sebanyak 70 yang berada dalam peringkat pembangunan dan dalam peringkat *design* dan tender. Iaitu kalau untuk mencukupkan satu jumlah 200 buah stesen adalah dianggarkan 43 buah lagi yang berada dalam peringkat analisa sama ada sesuai atau tidak.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Rakyat kita memang mengalu-alukan penggunaan NGV kerana perbezaan harga gas asli dengan petrol begitu jauh. Akan tetapi, masalah yang dihadapi mereka adalah kekurangan bekalan gas asli. Kadang-kadang mereka terpaksa menunggu selama satu atau setengah jam untuk mengisi gas ini.

Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang atau menggalakkan syarikat minyak selain daripada Syarikat Petronas untuk bersama-sama membekal gas asli melalui stesen minyak masing-masing, kalau tidak mengapa? Minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa memang Petronas sudah pun digalakkan untuk membina stesen NGV. Mana-mana syarikat minyak boleh memohon untuk melakukan penjualan NGV di stesen mereka. Oleh kerana pada masa ini penjualan NGV diadakan pada kadar yang rendah, dan ia juga merupakan harga yang subsidi. Maka keperluan ataupun keinginan kepada syarikat-syarikat minyak lain untuk membuat yang sama tidak dapat digalakkan ataupun tidak dapat disambut dengan baik oleh pihak syarikat minyak yang berkenaan. Itu perkara yang pertama.

Yang kedua, pada keseluruhannya pun bekalan NGV di negara ini bagi tujuan penggunaan sama ada oleh sektor penjanaan kuasa ataupun oleh sektor pembuatan pun tidak dapat dibekalkan sepenuhnya oleh Petronas. Ia memerlukan bekalan tambahan daripada punca-punca yang lain dalam negara kita. Ini kerana kita sebagai sebuah negara yang sebenarnya mempunyai rizab gas asli yang lebih besar daripada simpanan minyak mentah kita sendiri atau rizab minyak mentah kita sendiri.

Kerajaan bercadang sekarang ini untuk menambahkan bekalan gas asli ke sebelah Semenanjung dan Sabah Sarawak dan bukan sahaja untuk penggunaan jana kuasa tetapi juga termasuk juga penggunaan sektor pembuatan dan juga bagi penggunaan pengangkutan. Dalam keadaan ini haruslah langkah-langkah diambil untuk memudahkan bekalan gas asli itu dibawa ke sebelah Semenanjung dan juga bagi kegunaan di Sabah dan Sarawak. Ini sudah pun diputuskan dan kajian sedang dibuat untuk menentukan bekalan gas asli itu dapat kita tambahkan bagi penggunaan bukan sahaja bagi penggunaan sektor penjanaan kuasa, tetapi juga untuk sektor pembuatan dan juga untuk pengangkutan.

Ketiga, pada pertimbangan kerajaan sebenarnya ialah galakan yang harus kita berikan bagi penggunaan gas asli dari segi dalam pengangkutan ialah lebih kepada pengangkutan awam. Oleh sebab itu sebenarnya ialah galakan yang harus kita berikan bagi penggunaan gas asli dari segi pengangkutan ialah lebih kepada pengangkutan awam dan sebab itu sebenarnya kerajaan dalam bajetnya tahun 2006 memberikan galakan dari segi bentuk geran bagi memindahkan sebahagian daripada bas-bas di negara kita ini untuk menggunakan NGV. Bagi kita untuk menggalakkan penggunaan yang lebih luas untuk kenderaan persendirian, saya rasa soalnya masih dari segi bilangan stesen Petronas yang boleh membekalkan gas ini.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan jangan panjang sangat Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya. Menyentuh sedikit tentang jawapan yang akan membawa kepada soalnya. Daripada jawapan yang diberikan dan juga dalam perbincangan-perbincangan yang sebelum daripada ini, nampak jelas bahawa sebenarnya NGV ini juga merupakan minyak yang harganya agak mahal.

Jikalau kita dengar daripada penjelasan yang dahulu, IPP adalah penerima subsidi yang tertinggi kerana mereka menggunakan NGV untuk menjana kuasa elektrik. Apabila dibandingkan jumlah subsidi yang mereka terima dan dengan jumlah megawatt yang mereka janakan dengan dibandingkan dengan TNB, nampak tidak begitu efisien. Lalu ini menunjukkan bahawa NGV mendapat subsidi yang agak tinggi dan ianya mempunyai harga yang begitu mahal, tetapi seperti mana yang disebut tadi juga bahawa dasar kerajaan hendak menggalakkan penggunaan NGV ini untuk industri dan untuk pengangkutan awam. Maka...

**Beberapa Ahli:** Soalan, soalan...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini hendak pergilah kepada soalan, sabarlah. Hendak kata *live telecast*, sudah habis. So, sabar. Soalnya, sejauh manakah NGV ini merupakan penyelesaian kepada keperluan pengguna dan kenderaan peribadi.

Mengikut dasar dan polisi yang disebutkan tadi, galakan adalah untuk industri. Apabila kita galakkan orang pasang sistem NGV di kereta-kereta mereka, tiba-tiba subsidi distrukturkan kembali. Maka rakyat yang memasang sistem NGV di kereta-kereta mereka juga menjadi

mangsa. Yang saya ingin bertanya, soalnya dua. Nombor satu, berapakah subsidi yang sebenarnya, harga pasaran yang sebenarnya untuk NGV? Berapakah subsidi yang sebenarnya dibayar, memandangkan sekarang ini mungkin kenderaan persendirian tidak banyak. Lalu kerajaan bayar subsidi diam-diam tetapi dia galakkan orang pasang.

Yang kedua soalnya apakah jaminan sekiranya sudah pasang sistem NGV ke kenderaan-kenderaan peribadi persendirian, maka struktur harga yang sedia ada di mana harga NGV adalah lebih murah daripada petrol, akan dikekalkan? Sedangkan kita tahu bahawa pasaran antarabangsa kemungkinan ianya tidak begitu. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun menunggu-nunggu juga bulan September lalu mungkin ada perubahan kerajaan dan mungkin akan ada perubahan dasar. Bagi saya atau pihak kerajaan untuk menjawab tentang masa-masa yang akan datang selepas pilihan raya yang ke-13, pilihan raya ke-14...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh jawab soalan macam itu? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh arah Yang Berhormat macam-macam cara dia untuk menjawab. Sila. *[Ketawa]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Kalau Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam boleh panjang lebar menghuraikan sebelum bertanya, apa salahnya saya menjawab...*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada silap saya akan tegur, tetapi kalau saya tidak tegur bermakna bolehlah itu.

■ 1050

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana kadang kala...

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Minta maaf sama abang dululah. *[Ketawa]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, mana-mana kerajaan pun yang berada di dalam sistem demokrasi, boleh merancang setakat masa yang ia diberi mandat, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat bakal menjadi menteri petroleum umpamanya *[Ketawa]* dalam kerajaan yang baru ini, insya-Allah...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Amin, amin. Abang doakan untuk adik, bagus tu. *[Ketawa]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Pada kita saya rasa memang sepatutnyalah kita mendoakan yang baik kerana insya-Allah kalau kita mendoakan yang baik, yang menjangkakan mereka itu lebih baik, insya-Allah mereka boleh berjaya tetapi tidak pasti lagi kerana masanya masih ada, tetapi apa yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Shah Alam memanglah satu yang harus kita pertimbangkan.

Pertamanya kerana harga NGV, NG ataupun gas asli pada masa ini ialah pada paras yang memang rendah daripada apa yang sepatutnya iaitu dari segi dasar kerajaan ialah bahawa harga gas asli sepatutnya setengah ataupun 50% rendah daripada harga petrol hari ini, tapi kita belum lagi dapat membawa pada keadaan itu.

Tambahan kepada itu, kerajaan sebenarnya mempunyai dasar untuk menggalakkan penggunaan gas asli bagi pengangkutan awam, dan sebab itu kita lihat bahawa dari segi kenderaan bermotor yang menggunakan gas asli lebih 80% terdirinya daripada teksi, iaitu sebahagian daripada pengangkutan awam, dan penggunaan jumlah kenderaan persendirian hanya setakat 3,000 sahaja yang menggunakan gas asli, sebenarnya kerajaan tidak menggalakkan bagi kenderaan-kenderaan persendirian untuk menggunakan gas asli tetapi tidak juga melarang kerana ini merupakan pilihan kepada pemilik-pemilik kenderaan persendirian sama ada mereka hendak mengubah suai kepada gas asli ataupun terus kekal dengan penggunaan petrol dan diesel kerana dalam mana-mana ekonomi pun harus diberikan pilihan kepada pengguna untuk menentukan mana yang lebih baik, mana yang lebih sesuai untuk mereka.

Jadi soal kita nak menjadikan mana pihak mangsa ataupun tidak haruslah kita sedar bahawa ianya berasaskan kepada pilihan yang diberikan oleh pasaran kita dan bagi kerajaan memang seperti mana saya katakan memanglah bertujuan untuk menambahkan bekalan gas asli dan penggunaannya di negara ini sama ada di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak supaya kita dapat mencapai keadaan di mana alam sekitar tidak tercemar dan sebagainya, dan supaya janganlah pula hanya penggunaan gas asli ini hanya tertumpu di sektor penjaan kuasa tetapi dapat diperkembangkan juga diperluaskan juga kepada sektor pembuatan dan juga penggunaan pengangkutan awam.

**6. Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bersedia untuk meminda Akta Profesyen Undang-undang 1976 untuk memberi peruntukan berkenaan 'plea bargaining'. Jika tidak, berikan alasan-alasannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**  
Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai *plea bargaining* ini tidak diperuntukkan dalam Akta Profesyen Undang-undang 1976 ataupun Akta 166, ini kerana *plea bargaining* adalah berkaitan dengan tatacara jenayah dan akta yang mentadbir tatacara jenayah di negara ini ialah kerana Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) iaitu Akta 593, ruang lingkup Akta Profesyen Undang-undang 1976 menjurus kepada mengawal seliaan profesion undang-undang dan tiada kaitannya dengan tatacara jenayah.

Dimaklumkan bahawa masa ini, tidak terdapat apa-apa peruntukan mengenai *plea bargaining* dalam KTJ iaitu Kanun Tatacara Jenayah, namun begitu bagi mengkaji kebolehlaksanaan *plea bargaining* dalam prosedur pendakwaan jenayah dalam negara ini. Satu jawatankuasa kerja kajian kes-kes tertunggak mahkamah yang dianggotai oleh Jabatan Peguam

Negara, mahkamah, Jabatan Insolvensi Malaysia, Biro Bantuan Guaman, Kementerian Kewangan, Sekretariat PEMUDAH, dan Majlis Peguam telah ditubuhkan.

Antara lain jawatankuasa ini telah mencadangkan supaya *plea bargaining* diperkenalkan dalam prosedur pendakwaan jenayah di mahkamah untuk membantu mempercepatkan proses dan perbicaraan kes di mahkamah. Kerajaan bersedia untuk menimbangkan meminda Kanun Tatacara Jenayah bagi memasukkan peruntukan mengenai *plea bargaining* dengan izin, jika didapati sesuai dan dapat memastikan keadilan dicapai dengan cara yang betul dan efisien. Namun begitu perkara ini masih dalam perbincangan antara semua pihak yang berkenaan termasuk mahkamah, Majlis Peguam dan Jabatan Peguam Negara yang belum dimuktamadkan lagi, dan mesyuarat yang terakhir telah diadakan semalam.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Soalan tambahan, adakah benar Majlis Peguam ada menghantar satu draf undang-undang mengenai *plea bargaining* untuk mendapat persetujuan daripada kerajaan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat itu namun seperti mana yang telah saya sebutkan sebentar tadi itu bahawa Majlis Peguam adalah satu daripada anggota jawatankuasa yang sedang melihat untuk menyelesaikan masalah kes tertunggak. Jadi saya percaya kalau mereka ada di sana bermakna sudah tentu apa juga perkara yang dibangkit itu telah pun sampai kepada pihak yang bertanggungjawab.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya melihat daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa *plea bargaining* ini bukan satu perkara yang penting dalam mencapai keadilan jenayah, cumanya saya ingin bertanya kerana terdapat kes yang sebelum ini melibatkan salah guna proses *plea bargaining* yang melibatkan Peguam Negara dan juga Ketua Pendakwaan dan melibatkan Ketua Pembangkang kerana saya rasa dalam hal ini, sekiranya *plea bargaining* ini tidak ditangani dengan secara betul untuk mencapai keadilan, ia akan mewujudkan satu salah guna dan saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, bagaimana *plea bargaining* ini mahu dipastikan bahawa tidak berlaku lagi seperti yang berlaku sebelum ini seperti yang dibangkitkan di dalam kenyataan bersumpah, satu *declaration* seorang peguam bernama Manjit Singh. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kalau ada berlaku *plea bargaining*, ianya tidak melibatkan mahkamah, ini merupakan perkara yang berlaku di antara Defence Council dan Pendakwa, jadi untuk mengatasi kalau sekiranya di masa akan datang mungkin ada penyalahgunaan *plea bargaining* ini sebab itu kita sedang berbincang dan saya rasa kemungkinan besar ia akan diterima kerana *plea bargaining* ini telah pun diterima dan di *qualified* di negara India, cuma di negara lain ianya tidak di *qualified*kan. Jadi kemungkinan

besar bahawa *plea bargaining* ini akan dijadikan sebahagian daripada perkara yang dibolehkan di bawah KTJ dan insya-Allah dengan ianya dimasukkan, kemungkinan besar akan dimasukkan maka kita boleh memantau penggunaan *plea bargaining* ini dalam kes-kes tertentu.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Matulidi bin Jusoh (Dungun) tidak hadir]*

**8. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan secara terperinci semua misi perdagangan antarabangsa yang telah dijalankan dari 8 Mac 2008 sehingga terkini termasuk jumlah kos dalam setiap misi dan jumlah nilai pelaburan yang direalisasikan. Adakah pihak kementerian menjemput Menteri Besar atau Ketua Menteri Pakatan Rakyat menyertai misi-misi tersebut

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rasah, sejak 8 Mac tahun ini sebanyak lima misi galakan perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah diadakan di Amerika Syarikat daripada 13 Mei hingga 23 Mei tahun ini. Ke Hong Kong daripada 15 Jun hingga 17 Jun tahun ini, Jepun daripada 5 Julai hingga 12 Julai tahun ini, ke Vietnam, daripada 27 Julai hingga 30 Julai tahun ini.

■1100

Ke Singapura - RM284,245. Jumlah pelaburan berpotensi yang dikenal pasti daripada misi-misi ini adalah seperti berikut:

- (i) Misi galakan perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat RM2.1 bilion;
- (ii) Misi galakan perdagangan dan pelaburan ke Jepun RM2.64 bilion;
- (iii) Misi galakan perdagangan dan pelaburan ke Vietnam RM2.68 bilion;
- (iv) Misi galakan perdagangan dan pelaburan ke Singapura RM489.4 juta.

Di samping pelaburan berpotensi berjumlah RM7.36 bilion, jualan bilangan secara langsung berjumlah RM1.2 juta telah dicapai. Jualan berpotensi berjumlah RM28.8 juta telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 200 syarikat termasuk agensi-agensi di bawah kerajaan negeri termasuk *Invest Perak*, *Invest Penang*, dan Perbadanan Pelaburan negeri Selangor daripada kerajaan negeri Pakatan Rakyat telah menyertai misi-misi galakan perdagangan dan pelaburan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri belum lagi menjemput menteri besar atau ketua menteri dari negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat untuk menyertai misi galakan perdagangan dan pelaburan tersebut. Sekian.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, baru-baru ini ada mengeluarkan satu kenyataan menyatakan, bahawa untuk menghadapi kemelut ekonomi ini kerajaan meminta supaya parti-parti pembangkang bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan supaya sama-sama

menghadapi kemelut ekonomi yang sedang kita hadapi ini. Akan tetapi, jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan belum ada lagi cadangan untuk menjemput menteri besar atau pun ketua menteri daripada Pakatan Rakyat. Adakah ini cakup tidak serupa bikin bahawa Barisan Nasional belum bersedia untuk bekerjasama, walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa panggil, bekerjasama untuk bersama-sama kita menghadapi krisis ini, tetapi kementerian tidak membuat demikian.

Jadi, ini cakup tidak serupa bikin. Ini kerana saya rasa, sekarang persaingan ialah bukan di antara negeri-negeri Barisan Nasional dengan negeri-negeri Pakatan Rakyat. Persaingan ialah di antara Malaysia dengan dunia luar terutamanya dalam FDI. Saya melihat dalam suatu *survey, World Investment Prospect Survey 2007 hingga 2009*. FDI yang dibuat oleh *United Nation Conference on Trade and Development (UNCTAD)*, Malaysia berada dalam tangga ke-14 dari segi destinasi FDI yang paling popular. Di Asia Tenggara, kita berada tangga ke-3 di belakang Vietnam dan Thailand. Vietnam tangga ke-6, Thailand tangga ke-12. Jadi, soalan saya ialah apakah strategi kementerian untuk menarik, menjadikan Malaysia lebih popular, menjadikan salah satu destinasi FDI? Adakah kementerian bersedia untuk menjemput ketua menteri dan menteri-menteri besar daripada Pakatan Rakyat untuk bersama-sama dalam misi perdagangan yang akan datang? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat dari Rasah. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bukan jawapan kepada sebab mengapa menteri besar dan ketua menteri tidak dijemput untuk menyertai misi-misi tersebut. Soalannya ialah pihak kementerian, MITI belum lagi menjemput menteri besar atau ketua menteri dari negeri-negeri Pakatan Rakyat untuk menyertai misi-misi tersebut.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sebelum 8 Mac 2008, Kerajaan Barisan Nasional memang ada menjemput kerajaan daripada Pas di Kelantan untuk menyertai misi-misi perdagangan MITI. Sekiranya terdapat menteri-menteri besar atau ketua menteri dan juga Exco Yang Berhormat dari kerajaan negeri Pakatan Rakyat yang berhasrat untuk menyertai misi ini, sila maklum kepada MITI dan kami akan mempertimbangkan permohonan Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak mengamalkan diskriminasi terhadap mana-mana negeri dalam usaha menarik pelaburan asing ke Malaysia. Peluang yang sama telah diberikan kepada semua agensi seperti *Invest Perak*, pelaburan negeri Selangor. *Invest Penang* daripada negeri Pakatan Rakyat untuk menyertai misi perdagangan ke Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura yang telah saya nyatakan tadi. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau mereka hendak dijemput untuk ikut tetapi duduk diam sahaja baik tidak payah bawalah. Sebenarnya saya lihat kerajaan negeri ini seperti negeri Johor, mereka melakukan inisiatif sendiri juga untuk menarik pelabur asing datang ke negeri mereka. Tidak perlu hendak

tunggu hendak jemput-jemput, pandailah, sudah tahu hendak memerintah, pandailah hendak buat sendiri juga.

Pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah satu daripada cabaran besar yang kita hadapi dalam soal menarik pelabur asing, FDI ini ialah kerana kita berhadapan dengan masalah pelaburan yang bersifat *labour intensive*, sebab itulah yang disebut oleh Yang Berhormat Rasah tadi menyebabkan kita ke belakang sedikit sebab sekarang orang pergi ke Vietnam. Sebab kita tidak akan menggunakan pekerja-pekerja Indonesia jika sekiranya pelaburan itu berasaskan *labour intensive*, kerana akhirnya kita berhadapan dengan masalah yang lain pula, sebab itu kita bergantung pada pelaburan yang bersifat *high end technology*. Jadi, persoalan saya di sini ialah apakah sebenarnya persiapan kerajaan kita, langkah-langkah untuk mengatasi masalah seumpama ini supaya kita tidak berhadapan dengan masalah kekurangan kemasukan pelabur asing yang cukup nyata sekarang ini. Apakah kita hanya bergantung kepada koridor-koridor kita untuk menarik pelabur asing khususnya daripada Timur Tengah? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batu Pahat. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi mengenai jemputan yang akan diberi daripada MITI ini. Mengenai dengan pelaburan *labour intensive* yang telah pun nyatakan oleh Yang Berhormat, saya di sini tidak ada maklumat mengenai perkara itu dan saya akan memberi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**[Soalan No. 9 –Y.B. Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) tidak hadir]**

**10. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]** minta Perdana Menteri menyatakan berapa kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk Jamuan Makan Malam Majlis Peguam Malaysia untuk peguam-peguam yang diadakan di Hotel JW Marriot pada bulan April 2008 dan juga menyatakan mengapakah kerajaan perlu membayar jamuan makan malam persendirian oleh badan profesional yang sedemikian.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang telah dibayar oleh kerajaan untuk Jamuan Makan Malam untuk Majlis Peguam Malaysia adalah berjumlah RM81,965.75 sen. Pihak kerajaan bersetuju untuk menanggung kos penganjurannya atas dasar keraian bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa jawapan Yang Berhormat Menteri ini tidak lengkaplah sebab saya tanya kenapakah kita perlu membayar bayaran untuk jamuan makan malam ini? Yang Berhormat Menteri mesti fahami bahawa anjuran jamuan makan ini adalah di bawah nama Majlis Peguam dan bukan kerajaan. Jadinya, soalan saya yang pertama adalah sama ada jamuan makan malam ini dan bayaran

RM81,000 ini telah dibincang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Itu soalan pertama.

■ 1110

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa dalam sejarah negara kita kerajaan tidak pernah membayar kos jamuan makan malam yang dianjurkan oleh mana-mana badan profesional atau swasta di mana Perdana Menteri atau menteri dijemput hadir untuk memberi ucapan rasmi. Bukankah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bahawa pimpinan Yang Amat Berhormat membuat bayaran ini untuk apa? Untuk kepentingan politik UMNO. [*Dewan riuh*]

Nanti dulu. Untuk politik UMNO, untuk membeli puji-pujian saja. Pujian terpaksa dan yang akhirnya puji-pujian ini sia-sia sahaja oleh kerana Perdana Menteri telah gagal melaksanakan apa yang beliau berjanji dalam majlis makan malam itu. Mana mahu tubuhkan JAC, mahu buat satu reformasi dalam kehakiman. Terima kasih. Jangan mengelaklah. Jawab, ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, semua yang dia cakap semua tidak betul. Pertama, sudah tentulah mana-mana badan profesion kalau dia mahu mengadakan majlis makan malam, dia sudah tentu akan menjemput kementerian yang ada kaitan dengan profesion itu. Kalau doktor-doktor, dia akan panggil Menteri Kesihatan, kalau arkitek dia akan panggil JKR, kalau peguam dia panggil Perdana Menteriilah.

Siapa kata tidak payah? Waktu saya menjadi pertama kali pegang jawatan sebagai menteri yang bertanggungjawab untuk undang-undang, umum semua tahu bahawa hubungan di antara Majlis Peguam dengan kerajaan agak tidak begitu baik di bawah pentadbiran Perdana Menteri yang dahulu. Sebagai seorang menteri dan juga saya seorang peguam yang menjaga portfolio undang-undang, saya merasakan itu untuk *healthy climate* di negara kita.

Kerajaan, kehakiman dan Majlis Peguam harus berada dalam keadaan yang baik supaya akan dapat meyakinkan bukan sahaja kepada rakyat kita tetapi juga kepada dunia iaitu bahawa sistem kehakiman di negara ini berada dalam keadaan yang baik. Jangan adanya pergaduhan yang teruk dan perbalahan pendapat yang teruk di antara Majlis Peguam dan kerajaan atau juga kehakiman. Jadi ke arah itulah juga sebagai seorang peguam walaupun saya sudah tidak amal sejak menjadi menteri, saya rasa bertanggungjawab untuk merapatkan hubungan di antara kerajaan dan juga dengan Majlis Peguam.

Maka, oleh kerana itu sebelum ini pada *14th Malaysian Law Conference* anjuran Majlis Peguam pada 29 Oktober 2007 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur, kerajaan telah pun membiayai kos makan malam itu sebanyak RM107,659.69 yang ditanggung oleh Pejabat Perdana Menteri. Akan tetapi kalau Yang Berhormat rasa Majlis Peguam...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu *conference*, Yang Berhormat. Itu *conference*. Ini majlis jamuan makan malam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wangsa Maju, biar dia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini baru huraian. Esok kalau kerajaan Yang Berhormat boleh tubuh nanti, nanti akan lihat iaitu apa tidak boleh bayar pula. Makna tidak mahu berbaik dengan Majlis Peguamlah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu rasuah, itu rasuah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu bukan rasuah. Itu bukan rasuah, ya. Itu bukan rasuah tetapi itu merupakan percubaan untuk merapatkan hubungan di antara Majlis Peguam dengan kerajaan. Hanya orang buta macam Yang Berhormat yang tidak faham.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Mahu dapat puji-pujian saja. Bukan apa. Untuk kepentingan UMNO.

**Tuan Yang di-Pertua:** Wangsa Maju, Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini Yang Berhormat Wangsa Maju memang selalu sangka buruk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita tidak mahu puji-pujian. Cuma orang buta macam Yang Berhormat tidak faham iaitu bahawa ada hubungan yang sebelum ini...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...yang tidak rapat. Yang tidak rapat di antara...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak nampak pun dia ini. Siapa yang bercakap? Saya dengar suara saja, Yang Berhormat. Suara saja dengar. Orang saya tidak nampak. *[Ketawa]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, sangkaan jahat dan mengelirukan Dewan. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang ketiganya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wangsa Maju dan Padang Serai, sila duduk. Yang Berhormat Menteri sedang menjawab. Sila duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sangkaan jahat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tidak nampak itu butalah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Iaitu bahawa hubungan di antara Majlis Peguam.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri buta. Tidak nampak.

**Seorang Ahli:** Ini menteri buta huruf.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak nampak. Gelap. *[Ketawa]*  
Tolong hantar lampu sana. Mungkin saya nampaklah. Saya dengar suara ada hantu Yang Berhormat dekat sana. Jadi, dia tidak perlu. Ini dia tidak faham. Cakap tentang benda yang dia tidak faham. Sebab itu tanya benda yang tidak betul.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri buta huruflah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dia berhak untuk berbuat demikian dan dia boleh merai sesiapa yang dia mahu macam kita buat makan untuk Hari Raya, raya Cina dan raya Hindu.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu tidak sama.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi oleh kerana itu, siapa kata tidak sama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu kita ikut prosedur.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu rasuah!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita tidak buat apa-apa. Macam mana kita mahu rasuah kalau apa yang mereka mahu, kita mahu buat. Yang Berhormat pun tidak faham dan tidak tahu bahawa JAC kita akan bentang dalam majlis ini juga.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sabarlah. Tunggu. Akan tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*  
...Adalah tidak betul tuduhan Yang Berhormat kerana dalam sesi ini juga kita akan bentang iaitu apa yang dikatakan *Judicial Appointment Committee*. Insya-Allah.

Jadi semua tuduhan-tuduhan itu tidak betul yang dibuat oleh Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of order, point of order.*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya mahu ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri saja.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Padang Serai, duduklah.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order* 36(4). Adalah menjadi kesalah bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan dan biadab. Tadi Yang Berhormat Menteri jadi kurang ajar. Menghina orang buta. Bolehkah dia menarik balik perkataan itu?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mana ada penghinaan. Itu Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat satu *ruling*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mahu buat *ruling* sekarang, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada dulu saya perhatikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berpegang teguh kepada peraturan mesyuarat apabila peraturan mesyuarat itu menyebelahi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat. Akan tetapi apabila peraturan mesyuarat tidak memihak, peraturan mesyuarat tidak diendahkan. Yang Berhormat Wangsa Maju menuduh bahawa rasuah. Itu sangkaan jahat. Akan tetapi, akan tetapi saya perhatikan bahawa ini sudah satu budaya Ahli-ahli Parlimen Malaysia memanggil nama dan melanggar peraturan. Tidak apa. Selepas itu menuduh bukan-bukan dan sangkaan jahat. Kita biarkan.

Apabila pihak yang menjawab tidak suka didengar oleh Yang Berhormat Padang Serai, Bukit Gelugor dan Wangsa Maju, maka dikeluarkan peraturan mesyuarat. Itu makanya pada suatu persidangan dulu saya kata dengan Yang Berhormat Gombak bahawa semuanya betul. Kenapa apabila saya tidak betulkan, semua melanggar peraturan mesyuarat. Saya kata lengang Dewan ini. Semua saya halau keluar. Jadi maka itu, marilah kita sama-sama saya merayu lagi berpegang teguh kepada peraturan mesyuarat. Elakkan daripada berhujah yang melanggar peraturan mesyuarat dan jangan membangkitkan peraturan mesyuarat kalau peraturan mesyuarat itu menyebelahi diri sendiri atau pihak diri sendiri.

Jadi bagi saya, saya tidak ada nampak di mana di situ ada peraturan mesyuarat kerana apabila saya buat, maka Yang Berhormat Wangsa Maju terpaksa saya suruh keluar, Yang Berhormat Padang Serai terpaksa saya suruh keluar dan ada lagi ahli-ahli Yang Berhormat juga yang saya suruh keluar. Itu bagi saya.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bermula daripada sekarang, janganlah kerana Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi pun gunakan juga perkataan. Sila.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mencelah? Tuan Yang di-Pertua, nama Tuan Yang di-Pertua ialah Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

■1120

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya tahu fasal itu nama saya. *[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ada dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua dalam masa lampau, Tuan Yang di-Pertua adalah *noble warrior*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu juga saya tahu fasal itu adalah nama saya.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** ... tidakkah *noble warrior* tak akan menentukan orang buta tidak dihina dalam Dewan yang mulia ini oleh seorang menteri yang kurang ajar itu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah-sudah Yang Berhormat Bukit Gelugor, kita jangan panjangkan lagi.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bukan panjangkan Tuan Yang di-Pertua, ini jadi satu penghinaan kepada orang OKU dan saya jadi wakil orang OKU dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]* Bolehkah menteri yang kurang ajar ini tarik balik? *[Dewan riuh]*

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Batu Pahat dan lain-lain itu, saya tidak nampak, saya tidak menyebelahi kepada siapa-siapa. Saya tidak nampak bahawa dia menghina secara keseluruhan OKU.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Orang buta!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia cuma persoalkan itu kepada Yang Berhormat Padang Serai dan itu pun saya nampak secara budaya Parlimen ini kerana dulu saya ingat Yang Berhormat Bukit Gelugor, apabila sahaja bercakap memanggil Yang Berhormat Kinabatangan perkataan yang saya sendiri pun tak boleh sebut.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Itu lain, perkara lain sudah habis. *[Dewan riuh]* Ini perkara sekarang yang sedang berbangkit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sekarang ini, beginilah Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bolehkah saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak boleh lagi oleh sebab Yang Berhormat Bukit Gelugor juga tadi telah menggunakan perkataan kurang ajar.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bolehkah saya mencelah sekali lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Yang Berhormat Bukit Gelugor mencelah, saya rasa sudah cukuplah itu Yang Berhormat, cukup, cukup. Bagi saya sudah cukup, kalau tidak cukup itu saya sendiri akan menggunakan kuasa saya di bawah 44 untuk saya pula ...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan main-main.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak main-main Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, ini jadi satu perkara yang serius. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya serius.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tidak serius! Tuan Yang di-Pertua tidak serius dalam perkara ini!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang ini saya gunakan kuasa saya di bawah 44(3), jadi Yang Berhormat Bukit Gelugor saya gantung untuk dua hari tidak boleh menghadiri Dewan oleh sebab menggunakan perkataan 'kurang ajar'. *[Tepuk]*

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Siapa kurang ajar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara, bentara sila jalankan tugas. Bermakna saya sekarang menunjukkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya serius. Saya tidak salah gunakan kuasa. Bentara, sila.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya tidak mahu keluar, boleh buat apa sahaja, saya tidak mahu keluar. Jangan main-main! *[Bentara mendekati Yang Berhormat Bukit Gelugor]* No, you wait for a while.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Ahli Yang Berhormat enggan, ada lagi kuasa saya di bawah 44. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Keluar! Keluar!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah menggunakan kuasa saya dan saya serius. Saya telah dituduh oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor bahawa saya main-main dan saya tidak serius. *[Tepuk]* Sekarang ini saya gunakan kuasa saya dan saya tidak main-main dan saya serius.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Seriuslah Tuan Yang di-Pertua, jangan main-main.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, kita boleh tenang Dewan yang mulia ini. *[Dewan riuh]* Kita tahu kita tadi ... *[Dewan riuh]* Sukalah, suka ada keputusan dibuat. Kita tenang Dewan yang mulia ini, tadi kita semua tidak begitu serius, baik. Sekarang kita serius tetapi janganlah kita apabila mahu memulakan serius, ada tindakan yang boleh menjejaskan nama baik kita. Saya harap supaya Tuan Yang di-Pertua boleh menimbangkan semula dalam perkara ini so boleh menenangkan Dewan yang mulia ini. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat tahu pendirian saya daripada bulan April. Ahli-ahli Yang Berhormat tahu kesabaran saya, saya gunakan kuasa kepada Yang Berhormat Puchong oleh sebab mencabar saya. Sekarang pula Yang Berhormat Bukit Gelugor pula memanggil saya main-main.

Yang Berhormat Ipoh Timur, saya hormati Yang Berhormat Ipoh Timur kerana seorang *Parliamentarian* yang telah pun berkhidmat begitu lama. Akan tetapi Yang Berhormat Ipoh Timur beberapa kali juga melanggar peraturan mesyuarat, itu pun saya biarkan kerana saya tidak mahu mengganggu perbincangan. Sudahlah itu, saya tidak mahu tarik balik dengan keputusan saya, saya menggantung Yang Berhormat Bukit Gelugor dua hari dan bentara sila jalankan tugas.

Kalau itu tidak diikuti, saya juga gunakan kuasa saya di bawah 44 dan saya akan jemput seorang menteri untuk buat usul supaya Yang Berhormat Bukit Gelugor dihadapkan ke jawatankuasa.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kebetulan dengar dan bersama dengan Tuan Yang di-Pertua dalam mendengar penghujahan jawapan menteri dan ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan juga Pakatan.

Saya tengok konteksnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit gurauan dan juga ketegangan dan beberapa istilah yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak yang dikira kurang wajar. Dalam hal ini saya memang setuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Cuma dalam keadaan sedemikian, memandangkan prestasi yang baik yang ditunjukkan oleh Tuan Yang di-Pertua selama ini...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dengar dulu, dengar dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya tidak pernah berhujah biadab dengan sesiapa, pembangkang atau Barisan Nasional baik masa saya dalam kerajaan dan saya sebagai Ketua Pembangkang. Yang Berhormat Sri Gading tahu itu, jadi saya harap Yang Berhormat dengar. Hal ini bukan kerana saya, saya seperti Tuan Yang di-Pertua ingin mempertahankan kemuliaan Dewan. Kami mewakili Pakatan dan saya dalam beberapa perjumpaan tidak pernah mempertikaikan kewibawaan dan integriti Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu saya atas nama Ketua Pembangkang, walaupun mengerti dan memahami pendirian Tuan Yang di-Pertua setelah beri beberapa kali amaran tetapi saya juga ikuti dalam perbincangan beberapa kenyataan yang cukup biadab juga dilahirkan oleh ramai yang lain dan jauh lebih berat daripada yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa prejudis jauh lebih berat, jauh lebih menghina dan baik dari segi adab agama ataupun peraturan Dewan. Sebab itu saya minta kalau boleh dengan ihsan kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk tidak meneruskan dengan perintah tersebut. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Pahat tolong duduk dulu. Sebelum ini saya enggan menggunakan kuasa saya, semua Ahli-ahli Yang Berhormat tahu. Kalau Ketua Pembangkang boleh memberi jaminan kepada saya bahawa dalam persidangan-persidangan akan datang umpamanya tuduhan-tuduhan liar yang selama ini pun saya pura-pura tidak dengar seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Kalau itu boleh dapat diberi jaminan kepada saya, Majlis ini ialah Majlis Ahli Yang Berhormat, saya boleh berkompromi.

Akan tetapi bermula dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor jangan lagi gunakan perkataan-perkataan kurang ajar, jangan lagi guna perkataan *unparliamentary*. Mulai daripada hari ini, kalau jaminan itu saya dapat, saya bersedia untuk tarik tetapi kalau tak payah jaminan, saya mohon maaf Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua mohon jaminan supaya saya menggunakan kebijaksanaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai Ketua Pembangkang.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...sebagai Ketua Pembangkang berbincang dengan pemimpin-pemimpin pembangkang lain untuk memastikan bahawa tidak ada istilah yang kesat dan biadab digunakan. Saya juga meminta sahabat saya Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu Ketua *Whip* supaya memberikan arahan yang sama. Kita boleh berbahas, berdebat dengan tegang dan tegas tetapi tidak perlu biadab dalam Dewan. Ini jaminan saya boleh berikan dan berilah tempoh untuk saya sampaikan kepada kepimpinan parti pembangkang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat kata biadab, Yang Berhormat kata saya biadab ke tadi?

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tak, tak, tak...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab saya cuba nak mengatakan, nanti.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tak betul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau saya kata iaitu bahawa kalau daripada Yang Berhormat Wangsa Maju tidak nampak iaitu selama hari ini waktu pentadbiran Perdana Menteri dulu, bahawa hubungan di antara Majlis Peguam dengan kerajaan adalah tidak baik, butalah. Saya tidak kata orang buta, butalah tu.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentuh komen menteri, saya cuma minta jasa baik menteri untuk memberitahu Ketua *Whip* seperti mana saya akan memberi jaminan berbincang dengan pemimpin parti pembangkang. *[Dewan riuh]* Dengar-dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya juga minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberi kerana tidak semua kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat dipertahankan, itu sahaja.

#### ■1130

Tidak ada kaitan sama sekali dengan kenyataan dibuat oleh menteri sebentar tadi. Itu sahaja yang diminta dan saya tidak fikir ini keterlaluan. Saya akan lakukan apa yang sepatutnya mengikut undang-undang dan peraturan. Saya minta sahabat-sahabat belah sana juga melakukan yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur kerana Yang Berhormat Ipoh Timur yang selalu melanggar peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini interpretasilah tetapi mengenai bahasa biadab kita tentulah tidak mahu bahasa biadab digunakan dan kita terpaksa menyokong apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya boleh dapat jaminan itu?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Termasuk Yang Berhormat Bukit Gelugor sendiri?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak akan ada apa-apa bahasa biadab digunakan ya tentu.

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya Ketua Pembangkang mewakili semua saya minta setakat itu cukup dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kerana amat berat bagi saya apabila saya membuat keputusan selepas itu saya tarik balik tetapi kalau saya mendapat sokongan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada lagi perkara begini berlaku...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya juga tidak boleh memberitahu kepada Ketua Whip untuk menjamin di masa akan datang bahawa tidak akan terkeluar kata-kata yang mungkin dianggap sebagai biadab. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua saya hendak bagi tahu sebenarnya tindakan Tuan Yang di-Pertua ambil terhadap Yang Berhormat Bukit Gelugor ialah kerana dia mencabar Tuan Yang di-Pertua bukan soal biadab.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Betul ini isunya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Kimanis. Nampaknya tidak ada juga persetujuan secara kolektif. Mulai daripada hari ini saya akan *stick* dengan *decision* saya. Yang Berhormat Bukit Gelugor masih juga digantung dua hari dan siapa sahaja Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Menteri mulai dari hari ini apabila saya mempengerusikan sidang, saya tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kuasa saya. Biarlah saya menjadi seorang Speaker yang nampak bahawa tidak main-main. Masih dengan keputusan saya, Yang Berhormat Bukit Gelugor saya gantung dua hari. *[Tepuk] [Bentara mendekati Yang Berhormat Bukit Gelugor untuk mengiringi keluar Dewan]* Kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor enggan juga terpaksa saya akan panggil Yang Berhormat Menteri untuk menjalankan tugas seterusnya buat usul.

*[Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh dibawa keluar dari Dewan][Tepuk]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang berbeza.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang berbeza daripada semua ini. Yang berbeza daripada semua ini Tuan Yang di-Pertua? Boleh Tuan Yang di-Pertua sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak ada. Saya cuma menunggu bahawa Bukit Gelugor akan keluar daripada Dewan dan saya tidak akan pergi mana-mana sehingga selesai.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya mahu merakamkan perkara yang berbeza Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Saya selesaikan dahulu perkara ini. Saya tidak mahu main-main.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tidak. Sudah keluarlah Bukit Gelugor sudah keluar.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of order* Yang Berhormat? Kalau tidak *point of order* saya tidak melayan perkara-perkara *interjection* seperti ini.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** 36(6) Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila baca 36(6).

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Bunyi niat jahat, sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua ya. Dewan yang mulia ini merakamkan Tuan Yang di-Pertua khususnya perkataan-perkataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya merakamkan perkara ini walaupun ianya dibuat dalam nada gurauan tetapi kerana ia menyentuh persoalan kesensitifan sensitiviti etnik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih, saya faham, saya faham.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...supaya menteri tidak lagi menggunakan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham, saya faham. Sila duduk Yang Berhormat, saya faham. Saya faham. Yang Berhormat tidak payah dipanjanglebarakan lagi, tidak payah *point of order* di sana. Pendirian saya daripada dahulu ialah perkara sebegini daripada kiri kanan dan depan berlaku tetapi saya...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Supaya tidak diulangi Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan tentang-tentang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi tidak ada lagi Yang Berhormat. Saya mulai serius.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Tentang suara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada sekarang ini saya mulai serius dan kalau juga Yang Berhormat *insisting* saya gunakan kuasa. Saya dituduh tidak serius. Sekarang saya mulai serius. Sila setiausaha teruskan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juga satu ratus empat puluh lima juga ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” **[22 Oktober 2009]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching sila teruskan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya hendak ucap Deepavali sebelum kita semua...sebab hari ini hari yang terakhir sebelum Deepavali kerana memandangkan Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bandar Kuching, teruskan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ...Perdana Menteri ada saya hendak katakan bahawa rakyat India yang bekerja di kerajaan berasa sedih kerana hanya satu hari sahaja diperuntukkan untuk perayaan Deepavali dan juga mereka yang bekerja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai sudahlah. Yang Berhormat Padang Serai tidak ada kena mengena, Yang Berhormat Padang Serai tolong.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Boleh saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat Bandar Kuching. Teruskan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya hendak... saya hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam sebelum majlis Dewan ditangguhkan saya ada sebut tentang kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan bahawa ekonomi kita kukuh dan kenyataannya ialah berasaskan atas *international reserves* negara kita yang begitu tinggi dan satu *current account* yang besar. Tetapi mengikut angka-angka yang ditunjukkan oleh Bank Negara Malaysia dalam *quarter* ini *international reserve* kita telah jatuh dengan sejumlah USD18.2 bilion.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya ingin tahu sama ada ini adalah *seasonal* atau ini adalah akibat daripada kemerosotan ekonomi US. Di samping itu saya ingin juga tahu dalam bentuk apakah *foreign reserves* kita dipegang oleh Bank Negara Malaysia. Sama ada dalam mata wang USD, mata wang euro atau dalam bon-bon dan apakah bon-bon itu? Sama ada Bank Negara kita pegang *Lehman Brothers bond* sebelum krisis ekonomi. Sejak krisis ekonomi dunia berlaku sehingga sekarang telah jatuh nilai pasarannya dengan 95% dahulu RM100 sekarang RM5 nilainya.

Oleh itu saya ingin tahu sama ada apakah satu pecahan terperinci tentang *international reserves* negara kita. Apakah bon-bon yang telah dipegang oleh Bank Negara dan mata wang, ini perkara pertama yang saya ingin sebut. Perkara kedua adalah mengenai suntikan RM5 bilion yang telah diumumkan untuk menyelamatkan pasaran saham kita. Di Amerika Syarikat Kerajaan Amerika Syarikat pun telah menyuntik sejumlah USD700 bilion untuk menyelamatkan *financial market* ini. Akan tetapi walaupun dengan suntikan yang begitu besar USD700 bilion, dalam masa yang singkat sudah hilang apa-apa kesannya. *Evaporate into thin air*.

Apakah jaminan yang diberikan oleh kerajaan bahawa suntikan RM5 bilion akan memberi kesan untuk membangunkan atau menyelamatkan pasaran saham negara kita? Kita telah diberitahu bahawa itu RM5 bilion adalah pinjaman daripada EPF. Saya ingin tahu berapakah faedah yang dicaj oleh EPF terhadap ke atas pinjaman ini. Kerana tahun lalu EPF mengumumkan pemberian dividen sejumlah 5.8% dan...

■1140

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuching. Yang Berhormat Kuching ya, saya tertarik dengan perbincangan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bandar Kuching Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yalah, kita sebut Kuchinglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bandar Kuching? Kita tidak kata bandar Kuala Lumpur, kita kata Kuala Lumpur. Ya, kita kata bandar Kuala Lumpurkah atau Kuala Lumpur? Ini sensitif tentang... Saya hendak bertanya...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak orang itu tidak serius. Main-main, saya tidak akan beri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Okey Yang Berhormat saya faham Yang Berhormat. Ini nama kawasan Yang Berhormat. Nama kawasan dia Bandar Kuching Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sebut ibu kota negeri Sarawak itu boleh sebut Kuching sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Okey Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak apa, saya tidak akan beri laluan.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Ketawa]* Saya tanya Bandar Kuching. Macam saya dia tidak kata bandar Rompin.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melanjutkan perbahasan saya dan saya tidak akan memberi laluan kepada orang main-main. Yang Berhormat Padang Serai boleh.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini tuduh saya main-main. Saya tidak main-main 36(6). Duduklah *floor* saya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Rompin boleh duduk sekarang.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** 36(6), Yang Berhormat kena duduk.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya tunjuk 36(6) sebab Yang Berhormat kena duduk lepas itu dengar *ruling* Tuan Yang di-Pertua. Kata hendak mengikut peraturan. Baru Ketua Pembangkang kata ikut peraturan dah anak buah tidak ikut peraturan sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bagilah saya sebut dulu. Hujahkan apa saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia bangkitkan Peraturan 36(6) Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Hah, baru Ketua Pembangkang beri jaminan anak buah hendak ikut peraturan, sudah tidak ikut peraturan. Tidak sampai satu hari, apa jaminan yang diberi ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat, sudah.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Jangan tuduh saya main-main, saya tidak main-main. Apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat Rompin. Asas tindakan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua tadi ialah berasaskan 'main-main' ditujukan kepada Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak dibolehkan Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua tidak boleh dituduh bukan perbincangan ini kena mengena dengan Tuan Yang di-Pertua, tapi pengurus Dewan. Jadi perkataan itu amat berat kalau ditujukan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tapi dalam Dewan ini kita mengetahui bahawa banyak perkataan yang tidak *parliamentary* telah digunakan. Perkataan 'main-main' itu belum lagi istilahkan sebagai itu. Akan tetapi jangan dituju kepada Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok pembangkang memang main-main. Yang Berhormat Bandar Kuching berhujah mereka semua keluar. Kita yang serius. Kita bukan main-main, kita serius mereka yang main-main.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching dan juga terima kasih kepada rakan saya daripada Sungai Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak ada sungai Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Dari rumpun, Kinabatangan adalah dari rumpun sungai. Jadi ini yang semalam dibangkitkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, jangan macam ini Yang Berhormat. Tidak ada. Jangan macam itu Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan main-mainlah. Betul-betullah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tidak mahu dengar lagi permainan macam menggunakan perkataan itu. Bandar Kuching itu nama kawasan Yang Berhormat. Kinabatangan itu satu Kinabatangan sahaja nama kawasan dia. Baik Yang Berhormat?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bandar Kuching ungkitkan tentang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sedarkah Yang Berhormat bahawa beribu-ribu pencarum KWSP pada hujung minggu ini dan awal minggu depan akan merayakan perayaan Hari Deepavali. Juga saya hendak katakan di sini bahawa setiap perayaan di negara ini khususnya Hari Raya, Tahun Baru Cina dan juga Deepavali diberikan cuti oleh Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi sedihnya tahun ini perayaan Deepavali kepada pencarum-pencarum KWSP ini jatuh pada hari Isnin. Mereka juga terpaksa, yang bekerja di Kuala Lumpur dan rumah mereka di Ipoh, mereka terpaksa balik untuk berhari raya ke Ipoh dan pada hari Deepavali itu juga di mana pada malam itu perlu ada upacara sembahyang dan sebagainya.

Pada malam itu mereka terpaksa bertolak balik ke Kuala Lumpur. Ini menampakkan bahawa mereka tidak dapat melakukan tanggungjawab kepada cara kehidupan mereka ataupun agama mereka. Jadi apa yang saya sarankan di sini bahawa semua pencarum-pencarum EPF sama seperti penyelewengan, penyelewengan, penyelewengan, penyelewengan lain oleh kerajaan Barisan Nasional. Kali ini juga kurang prihatin Kerajaan Barisan Nasional terhadap masyarakat India yang merayakan Hari Deepavali. Jadi saya juga hendak minta dengan menteri supaya Yang Berhormat Bandar Kuching membawa kepada menteri mintalah Kerajaan Barisan Nasional memberikan cuti dua hari supaya perayaan ini yang menjadi kebudayaan di negara ini dapat disambut secara baik sama seperti...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Setuju.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Setuju?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Setuju.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini ada sikit terkeluar daripada apa yang saya ucap tadi. Walau bagaimanapun saya setuju dengan saranannya. Saya ingin tahu faedah yang *dichargekan* oleh EPF ke atas pinjaman RM5 bilion yang diberi kepada kerajaan kerana tahun lalu EPF mengumumkan pemberian dividen 5.8%. Kalau kadar faedah yang *dichargekan* atas bon-bon pinjaman yang diberikan kepada kerajaan adalah kurang daripada 5.8% maka dia akan menurunkan dividen yang akan diumumkan di masa kelak, itu perkara yang kedua. Bolehkah kerajaan memberitahu kita suntikan RM5 bilion akan digunakan untuk membeli saham syarikat apa. Adakah ia akan diberikan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang erat dengan UMNO untuk menyelamatkan kroni-kroni sahaja.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Bandar Kuching tidak mengamati semalam. Sebenarnya Menteri Kewangan II sudah pun memberi penjelasan tentang RM5 bilion untuk *value cap*. ini, di mana sudah pun diperjelaskan iaitu bahawa KWSP akan melabur dalam *security* yang

mempunyai risiko yang rendah. Dari segi *track record* mereka telah berjaya melaksanakannya sebelum ini. Itu jaminan yang disebut sebagai syarikat *triple A* dan ada kriteria-kriterianya. Jadi janganlah hendak membuat tuduhan yang melulu macam menyelamatkan untuk syarikat UMNO.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya tidak...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Itu saya rasa tidak rasional...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Pahat

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Itu yang saya kata tidak bersungguh-sungguh.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya tidak buat tuduhan yang melulu. Juga ada *track record* yang wang rakyat digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni UMNO juga.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini tuduhan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oleh itu apa yang diucapkan...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya belum habis hendak minta penjelasan, Yang Berhormat Bandar Kuching...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu bukan penjelasan. Ini *objection*, bantahan. Ini bukan penjelasan. Okey, terima kasih peluang saya sudah beri kepada Yang Berhormat. Sekarang saya akan lanjutkan perbahasan saya. Tuan Yang di-Pertua, topik ketiga saya adalah mengenai ACA. Dalam bulan lalu satu isytihar yang berlaku di...

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya belum mula dengan topik ACA. Saya tidak tengok ada apa-apa keperluan untuk mencelah. Saya belum membentangkan apa-apa. Saya mahu kata tentang ACA dan topik yang lalu saya sudah *past*.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Mari cakap sekarang ini apa perbahasan Yang Berhormat Bandar Kuching?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak payah. Satu isytihar telah berlaku dalam bulan lalu.

#### ■1150

Di Sibul *RM40,000 missing from ACA safe in Sibul*. Wang RM40,000 yang sepatutnya adalah bukti-bukti dalam kes yang akan dijalankan dalam mahkamah tentang satu kes *corruption* dan wang itu disimpan dalam *safe* ACA di Sibul tetapi wang itu pun hilang tak tahu pergi mana. Saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil atau siasatan yang telah diambil dan apakah

*result* siasatan yang dijalankan dan kenapakah ini boleh berlaku? ACA sepatutnya untuk menjalankan...

Kelmarin ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan penguat kuasa kita menghadapi masalah dan rakan-rakan saya dari Barisan Nasional kata kalau kes yang dituduh di mahkamah *prosecution* tidak menang tukarlah undang-undang ini. Akan tetapi *Anti Corruption Act* adalah satu undang-undang sangat dekat tetapi penguatkuasaannya nampak kurang memuaskan dan saya ingin mendapatkan satu penjelasan atas perkara yang berlaku di Sibu ACA. Tak kan kerajaan tubuh satu lagi anti ACA *agency* lagi untuk menyiasat?

Perkara keempat, yang saya akan bangkitkan ialah mengenai laporan tentang gadis Penan di Sarawak yang telah dilaporkan dirogol oleh pekerja-pekerja syarikat pembalakan dan ini telah dilaporkan di surat khabar-surat khabar *international*, di media *international*. Sepanjang masa itu, perempuan Penan telah dijadikan *sex slave* oleh pekerja-pekerja syarikat pembalakan di kawasan itu. Saya berasa kesal tentang reaksi-reaksi Ketua Menteri Sarawak dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak atas laporan itu.

Semasa mereka berhadapan dengan *reporter*, pemberita mengenai ada laporan yang melaporkan bahawa gadis Penan itu telah dijadikan *sex slave* oleh pekerja-pekerja syarikat pembalakan. *Their first reaction* adalah untuk menafikan tuduhan ini langsung dan ini telah dilaporkan di *Malaysia Kini*. *Sarawak Chief Minister Abdul Taib Mahmud usually cool in the face of criticism level at his government has reacted badly to recent media reports about the eviction notices on serve to some 10,000 Kenyan, Kedayan Malay villagers in Bekenu near Miri and at lage rape of Penan girls by logging company workers in the Remok Baram area. At a hari raya function in Miri on Monday he said the reports were nothing but lies and demand that the newspaper correct them.*

Beliau belum menyiasat sama ada laporan-laporan itu adalah benar atau tidak benar tetapi beliau *simply denial*. Bukankah ini satu *denial syndrome* yang begitu serius dan juga Timbalan Ketua Menteri Alfred Jabu yang sepatutnya untuk menjaga hal ehwal Orang Dayak, dia juga kata DCM Jabu *takes off blogger*.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dia juga menafikan langsung dengan terus-terang mengenai laporan yang mengatakan perempuan Penan itu telah dirogol oleh pekerja-pekerja syarikat pembalakan. Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih. Isu ini Yang Berhormat saya bersimpati kita sensitif dan prihatin. Kita pun juga prihatin tentang isu begini. Janganlah kita menggambarkan kita tidak prihatin. Adakah Yang Berhormat lebih sesuai bawa perkara ini dalam kerajaan negeri sebab apa Yang Berhormat bangkitkan adalah kerajaan negeri dan parti Yang Berhormat ada wakil dalam kerajaan negeri dan sesuai Yang Berhormat minta perkara ini dibangkitkan dalam kerajaan negeri. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu adalah mengenai siasatan polis atas satu jenayah yang begitu serius yang telah dilakukan. Saya percaya siasatan polis ini adalah di bawah *jurisdiction* bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan kedua sebabnya kenapa kita tidak boleh serah kepada Kerajaan Negeri Sarawak adalah kerana dari reaksi Ketua Menteri Sarawak dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak mereka sudah menganggap laporan ini sebagai *lies*, sebagai satu pembohongan.

Oleh itu, mana ada keyakinan rakyat atas *independence of investigation* akan diadakan. Oleh itu saya menyeru supaya satu siasatan...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sibuti bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...yang lanjut segera dijalankan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan gadis Penan yang dirogol dan sebagainya dalam surat-surat khabar. Pihak Kerajaan Negeri Sarawak di bawah ketua menteri yang bijaksana telah menyerahkan perkara ini kepada pihak polis. Masih dalam siasatan dan diharapkan Ahli Yang Berhormat bersabarlah menunggu siasatan itu dan kedua yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak menafikan terus mengatakan itu pembohongan. Akan tetapi yang saya tahu mereka itu adalah rakyat jelata yang diberi perhatian penuh oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan telah mengarahkan Kementerian Sumber Manusia dan juga mengarahkan Pengarah Jabatan Tanah dan .. untuk menyiasat ke akar umbi adakah tuduhan-tuduhan itu betul dan benar. Bukan bermakna menafikan terus tidak mengambil tindakan. Maka untuk makluman...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkas Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** ...Dewan yang mulia ini saya mohon janganlah dipersalahkan semua Ketua Menteri dan juga Timbalan Ketua Menteri Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu cuba membela.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat tak apalah, tak apa.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya tak apa, tak apa tapi ini ada laporan. Saya tahu Yang Berhormat dari Sibuti tidak baca *Malaysia Kini*. Saya boleh beri Yang Berhormat apa yang dilaporkan dalam *Malaysia Kini*. Kalau tak faham *English* saya boleh *translate* juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan cakap macam itu Yang Berhormat. Dia faham. MBA Yang Berhormat. lagi satu Yang Berhormat tinggal satu minit lagi.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tadi ada banyak celah. Satu lagi perkara yang saya ingin sebut ialah mengenai peruntukan untuk sekolah SRJK (C), sekolah cina. Dalam kes Kuching petisyen *election* Bandar Kuching yang di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak di Kuching.

■1200

Setiausaha Kerja Barisan Nasional - Dato' Yaakob Mohamad, dia memberi keterangan dalam mahkamah bahawa inilah yang dikata, *question*, "Are you aware of whether or not for every single ringgit that the Chinese community raise on their own the government were given assistant".

Soalan ini adalah menuju terhadap peruntukan untuk SJK(C)-SJK(C) dan jawapan yang diberikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah habis. Habis masa Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Biar saya habiskan dengan apa yang dia kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini peluang orang lain Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Satu minit, satu minit. Apa yang dia kata ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat harus tahu, satu minit Yang Berhormat pakai, satu minit yang lain tidak dapat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tahu ini serius Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Saya akan gulungkan ucapan saya dengan perkara ini satu atau dua minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak ada Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Apa yang dia kata dalam mahkamah ialah, "Yes, I'm aware for every ringgit they raise privately. The government will match the amount, a dollar to a dollar". Adakah kenyataan ini benar, adakah ini polisi kerajaan? Kalau kita dari masyarakat Cina mengutip *donation* RM1, kerajaan akan memberi peruntukan RM1 kepada sekolah Cina tetapi mana duitnya?

Selama berpuluh-puluh tahun kita dari masyarakat Cina telah memberi *donation* kepada sekolah Cina berpuluh-puluh, beratus-ratus *million* dan di mana kerajaan ada memberi satu RM1, *one dollar to match a dollar raise in the donation*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Oleh itu saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada Kementerian Pelajaran sama ada Setiausaha Kerja Barisan Nasional ada berbohong dalam mahkamah atau ini memang polisi kerajaan tetapi duit ini telah dimakan oleh tidak tahu sesiapa; tetapi tidak diberi terhadap pembinaan sekolah Cina. Terima kasih.

#### 12.02 tgh.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya menyertai rakan-rakan yang lain dalam Dewan yang Mulia ini untuk perbincangan Bajet 2009. Saya Yang Berhormat Rompin, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan pada ketika itu telah membentangkan bajet yang amat prihatin kepada rakyat, sebagai contoh memperkenalkan satu konsep *safety net*, membela mereka yang tertinggal seperti kumpulan-kumpulan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menguruskan ekonomi negara; *confident* dengan izin, pelabur sama ada dalam negara atau luar negara amat penting kita pupuk dan kita jaga. Kalau ini tidak sama kita usahakan termasuk rayuan saya kepada Yang Berhormat Wangsa Maju, kita tidak mungkin boleh mengemudikan satu kebangkitan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Kalau kita tidak boleh ada pertumbuhan, ekonomi tidak boleh dijana, peluang pekerjaan tidak boleh diwujudkan dan kebajikan warganegara kita sudah semestinya tidak dapat dibela. Sudah tujuh bulan Tuan Yang di-Pertua PRU 12 ini. Nampak gayanya *honeymoon* sebelah sana termasuk Yang Berhormat Wangsa Maju panjang sedikit saya lihat.

Telah sampai masanya mereka ini, jangan mandat yang diberi kepada mereka, mereka abaikan. Sewajarnya marilah, saya mengajak, merayu kepada mereka berhentilah politik dan mulalah melaksanakan mandat yang diberi kepada mereka untuk membela pengundi-pengundi dan warga dalam kawasan mereka. Ini Yang Berhormat Wangsa Maju tidak payah, saya tahu dia bekerja gigih. Saya bagi masa kemudian sedikit. Tidak termasuk Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Apa...

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Wangsa Maju siang malam, kadang-kadang saya dengar cerita dia bekerja gigih kepada warga pengundi dia.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini tuduhan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak mengapalah Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Tarikh 16 September telah datang dan pergi. Ini sudah pasti akan menggugat keyakinan. Kalau dahulu diadakan tarikh ini untuk menggugat keyakinan para pelabur dan rakyat. Kita sekarang kalau benar-benar kita mahu membela rakyat, kita sewajarnya kita terus ini. Oleh itu janganlah kita asyik hendak menggulingkan kerajaan, hendak buat rakyat benci kerajaan. Kita harus bermula melaksanakan mandat yang diberi kepada kita untuk benar-benar membela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum PRU 12, kita dengar laungan yang sebelah sana kiat mesti bela kebebasan akhbar, jamin kebebasan berblog. Inilah tujuan mereka tetapi sekarang ini sudah lain suara dan nadanya. Sebagai contoh saya amat terkejut rakan baik saya Yang Berhormat Seputeh dahululah.

Dia sendiri yang mula semalam dalam akhbar buat contoh boikot *Utusan Malaysia*, bukan itu sahaja hendak saman RM30 juta. Saya dengar cerita pula penulis kawannya sendiri hendak saman RM100 juta. Saya malas sebut Yang Berhormat Jelutong, sebab Yang Berhormat Jelutong kawan lama tetapi anak dia pun garang macam dia juga nanti.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan Jelutong tetapi Bukit Gelugor sekarang. Itu pun tidak tahukah, apa ini.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Minta maaf. Saya sudah lama apabila teringat dia Jelutong. Minta maaf, saya ini sudah lama berpenggal, nampak janggut dia Jelutong. Saya minta maaf, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Sebab apabila nampak janggut saya, Rompin dia kata. Namun, janggut anak dia itu muda dan masih lagi diurus dengan baiklah.

Macam Yang Berhormat Bukit Gelugor sendiri. Sudahlah akbar Utusan minta maaf *in good faith*, dia saman pula RM100 juta. Ini apakah yang dikatakan keadilan yang dilaungkan oleh sebelah sana. Apa ini kebebasan akhbar yang dilaungkan dahulu, apa ini kebebasan berblog, sudah berubah. Sebelum pilihan raya nadanya lain dan selepas pilihan raya nadanya lain, biasalah pembangkang.

Alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua, keyakinan rakyat Malaysia ini ke arah pemulihan dan mereka amat berbangga sekali dalam UMNO rakyat Malaysia dapat menguruskan peralihan kuasa dengan amat baik sekali. Rata-rata rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua merasa lega apabila peralihan kuasa UMNO berjalan dengan baik dan memberi satu harapan baru untuk mereka bahawa kita boleh membuat satu anjakan, satu perubahan untuk memajukan negara kita.

Juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjiwa dan berhati besar serta meletakkan parti, kepentingan orang ramai dan negara lebih daripada kepentingan yang lain. Inilah *wisdom* pimpinan UMNO, inilah kekuatan hakiki UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, yang tidak boleh menerima hanyalah sebelah sana terutama PKR dan DAP. Saya sebut perkataan PKR dan DAP, saya tidak sebut PAS. Saya ulas mengapa tidak. Ini kerana mereka ini ada dua parti sahaja dalam *denial syndrome* ini. Yang Berhormat Permatang Pauh bimbang peralihan kuasa akan berjalan dengan baik dan mengikut jadual. Dalam tiga minggu lagi *master* yang pertama akan menjadi kenyataan apabila Yang Berhormat Pekan menjadi calon tunggal Presiden UMNO.

Ini semestinya menghantui sebelah sana, kerana apa? Ini kerana igauan meraih politik impian sebelah sana maka pada hari itu nanti akan terkubur. Sebab itulah kita tidak terkejut ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh selama enam jam dibantu oleh Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Lima jam lapan minit Yang Berhormat. Saya memperbetulkan.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lima jam lapan minit terima kasih, tetapi bukanlah satu jam. Ucapan itu nampak tertumpu kepada Yang Berhormat Pekan, bukan kepada ketua kerajaan. Yang Berhormat Ipoh Timur ini memang handal. Impian beliau seumur hayat hendak menggulingkan Barisan Nasional, sekarang ini mempunyai teman dan penggerak baru iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh.

Akan tetapi laungan Yang Berhormat Ipoh Timur ini dia takut korupsi, kronisme tetapi perkataan nepotisme sudah tidak ada, sudah gugur. Kalau baca teks-teks Yang Berhormat Ipoh Timur dahulu, nepotisme itulah yang disebut. Akan tetapi nepotisme itu hilang kerana apa Yang Berhormat Ipoh Timur tidak lagi menyebut nepotisme; kerana anak dia menjadi ketua menteri.

Sebab itu Yang Berhormat Wangsa Maju dibuang, betul. Banyak lagi sekarang ini Ahli DAP dibuang pergi ke PKR kerana Yang Berhormat Ipoh Timur dia gerakkan semacam kuku besi. Tokoh-tokoh yang moden, yang baik, yang cemerlang, warga Malaysia seperti Yang Berhormat Wangsa Maju pun diketepikannya. Betul. Sebab Yang Berhormat Wangsa Maju ini sementara sahajalah Yang Berhormat Wangsa Maju di PKR.

#### ■ 1210

Sebelah sini boleh, GERAKAN pun boleh, buat parti baru pun boleh sebab orang macam beliau yang baik ini patut kita terus bagi tempat di Dewan yang mulia ini, beri sumbangan kepada rakyat dan Malaysia.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bangun]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rompin, ada tiga sekali berdiri.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya bagi tiga sekali, satu, dua, tiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Okey, tapi Yang Berhormat beri banyak-banyak itu masa tak tambah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tapi saya bagi hanya 20 saat, 20 saat, 20 saat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan ya Yang Berhormat Wangsa Maju ya, 20 saat tu singkat saja.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Rompin. Saya rasa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin ini bukan perkara dia, bukan soal dibuang atau apa, ini soal dalaman parti orang lain. Di dalam Barisan Nasional pun pelbagai masalah. Kita boleh nampak sekarang ini dalam pemilihan ini bermacam-macam tuduhan dikeluarkan. Ada orang juga disingkir seperti Tan Sri Md Isa, sama juga tapi apa yang pentingnya, Yang Berhormat Rompin mesti faham bahawa ekonomi negara kita sekarang merosot dan kita membeli helikopter daripada Eurocopter ini dan yang saya tahunya komisennya adalah 86 juta Euro..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dah habis 20 saat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ....kepada orang-orang tertentu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dah habis 20 saat dah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sila jawab itu.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Rompin. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang berpengalaman, saya rasa dah empat lima penggal dalam Parlimen. Saya nak tanya, tadi saya tertarik dengan apa yang disebut tentang perubahan kuasa yang diuar-uarkan oleh Pembangkang. Saya nak tanya *once and for all* supaya dapat kita rekodkan dalam Dewan yang mulia ini. Apakah sebab dan asas yang dapat memberi keyakinan kepada Ketua Pembangkang pada satu ketika dahulu yang memberi keyakinan bahawa beliau boleh berjaya menubuhkan kerajaan pada 16 September kerana rakyat di kawasan saya semua tanya saya pasal benda yang sama dan akhirnya perkara itu tidak jadi.

Tidak jadi pada 16 September, tidak jadi pada 13 Oktober dan katanya ada tarikh baru pula. Saya nak tanya pendapat Yang Berhormat daripada Rompin, apakah sebabnya. Adakah ini satu fatamorgana, adakah ini satu pembohongan yang besar, adakah ini satu mitos ataupun adakah pemikiran beliau sudah tidak begitu waras lagi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih. Tentang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, saya akan sentuh kemudian tentang helikopter. Apa yang dikatakan rakan saya di belakang, Yang Berhormat Rembau tadi saya akan ulas selepas ini lagi, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan tadi yang berani cakap menghentam dan mengkritik Perdana Menteri ada satu dua saja sebab itu ada arahan mungkin tumpuan itu hanya kepada Yang Berhormat Pekan supaya mewujudkan satu suasana orang

ramai tidak yakin kepada bakal Presiden dan Perdana Menteri kita akan datang. Ini saya nampak tumpuan yang kita nampak kalau dalam lima jam lebih ucapan Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia amat prihatin serta bijaksana menilai ini semua sama ada dalam perbincangan bajet dalam Pembangkang. Ada juga yang baik tapi ada juga yang tumpuan pada politik dan ada juga dalam kaedah-kaedah yang lain, dunia siber. Adalah tumpuan selepas pilihan raya yang kedua terus menghakiskan keyakinan rakyat kepada kerajaan. Dunia siber sebagai contoh, begitu juga dan juga keyakinan yang peralihan kuasa akan berjalan dengan baik. Terakhir dalam Malaysia Kini kononnya Yang Berhormat Pekan ada manifesto. Dah kita tahu dah baru nak minta maaf. Dalam perbincangan bajet ini tumpuannya hanya tiga isu, pembelian Bank Indonesia, helikopter dan...

Semuanya tumpuan kepada yang di bawah Yang Berhormat Pekan. Tak ada langsung kerana dia dah nampak dah alih tumpuan oleh Pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, pembelian bank mungkin akan dijawab oleh kerajaan nanti tapi saya difahamkan pembelian mengikut tender. Tentang helikopter, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan, beliau mencadangkan dan Kabinet bersetuju akan dibincangkan dalam PAC. Tunggalah PAC, wakil kita ada semua dalam PAC. Kemudian jalur lebar.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya habis dulu, saya bagi lepas ini. Kemudian jalur lebar yang sebenarnya, ini semua juga diputar belitkan kenyataan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bukan bagi projek RM11.3 bilion kepada Telekom, tidak. Ini kadangkala dia lupa dah masa dia di Kementerian Kewangan, bila dia di belah sana dia lupa dah apa yang dia tahu. Yang sebenarnya diberi hak kepada Telekom untuk membina satu rangkaian jalur lebar, bukan diberi kontrak. Tetapi oleh keranalah dia punya *return of investment* dengan izin, memakan masa yang panjang, risiko yang tinggi, kerajaan memberi hanya subsidi RM2.4 bilion untuk mengurangkan risiko, itu sahaja. Kontrak belum diputuskan lagi, Telekom sewajarnya sebagai GLC kerajaan perlu rujuk, ada peraturan-peraturan perolehannya dan yang besar saya sungguh yakin akan rujuk kepada Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Permatang Pauh takkan dia tak tahu, dia di sana dahulu. Sebab itu saya nampak bahawa ini semuanya politik sahaja lepas itu saya nak kembali kepada soalan Yang Berhormat Rembau, 16 September datang dan pergi seperti Yang Berhormat Rembau kata tadi mungkin ada tarikh baru tapi yang sesuai mengapa tidak dilupakan tarikh-tarikh, tunggu 2012. Yang sekarang ini patut tumpu kepada kerja kita untuk membela rakyat tetapi saya dapati banyak pemerhati politik tempatan mengatakan mengapa ia gagal. Ia gagal hanya dua parti saja menyokong, PKR dan DAP. PAS orang kata 50-50. DAP memanglah, sepanjang hayat hidup Yang Berhormat Ipoh Timur memang nak jatuhkan BN seperti ..... jatuhkan Perikatan.

PKR kita tahulah mengapa, ada juga orang dalam dunia siber mengatakan itu juga merupakan impian sehayat beliau. Saya baca petikan dalam internet tapi dia buat silap sikat masa

dalam Barisan Nasional, itulah terpelanting ke sebelah sini. Ha itu saya tengah baca dalam internet, petang-petang, malam-malam baca internet.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bangkitkan di sini Yang Berhormat Permatang Pauh ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkas, ringkas. Soal saja Yang Berhormat. Ringkas, ringkas.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh apabila Perdana Menteri membentangkan bajet, dia mengatakan Perdana Menteri gementar. Maka yang menjadi persoalan sekarang ini, apakah sebenarnya Pembangkang yang menjadi gementar sebab itulah mereka menunjukan segala tekanan, tuduhan kepada Yang Berhormat Pekan dalam beberapa banyak isu dan hari ini mereka tinggal tujuh orang saja di dalam Dewan ini. Kononnya untuk membentangkan bajet alternatif tapi tujuh orang ini tak berminat. Jadi, saya fikir mereka akan gementar dan sepatutnya kalau nak bentang pun bajet alternatif, janganlah pilih waktu perbahasan. Ini nampak mereka tidak serius, ini menunjukkan mereka sebenarnya gementar. Patut carilah hari lain kalau nak membentangkan bajet alternatif.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih. Kalau nak bentang, bentang dalam Dewanlah. Bentang luar Dewan buat apa. Setuju pandangan Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya nak habiskan sikit lepas itu saya bagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]:** Yang sama, yang sama.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya nak habis dulu sebab saya nak jaga juga masa saya, lepas itu saya bagi kepada Yang Berhormat Kuala Kedah. Insya-Allah saya janji saya bagi. Saya ini tak tahu Yang Berhormat Kuala Kedah PKR ke PAS?

**Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]:** PKR.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ha? PKR? Atau dipinjamkan daripada PAS ke PKR? *[Ketawa]* Pihak PAS Tuan Yang di-Pertua, dia ada dua *group*, dua kumpulan.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Hai cakap pasal BN sudahlah, pasal PAS pasal apa?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Apa pula ini? Hak sayalah. Bagi Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat cakaplah. Kita ini ada hak kita masing-masing sebab saya dalam Rompin, saya ada wakil PAS. Banyak PAS sokong saya. Sebab itu saya nak bercakap pasal pihak dia ini. Kebimbangan pengundi-pengundi saya, PAS Rompin. Itu saya nak bercakap sikit. PAS bimbang kerana Tuan Yang di-Pertua, PAS ada dua *group*. Separuh sokong separuh tidak, mengapa? Pihak Adogan, ha ini betul ke saya kata Adogan ini? Adogan ke

Adogan? PAS yang diketuai oleh kawan dulu pun Ahli Parlimen ....., nama ini diambil pimpinan Taib Adogan daripada Turki, menyokong kuat agenda PKR. Puak ini entah macam mana pandai-pandai pujuk Ustaz Nik Aziz dia bagi simbol ketua mereka tapi satu lagi puak tulen PAS, satu pihak Adogan tak tulen, ala Turki. Yang pihak yang tulen ini yang diketuai Mustapha tidak bersetuju.

Saya nak tunjuk surat khabar. Ini bukan surat khabar UMNO ini, *Harakah*. "September 16 gagal". Mustapha kata, bukan pemimpin UMNO. Saya baca *Harakah*. Sekarang kita bagi *Harakah* tak macam dulu. Kita hormati kebebasan berakhbar, kita bagi. Saya baca. Ini bukan *Utusan Malaysia* ke *BERNAMA*.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [*Menyampuk*] Takkan *Harakah* bohong.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ha, bukan *Harakah* bohong. Kalau dia UMNO dia bohonglah tapi dia tak bohong.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Duduklah dulu, duduk dululah. Pihak tulen PAS yang diketuai Mustapha ini tak bersetuju.

#### ■1220

Puak ini disokong dan simbolnya Presiden PAS. Sehingga PAS kata bahawa 16 September ini 'angan-angan Mat Jenin'. Ini bukan kenyataan pemimpin UMNO.

**Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]:** Yang Berhormat Rompin, minta laluan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Nantilah dulu, saya tidak habis lagi. Nanti saya habis saya bagilah. Tunggulah dulu.

**Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]:** Bagilah sekali. Sikit saja.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tunggulah dulu. Habiskan dulu baru saya bagi.

**Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]:** Sikit saja.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini hak saya. Duduk dulu.

**Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]:** Betullah. Hendak sokong. Hendak sokong.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Apa ini. Saya hendak habiskan dulu, nanti saya bagilah.

**Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah? Saya hendak sokong Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Lailahailallahlah Muhammadur Rasulallah.

**Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]:** Minta sikit. Laluan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Astaghfirullahlahal azim! Hendak saya bacakan hadiskah supaya ikut... Nanti saya habiskan dulu.

Pihak tulen PAS yang diketuai Mustapha Ali tidak bersetuju. Ini buat *statement 16*, yang tidak bersetuju sehingga beliau kata, Datuk Haji Hadi ke ...ketua PAS kata, "Ini angan-angan Mat Jenin". Kerana apa? PAS tidak boleh menerima PKR dalam Pakatan kerana perbezaan pendapat isu negara Islam dan sekular ini antara 'ayah' ini... Apa ini, bukan Jelutong... Gelugur. Bukit Gelugur berentap ini.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dia ini, Shah Alam tidak tahulah. Ini bukan kumpulan tulen ini, kumpulan adogan ini. Walhal Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia sekalian, ini bukan saya kata, ini Yang Berhormat Marang mengulangi mengatakan bahawa. Ini Hadi mengatakan ... Nanti salah sebut marah dia pula. Yang Berhormat Marang kata dia tidak pernah mengiktiraf Permatang Pauh sebagai calon Perdana Menteri, betul atau tidak? Betul! Ini PAS, surat khabar *Harakah*. Takkanlah bohong! Dia mungkin bohong tentang UMNO tetapi takkan bohong tentang PAS. Yang itu yang saya hendak jawab tadi. *[Memandangkan ke arah Yang Berhormat Rembau]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, pandang ke sini Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tak tahu nama. *Frame* besar tidak ada. *[Disampuk]* Rembau. Ini bagi menjawab Yang Berhormat Rembau mengapa September 16 itu gagal. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sikit. Sikit. Saya hendak berikan yang di belakang dulu. Saya hendak tentukan tajuk, nanti saya bagi balik. Asas perbalahan ini bermula daripada pengagihan kerusi, ada sejarahnya. Asas perbalahan bermula daripada pengagihan kerusi antara PAS dan PKR di mana banyak berbahasan antara Mustapha tidak bersetuju dengan PKR. Saya baca ini di dalam internet. Dia kata walhal ada juga calon PKR dia pinjam daripada PAS. Kerusi itu PAS tidak bersetuju, PAS hendak dan PKR pun hendak. Okey, engkau ambil tetapi ambil calon aku.

Ini saya difahamkan Yang Berhormat Machang ahli PAS tetapi bertanding di bawah PKR, betul atau tidak? Ha, tidak berani kata tidak betul! Yang Berhormat Baling tok Imam dahulu, mesti dia tidak berani bangun sebab perkara betul.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah beri laluan ke?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya bagi Yang Berhormat Padang Terap.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah beri laluan ke? Hendak jawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tidak saya bagi Yang Berhormat Jerai sebab Yang Berhormat Jerai minta dulu.

**Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rompin bercakap berkaitan dengan rumah orang lain. Yang Berhormat Rompin tidak faham. Kita tengok pelan di luar sahaja. Yang Berhormat Rompin masuk PASlah, insya-Allah. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasihlah. Sekurang-kurangnya ada bagi insurans politik kepada saya. *[Ketawa]*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mohon laluan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak habiskan sikit lepas itu saya jemput Batu Pahat dan selepas itu saya bagi Yang Berhormat Shah Alam. Sudah hendak habis pun.

Sebab itulah yang gagal ini kerana yang di sini berpecah dan juga satu lagi Presiden PAS sendiri Yang Berhormat Marang, dia kata, dianggapkan pembelian yang ura-ura PKR hendak beli Ahli Parlimen Barisan Nasional itu merupakan rasuah politik. Bukan kata-kata, dia yang kata. Baca surat khabar - rasuah politik.

Oleh sebab itulah Ahli-ahli Dewan yang mulia yang saya hormati sekalian kalau benar Dewan ini hendak menghapuskan rasuah janganlah kita ada konsep rasuah terpilih pula. Rasuah projek, okey kita pergi. Rasuah wang boleh kita pergi. Rasuah jawatan okey. Rasuah politik jangan. Baru-baru ini baca dalam internet pula rasuah yang satu lagi itu. Saya tidak mahu sebutlah, kes Exco PKR itu. Rasuah apa? Saya malas sebutlah, tidak berani sebut. Rasuah apa? *[Disampuk]* Hai, jangan, jangan, tidak berani cakap. Nanti tuduh saya menggunakan perkataan yang tidak mulia pula. Ha, inilah yang sebenarnya. Oleh itu saya jemput Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soal rasuah ini sebenarnya yang kita ingin bahaskan di sini ialah bukan soal kita hendak campur rumah orang ataupun tidak, tetapi isunya 16 September ini sudah menjadi satu isu rasuah politik yang dijanjikan sehingga Yang Berhormat Permatang Pauh menang di Permatang Pauh. Persoalan yang timbul di sini masalahnya ialah PAS tidak menyokong sebab mereka takut jawatan Timbalan Perdana Menteri itu tidak dapat kepada PAS, takut jatuh kepada DAP. Oleh sebab itulah sebenarnya mereka tidak menyokong pembentukan kerajaan secara pintu belakang ini. Jadi, oleh kerana itu saya merasakan bahawa 16 September ini tidak akan berjaya dilaksanakan dan hanya menjadi satu impian sahaja. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Rompin?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya bersetuju dengan pandangan itu. Kalau kita hendak siasat rasuah sebagai rumusan saya petang ini, siasat BPR, penguat kuasa kita dan siasat juga kes-kes rasuah politik ini dalam UMNO itu kita terima.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan berikan Yang Berhormat Shah Alam selepas ini. Saya hendak masuk sedikit dalam isu yang kedua. Saya janji saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat tinggal lima minit lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Janganlah saya banyak lagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Lima minit, Yang Berhormat. Saya hendak beri peluang kepada orang lain.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak bawa sedikit isu perbelanjaan. Itu keyakinan rakyat. Di sebelah sana mengatakan bahawa kita tangguh bajet kita. Apa kesannya kalau kita tangguh? Hendak tunjuk sama ada cadangan itu bertanggungjawab atau tidak. Dalam bajet ada dua komponen iaitu pendapatan dan perbelanjaan. Kalau kita tangguh bajet perbincangan tidak sempat pergi ke Dewan Negara bermakna 1 Januari tidak lulus bajet, gaji tidak boleh dibayar. Gaji tidak boleh dibayar kepada 1 juta pegawai kerajaan dan kita tidak akan dibayar gaji, hutang kerajaan tertunggak, keyakinan sistem kewangan akan terancam, subsidi tidak dibayar. Kalau dibayar orang terpaksa beli minyak pada harga yang komersial. Ini yang tidak sepatutnya kalau kita bertanggungjawablah tetapi itu kita tahu selepas pilihan raya memakan masa ...

Sistem kewangan kita baik, bank kita baik, CAR kita rendah, NPL kita rendah dan baru-baru ini kita terdedah kepada CDS (*Collateral Debt Securities*) ini. Mungkin Yang Berhormat Bandar Kuching tahu. Kita sepatutnya tahniah kepada kerajaan kerana sistem kewangan kita baik dan sepatutnya beri penghargaan kepada kerajaan, penghargaan kepada Tan Sri Zeti Governor kita. Strategi kita untuk menyelamatkan institusi kewangan negara kita dulu adalah cara kita. Apa yang kita buat dahulu beli *toxic loan, bad loan*, kita *credit capitalized bank strong government intervention* inilah kaedah yang juga dibuat di Amerika. Ini bermakna ala kita, ala Malaysia tetapi kita tahu pada ketika itu siapa yang '*bergodong*' dengan Amerika ini? Pada ketika itu gergasi Asia siapa yang berkawan dan '*bergodong*' dengan IMF? Tidak perlu kita ulas, masa saya tidak ada. Kita tahu semua siapa beliau itu sekarang kembali kepada Dewan Rakyat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Selepas ini saya akan bagi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit bahawa saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang baru. Walaupun kita, alhamdulillah selamat daripada sistem kewangan yang merudum di Amerika namun kita tahu, kita mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang baru mengatakan bahawa kita sedar ekonomi kita yang hakiki kita mungkin terjejas. Untuk itu beliau telah mengumumkan baru-baru ini RM5 bilion untuk membantu menyelamatkan syarikat-syarikat strategik di negara kita seperti Sistem

Telekomunikasi dan Tenaga, dan lain-lain. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan dan beliau sendiri akan mengemukakan satu kaedah untuk memastikan kita terus pastikan ada usaha dan strategi untuk mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara. Syabas kepada Menteri Kewangan.

Antaranya saya juga dapat melihat pandangan-pandangan analisa ekonomi negara kita. Mengapa tidak kita juga rangsang perkhidmatan kita seperti tingkatkan penjualan *mega sale*, cuba merangsang pelancongan tempatan, wujudkan kaedah supaya penjualan rumah *low cost* dan *medium cost* dan teruskan projek-projek yang boleh ada *multifire effect* yang tinggi. Begitu juga mengapa tidak kita tumpukan juga kepada sesuatu ekonomi yang berasaskan ilmu. Negara tidak boleh bergantung lagi kepada ekonomi berasaskan kepada upah yang murah. Sewajarnya kita tumpu kepada ekonomi-ekonomi baru seperti IT, siber dan lain-lain.

Saya tertarik dalam *Times Magazines*, dia sedang mengkaji balik tentang Akta Bankrapsi. Ramai pengusaha kita agak gelisah kalau ada yang kena bankrap itu. Nampaknya akta bankrap kita ini sudah lama, 50-an hingga ke 60-an banyak mirip kepada bank. Ia amat tidak adil kepada peminjam-peminjam. Mengapa tidak kita kaji balik juga semula *Bankruptcy Act* dalam suasana untuk membantu usahawan-usahawan kita.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja dari segi Tenaga Nasional. Kita risau juga dalam keadaan begini, dari segi kedudukan Tenaga Nasional sendiri. Saya sendiri pernah menjadi pengerusi Tuan Yang di-Pertua, jadi dapat saya menyentuh sedikit. Sampai masanya kita kena kaji kembali sistem struktur Tenaga Nasional itu sendiri. Ini kerana kita nampak sistem yang ada ini seperti 50 tahun dahulu. Mengapa tidak kita asingkan penjanaannya? Penjanaannya wajar dikekalkan kepada Tenaga Nasional tetapi sistem penghantarannya biar diuruskan oleh kerajaan.

Sistem pengagihannya bolehlah kita bahagikan kepada pihak swasta. Saya bersetuju juga dengan apa yang diujahkan oleh pembangkang. IPP kita perlu tengok balikkah. Kalau dahulu kita bagi PPA, sebab sudah wajarnya IPP yang baru ini kita bagi PPA. Akan tetapi apa yang penting, kita bagi hak IPP ini menjual tenaganya terus kepada pengguna.

Untuk itu mengapa tidak sistem pembahagian iaitu *distribution system* itu kita boleh jual kepada swasta dan swasta janakan tenaga, dia jual sendiri dan Tenaga Nasional dapat wang bila jual aset pengagihan itu supaya kurangkan beban. Mengapa tidak? Untuk itu, mengapa tidak timbang banyak IPP ini yang mana umurnya sudah hendak habis, konsesinya sudah habis. Mengapa tidak kita lanjutkan mereka supaya boleh beroperasi sebagai IPP tetapi jangan bagi PPA. Bagi dia menjual terus kepada pengguna-pengguna maka tidak ada risiko kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit satu lagi kita tidak boleh elak juga daripada penjaan menggunakan arang batu iaitu 60% Tenaga Nasional. Akan tetapi mengapa tidak saya sarankan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia banyak *the*

*mine field*, arang batu ataupun lombong arang batu di Sumatera. Janakan tenaga di *mine mouth* itu dan hantar ke Malaysia kerana jaraknya 30 kilometer.

Saya bimbang sedikit dalam hidro ini yang kita hendak bawa 800 kilometer kepada Bakun. Ia adalah baik, tetapi setakat ini, hanya yang paling tinggi jauh ialah 100 kilometer. Ditakuti isu-isu teknikal ini mungkin akan menghantui kita seperti risiko gempa bumi dan lain-lain. Saya nampak, sebelum kerajaan teruskan lebih baik kaji balik perkara ini sebab perbelanjaannya amat besar sekali dan juga impak kepada alam semula jadi.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit tentang *Personal Data Protection Bill* ini. Ini yang kita risau Tuan Yang di-Pertua. Apa yang ada di dalam Yang Berhormat Shah Alam punya *hand phone*, orang boleh dapat SMS ini.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak mengapa, tidak mengapa.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Eh, jangan! Esok saya takut sekali tentang perhubungan Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Itu yang saya takut sekali perhubungan adik-beradik ini. Dapat orang tahu, susah. Dia di dalam Dewan, dia kata tidak bersetuju. Akan tetapi di dalam SMS dia macam kawan rapat, adik-beradik.

**Seorang Ahli:** Sudah adik-beradik.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kita dengar kes pencerobohan data maklumat dalam komputer peribadi, wang boleh dicuri Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *check* akaun tiba-tiba tengok duit hilang sahaja. Dia tidak ambil banyak Tuan Yang di-Pertua, satu minit satu sen. Dia boleh buat program itu. Bermakna kalau kita tidak jaga tentang keselamatan data tadi, ia boleh mengancam ekonomi. Kewangan kita boleh terancam, kedudukan bank boleh terancam. Begitu juga dengan kita, selepas itu keselamatan negara. Cuba kita ingat kalau maklumat di dalam komputer di Kementerian Pertahanan dapat dicuri, apa akan jadi? Maklumat dalam polis boleh dicuri.

Untuk itu, saya cadangkan supaya kerajaan... dahulu saya ada dengar dia hendak kemukakan satu *bill*. *Bill* yang dipanggil *Personel Data Protection Bill*. Saya minta tengok balik, kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini secepat yang mungkin dan kita minta juga supaya ada satu peruntukan yang khas. Kesalahan ini iaitu mencuri data ini sebagai satu kesalahan jenayah yang boleh membawa kepada hukuman penjara iaitu hukuman yang kita panggil mesti di penjara. Kita tidak mahu hanya pencuri maklumat itu terlepas dengan dikenakan denda sahaja. Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Tentang GLC kita risau jugalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat pun sudah habis.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih habis. Saya minta maaf Yang Berhormat Shah Alam, mungkin nanti saya akan bagi. Baru-baru ini GLC turun

*net worth* dia RM53 bilion. Kita semua risau. Akan tetapi yang saya tahu, kita tidak begitu. Saya nampak GLC kalau boleh beri sedikit *statement* bahawa kita tidak perlu risau akan hal ini *paper lost* sahaja. Seperti di Amerika lagi teruk. Dia hilang Tuan Yang di-Pertua, RM10 trilion. *Half the wealth* dengan izin *disappear*. Kita tidak sampai begitu dan kita yakin bahawa GLC mempunyai satu kumpulan pengurusan yang baik dan syabas kepada mereka. Namun demikian, saya buat cadangan, KPI mereka Tuan Yang di-Pertua, jangan berasaskan kepada PNL sahaja. Jangan KPI GLC ini hanya untung, untung, untung sahaja. Dia sebagai satu syarikat di bawah naungan dan akhir-akhir ini kepunyaan kerajaan mesti juga memikul tanggungjawab sosial. Mesti ada meliputi CSR iaitu *corporate, social, responsibility*. Mereka tidak hanya mampu mengatakan untung sahaja. Mereka mesti kata, berapa banyak kita tolong bantu untuk meningkatkan industri tempatan. Banyak mana mereka membantu usahawan tempatan? Ini penting juga. Kalau boleh yang GLC ini jangan mereka bersaing dengan pengusaha tempatan. Jangan ada kontrak masuk tender, dia mahu masuk juga. Mereka mesti keluar dan hanya boleh memasuki bidang-bidang yang pengusaha tempatan tidak boleh bersaing.

Mana-mana pengusaha tempatan yang sudah ada kapasiti untuk memasuki pasaran itu, mereka terpaksa keluar dan mereka patut masuk ke dalam bidang-bidang yang baru seperti bidang *healthcare*, animasi yang mana usahawan tempatan tidak ada cukup modal dan tidak ada kepakaran.

Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua kepada apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu. Saya mengakhiri ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa kepada saya untuk mengikuti perbincangan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Saya menghargai Yang Berhormat kerana mengikut masa yang telah ditetapkan. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

**12.36 tgh.**

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana ruang yang diberi untuk saya bersama-sama dalam membahaskan Bajet 2009.

Pertamanya saya ingin menyentuh kenyataan oleh Sayidina Ali Karamullah Wajjah yang boleh kita ambil sebagai kayu pengukur apabila dia mengupas perkara berkaitan dengan soal kaya dan miskin. Kata Sayidina Ali, yang dikatakan kaya itu ialah orang yang apa yang ada padanya cukup. Dia tidak perlu minta, dia tidak perlu hutang, dia tidak perlu menagih. Apa ada pada dia cukup walaupun RM10.

Yang dikatakan miskin itu adalah orang yang apa padanya tidak cukup. Walaupun duit mungkin berjuta, mungkin berkantung-kantung tetapi tidak cukup. Terpaksa sapu sana, cekau sini, ini yang dikatakan miskin. Kalau mengikut daripada kayu pengukur yang diberikan oleh

Sayidina Ali tadi ini, kita boleh lihat bahawa bajet yang dibentangkan kepada kita adalah bajet orang miskin kerana tidak pernah cukup. Ataupun dalam bahasa kewangannya dipanggil bajet defisit.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin sentuh pada ruang kali ini ialah asas kepada mana-mana bajet adalah kestabilan politik dan keharmonian rakyat negara ini. Tanpa kestabilan politik dan keharmonian rakyat, kita boleh bentangkan apa juga bajet tetapi ia tidak akan membawa apa-apa makna. Oleh sebab itu, kita perlu lihat balik apakah dia kestabilan politik dan keharmonian rakyat bagi negara ini. Saya kira titah ucapan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan Raja-raja Melayu pada sidang Majlis Raja-Raja baru-baru ini di Terengganu pada 16 Syawal perlu kita lihat kembali.

Apabila Paduka Tuanku Raja-raja Melayu buat pertama kalinya di dalam sejarah negara menyeru supaya soal berkaitan dengan hal ehwal keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Raja-raja Melayu, agama Islam, bahasa Melayu tidak lagi dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Ini kerana kata titah Raja-raja Melayu ini, menyatakan bahawa sekiranya soal berkaitan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, kebesaran Raja-raja Melayu, agama Islam, bahasa Melayu dan lain-lain dipertikaikan, ia boleh menyebabkan negara ini terjebak ke dalam kancah perpecahan dan persengketaan di antara kaum sehingga menjejaskan keharmonian dan keamanan yang selama ini telah membawa kemajuan, pembangunan dan kejayaan kepada negara ini.

#### ■1240

Bermakna tonggak kepada kestabilan politik dan keharmonian rakyat negara ini adalah kepada persefahaman yang telah dicapai dan kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh nafikan bahawa dalam negara ini Islamlah yang menjadi tonggak kepada kestabilan dan keharmonian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita yang beragama Islam sudah sedia maklum bahawa Islam itu *a'la* – Islam itu tinggi. Bukan sahaja ianya satu kenyataan daripada sumber syarie tetapi juga di dalam perlembagaan. Sebenarnya kalau kita baca Perlembagaan Persekutuan, ia meletakkan Islam lebih daripada agama lain. Contohnya, Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan meletakkan Islam sebagai agama persekutuan dan untuk melindungi orang Islam, Artikel 11(4) menyatakan bahawa agama lain tidak boleh didiayahkan kepada orang Islam.

Malahan Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan dan negeri berhak membantu mana-mana institusi pengajian Islam. Artikel 74 dibaca dengan Jadual 9, Senarai 2, Senarai Negeri dibaca dengan Artikel 121(1A) menyatakan bahawa bagi orang Islam ada satu mahkamah, institusi kehakiman khusus untuk mereka dengan bidang kuasa yang kompeten, setaraf dengan Mahkamah Sivil.

Tingginya Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan disebut dalam Artikel 150 di mana dalam keadaan negara ini diisytiharkan darurat. Yang di-Pertuan Agong berkuasa penuh sebagai

pemerintah tertinggi negara Malaysia ini yang boleh melakukan apa sahaja termasuk di Artikel 150(5), Yang di-Pertuan Agong dan Parlimen boleh menggantung mana-mana undang-undang, menggubal apa juga undang-undang dengan kuasa yang begitu penuh tetapi dinyatakan dengan jelas di Artikel 150(6A), dalam keadaan berkuasa penuh itu pun, Yang di-Pertuan Agong ataupun Parlimen tidak boleh sama sekali menyentuh perkara berkaitan dengan undang-undang Islam.

Jadi kita nampak bahawa bukan sahaja Islam itu tinggi daripada makna syarak tetapi dalam Perlembagaan Persekutuan pun Islam diletakkan di tempat yang begitu tinggi yang tidak ada diberi kepada agama lain. Keistimewaan pula di dalam negara ini, orang Melayu dikaitkan dengan agamanya yang tidak ada pada mana-mana bangsa lain. Di Artikel 160, diletakkan prasyarat untuk menjadi orang Melayu, bukan sahaja berbudaya Melayu, bercakap Melayu, dia wajib beragama Islam.

Bermakna kalau dia bukan Islam, dia terkeluar daripada agama Islam, dia bukan Melayu. Itu mafhum daripada Artikel 160 sehingga timbul hadis Melayu, riwayat siapa saya tidak tahu, yang menyatakan Melayu itu Islam, Islam itu Melayu dalam negara ini. Begitu akrabnya Melayu dengan Islam.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya seru kepada rakan-rakan saya yang menjadikan perjuangan hidup Melayu sebagai tonggak perjuangan mereka, mereka perlu sedar bahawa kekuatan orang Melayu – di mana kekuatan bangsa Melayu yang mereka perjuangkan? Di mana? Saya teringat kata-kata Nujum Pak Belalang, dia kata, “*Di mana kekuatan Dato’ Hang tuah? Di kerisnya kah? Di tenaganya kah?*” Sama dengan kekuatan orang Melayu, di mana letaknya kekuatan orang Melayu – di kerisnya kah, di songkoknya kah?

Kekuatan orang Melayu letaknya pada kita tengok perkataan Melayu – mim, lam, alif, ya, wau – Melayu. Kekuatan orang Melayu bukan terletak pada kerisnya atau songkoknya tetapi kekuatan bangsa Melayu terletak pada huruf mim – mim, lam, alif, ya, wau – Melayu. Tanpa huruf mim, dia jadi layu. *[Ketawa]* Maka huruf mim menjadi tonggak kepada orang Melayu dan huruf mim itu sebenarnya adalah Muslim. Dia seorang Muslim. Maka dia jadi kuat.

Sebab itu bagi mereka mendabik dada memperjuangkan Melayu perlu sedar bahawa apabila dia meninggalkan Islam, apabila dia tidak lagi memperkuatkan Islam pada pergerakan atau diri dia, maka bangsa Melayu itu akan tumbang.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Minta laluan, boleh?

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Sila.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Eh, Kulim Bandar Baharu. Padang Serai pula.

Bolehkah Yang Berhormat melihat bahawa apa yang telah diperkatakan atau diketengahkan oleh Sayidina Omar Ibn Al-Khattab, *[Menyebut dalam bahasa Arab]* Kita ini, kemuliaan kita terletak pada Islam. Kalau kita cari kemuliaan lain daripada kemuliaan Islam, Allah akan hina. Saya rasa Yang Berhormat Besut pun boleh setuju dan kita nampak.

Cuma dalam Artikel 11 yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat di sesetengah negeri di Malaysia ini masih terabai atau masih tidak memberi penumpuan terhadap diayah-diayah agama lain terhadap umat Islam dalam negara ini sehingga diayah-diayah orang lain ke dalam masyarakat Islam ini berlaku seolah-olah begitu mudah yang menyebabkan masyarakat dan umat Islam sendiri rasa tergugat, sedangkan peraturan dalam Perlembagaan dalam Perkara 11 itu sudah cukup.

Jadi apakah Yang Berhormat sedar dan bolehkah kita cadang supaya pihak yang berkuasa, terutama sekali di peringkat kementerian dan kerajaan ini sendiri supaya menggerakkan peraturan supaya kita dapat patuhi apa yang telah diaturkan atau yang ditetapkan dalam Perkara 11 Perlembagaan. Terima kasih.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat Baling. Saya bersetuju, malahan itu yang saya perkatakan bahawa kekuatan atau kemuliaan bangsa Melayu letaknya kepada agamanya, Islam. Tanpa Islam, Melayu itu tidak ada maknanya, malahan UMNO sendiri, kekuatan UMNO, U – M – N – O, tanpa huruf M, dia jadi UNO. UNO itu keseorangan. Kekuatannya pada M itu. Dia jadi Muslim. Kalau buang M, dia jadi UNO, sorang-sorang dia. UNO bahasa *Spanish*.

**Seorang Ahli:** Satu!

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Dia keseorangan. Saya akan sentuh perkara yang akan disebut oleh Yang Berhormat Baling dalam perkara yang berkaitan dengan diayah agama lain, tetapi hendak sebutnya pertamanya orang Melayu perlu faham bahawa kekuatannya, kemuliaannya, kehebatannya terletak pada Islam dan ini merupakan tonggak kepada kestabilan politik dan keharmonian rakyat negara ini seperti yang disebut dalam titah Raja-raja Melayu pada 16 Syawal yang lepas. Akan tetapi hari ini tonggak ini yang menjadi sasaran, diserang oleh pelbagai pihak – kiri, kanan, atas, bawah, depan, belakang – sama ada di kalangan pemerintah mahupun di kalangan sebelah sini.

Menyerang Islam seolah-olah Islam tidak wujud langsung. Mereka mempertikaikan azan, syiar agama Islam. Mereka mempertikaikan tulisan jawi, hantar memorandum minta supaya tulisan jawi tidak dilaksanakan, diamalkan lagi dalam negara ini. Mereka minta, menuntut contohnya supaya soal ketuanan Melayu, ketuanan Islam dipertikaikan di kalangan pemerintah sendiri. Menuntut jawatan timbalan yang sudah menjadi tradisi dipegang oleh orang Islam. Di kalangan pemerintah, ada parti komponen yang menuntut supaya orang Islam dibenarkan untuk murtad, keluar daripada agamanya.

■1250

Dituntut supaya negara ini melakukan anjakan dengan menyamaratakan agama Islam dengan agama lain. Semuanya sama. Kita lihat contohnya bukan sahaja di kalangan parti siasah memerintah dan di sebelah sini, terdapat juga di kalangan NGO-NGO...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Terap bangun.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Sekejap, hendak bagi *point*. Majlis Peguam yang tanpa segan silu biadab mempertikaikan agama Islam mencabar orang Islam, contohnya menghantar wakil dalam kes Azlina Jailani melawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang menuntut hak supaya dibenarkan murtad mengikut artikel 11. Majlis Peguam hantar peguam bukan sahaja sebagai pemerhati, tetapi terlibat secara langsung dalam kes tersebut tanpa mengambil kira bahawa 40% lebih daripada ahli Majlis Peguam adalah orang yang beragama Islam. Akan tetapi mereka mengambil sikap bahawa Azalina Jailani perlu dibenarkan murtad mengikut Perlembagaan Persekutuan. Sampai ke peringkat dalam negara ini ada kumpulan yang sudah berani cabar perkataan Allah itu sendiri.

Mengheret kita ke mahkamah, menuntut supaya dia juga boleh menggunakan perkataan Allah. Sehingga ada kumpulan yang sampai ke peringkat tidak menghormati perayaan agama Islam, mencemar perayaan-perayaan agama Islam dengan tuntutan-tuntutan yang tidak ada kena mengena dengan agama Islam. Perayaan Aidilfitri baru ini dicemari. Jadi kita lihat dalam keadaan sekarang ada kumpulan golongan yang sudah berani mencabar Islam sampai ke peringkat sehingga mencabar kestabilan politik dan keharmonian rakyat negara sendiri. Saya sedar, saya pun insaf bahawa kita kadang-kadang pun perlukan dialog, perbincangan untuk menyelesaikan beberapa masalah *inter-religion*, antara agama. Saya sedar, bukan tidak ada masalah, ada masalah apabila seorang daripada bukan Islam suaminya masuk Islam, apa tanggungjawabnya, bagaimana dengan anak-anak dia, bagaimana dengan pusaka dia. Kita sedar masalah itu.

Namun mengadakan perbincangan secara terbuka, itu bukan caranya. Caranya adalah dengan memanggil mereka yang pakar, mereka yang tahu tentang masalah ini dan diadakan perbincangan. Bukan dengan membuat satu debat terbuka dan kita tahu bahawa persoalan dan isu berkaitan dengan agama khususnya Islam ini sangat sensitif terutamanya kepada orang Islam. Jadi sekarang ini kita sudah sampai ke peringkat Islam itu diserang dan perkara ini bukan berbangkit baru ini, ia bermula daripada zaman pemerintahan Perdana Menteri dahulu. Beliaulah orang yang memulakan serangan terhadap Islam.

Kita tidak lupa siapa yang telah menghina institusi Islam, memecat mufti yang cuba mempertahankan Islam. Sehingga sampai ke peringkat menghina sunah Rasulullah itu sendiri. Kita tidak lupa dialah orangnya yang telah mencemarkan institusi Raja-Raja Melayu dengan meminda Perlembagaan Persekutuan. Dialah juga orang yang telah menghakis kebebasan kehakiman dengan berlakunya insiden tahun 1988, pemecatan kepada bekas Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara. Hari ini sudah mula hendak bercakap tentang hak orang Melayu, hak orang Islam sedangkan di tangan dia kotor dengan pencemaran terhadap institusi Islam, institusi Raja-Raja Melayu, institusi kehakiman dan lain-lain.

Atas sebab itu pada saya dia orang *the last to speak about Islam, to defend the Malays. He should be the last person* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita perlu adalah dialog, perbincangan dan saya menuntut dan mendesak kepada menteri atau jabatan yang berkaitan supaya mempertingkatkan kerja dakwah. Tidak cukup setakat kita adakan forum perdana setiap minggu. Saya kira sudah tiba masanya badan-badan dakwah dalam negara ini YADIM, IKIM dan lain-lain mereka suka lakukan kerana mereka mempunyai fungsi yang bertindih yang setakat hari ini tidak berjaya. Langsung tidak menunjukkan kejayaan dalam misi dakwah mereka kalau sekadar hendak menganjurkan forum perdana yang ditayangkan di TV setiap malam Jumaat. Kalau itu kayu pengukur untuk menyatakan kejayaan dakwah di Malaysia, saya kira mereka telah gagal.

Contohnya dan saya usulkan pendekatan dakwah yang boleh dibuat dalam negara ini penubuhan sebuah masjid Cina. Saya tengok dalam negara ini masyarakat Cina yang begitu ramai dan ada di kalangan mereka yang ramai telah memeluk agama Islam, tidak mempunyai masjid sendiri. Sekadar bina masjid di Melaka dengan bentuk seperti sebuah pagoda tidak cukup. Ia soal pengisian. Mana dia masjid dalam negara ini yang menyampaikan khutbah dalam bahasa Cina? Mana dia masjid dalam negara ini yang kuliah, tazkirah, ceramahnya disampaikan dalam bahasa Cina? Tidak ada.

Jadi saya usulkan kepada menteri yang berkaitan supaya menimbang untuk membina sebuah masjid Cina dan kita boleh ambil contoh. Saya pernah pergi Masjid Zheng He ataupun Laksamana Cheng Ho di Surabaya dan juga di Palembang. Mereka punya masjid Cina bukan sekadar bangunan macam Cina, tetapi segala aktiviti dibuat dalam bahasa Cina sehingga menarik ramai peniaga-peniaga Cina. Dalam negara ini saya cadangkan masjid Cina itu dibina di Kuala Lumpur dan saya telah meninjau tapak yang paling sesuai dalam Kuala Lumpur ini ialah bekas Penjara Pudu berdekatan dengan Jalan Bukit Bintang. Tanahnya kosong, tempat orang pernah gantung sudah banyak kali. Tidak ada siapa hendak tanah itu, tanah 'sui'. Orang kata ramai orang sudah mati di situ. Apa salahnya tanah itu diambil.

Saya difahamkan tanah itu kepunyaan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Saya kira mungkin menteri boleh berbincang dengan UDA atau menteri yang bertanggungjawab dengan UDA untuk mengambil alih tanah tersebut dan dibina sebuah masjid Cina di kawasan itu tetapi sesuai dengan masyarakat sekeliling.

Masjid itu bukan sekadar tempat sembahyang, tetapi dijadikan juga pusat perniagaan dan perdagangan. Saya kira insya-Allah dengan pendekatan itu mungkin kita boleh menarik masyarakat Cina di sekeliling itu terdiri daripada tokoh-tokoh korporat, peniaga-peniaga Cina tertarik dengan agama Islam. Kita boleh bayang dalam keadaan khutbah bahasa Cina disampaikan daripada masjid tersebut dengar pada hari Jumaat corong-corong sekeliling sudah tentu dia akan sedikit sebanyak menarik kaum Cina di kawasan tersebut. Bagaimana kita ada Masjid India di Jalan Masjid India. Ceramah, khutbah, tazkirah, pengajian semuanya dibuat

dalam bahasa Tamil atau bahasa yang sesuai dengan masyarakat India. Atas sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya kira seperti yang saya sebut bahawa agama Islam itu merupakan tonggak kepada kestabilan politik dan keharmonian rakyat dalam negara ini. sebab itu ianya perlu dimartabatkan, ianya perlu dinobatkan.

Saya hendak mencadangkan untuk memartabatkan Islam dalam negara ini, beberapa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkaitan perlu dibuat. Beberapa artikel contohnya di dalam Perlembagaan perlu dipinda. Pertama seperti artikel 3 Perlembagaan Persekutuan yang menyebut agama Islam, agama Persekutuan. Di dalam artikel 3 yang pernah dipertikaikan disebut agama Islam di situ bermaksud apa. Di dalam kes Che Omar Che Soh dinyatakan bahawa Islam di situ bermakna perkara-perkara ritual. Perkara-perkara adat istiadat. Saya kira sudah tiba masanya artikel 3 dimantapkan dengan menambah perkataan bahawa agama Islam ialah agama Persekutuan dari segi syariat dan perundangannya. Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan saya kira perlu dipinda. Inilah artikel yang banyak digunakan untuk menyerang agama Islam khususnya dalam hal ehwal berkaitan dengan murtad dan kemasukan kepada agama Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu ada lagi?

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Ada lagi tiga *point* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jadi masa persidangan pagi sudah tamat Yang Berhormat. Duduk dan sambung pada sesi petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sesi pagi ini kita tangguhkan dahulu dan kita sambung semula pukul 2.30 petang nanti, terima kasih.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat mula berhujah tadi pada 12.36 tengah hari. So maknanya ada lagi dalam lingkungan lima minit begitu. Tadi Yang Berhormat bercakap 12.36 tengah hari saya difahamkan. Apa dia?

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** 12.45 tengah hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rekod daripada pegawai-pegawai kepada saya tidak akan berbohong Yang Berhormat. Sekarang kita tidak boleh main-main lagi Yang Berhormat.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Ya, saya cuba.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak mahu bermain-main lagi.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tidak apa, saya cuba.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung kepada perbahasan tadi di mana saya mengusulkan supaya Perlembagaan dipinda untuk memartabatkan agama Islam. Pertamanya tadi Artikel 3 kemudian Artikel 11 yang mana artikel inilah yang dipergunakan untuk mempertikaikan hukum-hakam Islam terutamanya dalam kes berkaitan dengan kemasukan dan kemurtadan daripada Islam. Saya cadangkan supaya Artikel 11(1) diperjelaskan sebagaimana yang disyorkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes Azlina Jailani melawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu perkara berkaitan dengan kemasukan atau kebebasan beragama bagi orang Islam hendaklah tertakluk kepada perundangan agama Islam itu sendiri.

Maka Artikel 11(1) sepatutnya berbunyi, *'Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya termasuk untuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam'*. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya. Saya juga Tuan Yang di-Pertua menjawab soalan daripada Yang Berhormat Baling sahabat saya berkenaan dengan Artikel 11(4) iaitu menyekat pengembangan atau diayah agama lain kepada Islam.

Masalahnya di negara ini, empat negeri masih belum ada lagi sebarang akta yang digubal untuk menyekat pengembangan agama lain kepada orang Islam termasuk Wilayah Persekutuan di mana berlakunya kes murtad yang terbaru iaitu kes Azlina Jailani atau Lina Joy yang telah dimurtadkan dan kemudiannya kes itu dibawa ke mahkamah. Ini adalah kerana seperti yang disebut oleh Mahkamah Persekutuan, tidak adanya sebarang akta atau peruntukan untuk menyekat perkara tersebut sehingga timbul sebuah gereja di Wilayah Persekutuan berani mengeluarkan sijil *baptism* kepada seorang yang beragama Islam iaitu Azlina Jailani.

Jadi saya kira Artikel 11(4) perlu dipinda ataupun digubal dengan segera untuk memastikan perkara seperti ini tidak berlaku. Malahan saya telah membangkitkan perkara ini banyak kali dalam banyak mesyuarat dan perbincangan termasuk dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, termasuk di bawah menteri yang dahulu. Janji tetap janji sampai hari ini tidak dilaksanakan. Jadi saya syorkan kepada menteri yang baru supaya segera mengkanunkan Artikel 11(4) ini. Saya juga mengesyorkan supaya Artikel 74 Jadual 9 Senarai 2 dan Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dilaksanakan dan juga dimartabatkan.

Saya kira sudah tiba masanya sebuah sistem Mahkamah Syariah kita dimartabatkan dengan adanya sistem rayuan. Saya hendak syorkan supaya satu bahagian syariah ditubuhkan di bawah sistem pengadilan kita di bawah Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan sekarang sudah ada bahagian jenayah, ada bahagian sivil. Saya cadangkan supaya bahagian syariah dengan kedudukan hakim-hakim ditentukan. Mekanismenya boleh ditentukan kemudian tetapi saya cadangkan prinsipnya supaya satu bahagian syariah di bawah Mahkamah Persekutuan ditubuhkan. Saya juga mengesyorkan supaya ada pemisahan di antara Mahkamah

Syariah, bahagian pendakwaan dan bahagian penguatkuasaan di jabatan-jabatan agama Islam dalam negara kita.

Ketiga, saya juga mengesyorkan supaya ditubuhkan segera sebuah majlis peguam Muslim yang hari ini masih belum wujud untuk mengendali peguam-peguam beragama Islam yang menjalankan amalan di Mahkamah-mahkamah Syariah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Ya Yang Berhormat Batu Pahat. Saya tidak punya masa yang banyak.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan yang disebut oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dan saya amat menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dan saya harap ini menjadi perhatian kepada pihak kerajaan. Cuma saya ingin tahu sedikit penjelasan tentang Jabatan Peguam Negara ini, apakah satu yang berasingan juga diperlukan iaitu Jabatan Peguam Negara Syarie ini. Apakah perlu dan wajar diwujudkan sebenarnya? Terima kasih.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Saya sebenarnya bersetuju dengan cadangan supaya diadakan satu pemisahan dari segi pelaksanaan undang-undang syarie ini. Itu termasuk seperti yang saya sebutkan tadi bahagian penguatkuasaan dan pendakwaan perlu dipisahkan. Jadi itu termasuk kepada penubuhan sebuah Jabatan Peguam Syarie yang mempunyai Peguam Negara dia sendiri tetapi masalah di dalam negara kita ini Islam dikuasai oleh negeri. Jadi mungkin sudah tiba masanya perkara Islam menjadi bidang kuasa negeri ini dibincangkan dengan lebih lanjut supaya kita boleh tubuhkan badan-badan seperti yang disebut tadi. Saya setuju supaya ditubuhkan sebuah Jabatan Peguam Syarie peringkat kebangsaan supaya boleh diselaraskan pendakwaan dan penguatkuasaan undang-undang syariah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang perlu kita buat hari ini ialah kita perlu menunjukkan keadilan Islam itu sendiri yang menjadikan persepsi yang silap di kalangan yang bukan Islam kerana kesilapan kita sendiri tidak menunjukkan keadilan Islam. Islam ini ialah untuk keadilan dan keadilan untuk semua. Hari ini kita lihat berlaku satu keadaan di mana seolah-olah orang Islam sendiri tidak menghormati agamanya. Contohnya di dalam kes-kes pertuduhan seperti kes pertuduhan seksual. Kita menuduh seseorang dengan tuduhan seksual menggunakan sistem perundangan yang sangat berbeza daripada perundangan syarie. Jadi bagaimana orang lain hendak menghormati kita kalau kita sendiri tidak hormat sistem perundangan kita, sistem perundangan Islam.

■1440

Seperti saya bagi contoh dalam kes Altantuya, kes pembunuhan Altantuya cuba Tuan Yang di-Pertua, kita bayangkan kes itu kes pembunuhan, hakimnya beragama Islam, peguamnya

beragama Islam, pendakwanya beragama Islam, yang kena tuduh pun beragama Islam, mangsa pun mengikut rekod pernah memeluk agama Islam.

Di sana ada hukum hakam berkaitan dengan pertuduhan membunuh [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Dalam kes-kes bunuh laksanakan hukum qisas, semuanya orang Islam tapi kita laksanakan satu sistem yang berbeza dengan agama kita, bagaimana orang nak menghormati kita kalau kita tidak menghormati sistem perundangan kita sendiri. Jadi sudah tiba masanya kita laksanakan, kita tidak bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang Islam ini kepada orang bukan Islam, mereka ada sistem perundangan mereka sendiri. Akan tetapi bagi kita orang Islam sudah tiba masanya kita melaksanakan sistem kita sendiri.

Sebenarnya kalau kita lihat, sistem pemerintahan Islam adalah satu sistem yang boleh diterima oleh pelbagai pihak. Yang Berhormat Bagan, saya menghormati pandangan Yang Berhormat Bagan yang keluar daripada mulut dia kata-kata seperti dia menghormati prinsip 'Amal Makruf Nahi Mungkar' dalam Islam, dia sangat menghargai dan menginsafi sistem pemerintahan yang diamalkan oleh Khalifah Omar Abdul Aziz contohnya. Ini datangnya daripada Yang Berhormat Bagan yang sudah menyedari dan menginsafi bahawa sistem pemerintah Islam itu boleh membawa kepada keadilan.

Kalau kita laksanakan sistem perundangan, sistem kehakiman Islam seperti yang tersebut dalam surat atau warkah Sayidina Ali kepada Al Malik Asydar semasa hendak dilantik sebagai Gabenor Mesir, di dalamnya terkandung prinsip-prinsip pemerintahan Islam termasuk sistem keadilan, sistem ekonomi dan lain-lain.

Cuba kita hayati warkah tersebut, mungkin saya cadangkan kepada Menteri yang berkenaan cetak balik warkah Sayidina Ali kepada Malik Asydar yang hendak dilantik sebagai Gabenor Mesir, sebarkan kepada semua Ahli Parlimen, biar mereka baca bagaimana sistem pemerintahan Islam itu boleh dilaksanakan. Kita ada sistem agihan ekonomi yang adil dalam Islam tanpa mengira apa agama, tanpa mengira apa kaum berdasarkan keperluan, kita ada sistem zakat, kita ada contohnya sistem perundangan yang menegah seseorang ditahan, ditangkap tanpa diberi peluang untuk membela diri sendiri seperti yang diperdebatkan berkaitan dengan ISA, semuanya ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di Dewan ini pun ada sistem juga menghadkan masa, dalam dua minit, silakan.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Jadi sistem ini semua ada di dalam Islam, cuma kita tidak terapkan, kalau lah kita boleh terapkan sistem ini dan kita perlihatkan kepada yang bukan Islam. Saya cukup yakin sebagaimana Yang Berhormat Bagan sebut dia menyedari bahawa sistem pemerintahan Islam itu akan boleh membawa kepada satu sistem yang adil bagi semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu tadi bahawa ucapan saya ini tidak bunyi macam yang sepatutnya, saya berucap ini kata dia seolah-olah menyokong orang lain. Saya nak

beritahu dan saya tersebut banyak kali bahawa bagi saya yang penting agama saya Islam, saya tidak peduli kepada pandangan orang lain, saya tidak peduli bahawa saya mesti orang kata *tow the line* sebab saya nanti akan jawab di hadapan Allah. Saya perlu bertanggungjawab kepada Tuhan saya, sebab itu saya pernah buat kenyataan, pada saya Islam itu dulu, *I'm a Muslim first* dan saya berani kata saya bukan seorang Muslim yang terbaik tapi saya akan beri yang terbaik untuk Islam, kalau saya perlu katakan tentang Islam dalam Dewan ini saya akan perkatakan.

Walaupun ianya tidak senang didengari oleh pihak-pihak tertentu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi balik bahawa asas kepada satu-satu bajet apa juga hendak dibentangkan adalah penting kestabilan politik dan keharmonian rakyat itu, diutamakan, dan di dalam negara ini, kestabilan politik dan keharmonian rakyat itu banyak bergantung kepada kedudukan Islam itu sendiri. Kalau Islam sudah mula dipertikaikan, kalau Islam dah mula diserang sehingga Tuanku Raja-raja terpaksa buat kenyataan yang tidak pernah mereka buat sebelum ini, saya kira kita sudah sampai ke satu tahap yang sangat serius.

Sebelum perkara ini berlaku, perlu kita renung kembali. Apakah kita benar-benar menuju kepada satu keadaan yang akan membawa kepada satu kestabilan politik dan keharmonian rakyat atau kita sedang menuju ke satu suasana yang boleh menggugat kedudukan tersebut? Saya tegur diri saya dan diri sahabat-sahabat saya supaya merenung kembali perkara ini kerana ini negara kita, kita sama-sama bangunkan untuk manfaat rakyat dan negara kita ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dari segi bajet yang dibentangkan supaya ianya diperbetulkan, kerana banyak sangat kekurangan-kekurangan yang ada di dalamnya supaya boleh membawa manfaat kepada rakyat terbanyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberi.

**2.48 ptg.**

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambung]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang petang ini untuk membahas Bajet 2009. Ekonomi negara kukuh dan berdaya tahan, saya merasa lega kerana asas ekonomi pasaran eksport yang pelbagai serta rizab antarabangsa yang tinggi, meletakkan ekonomi negara lebih fleksibel untuk menghadapi persekitaran luar negara yang mencabar.

Dalam Bajet 2009, kerajaan telah merancang pelbagai projek dan bantuan kewangan serta bantuan subsidi untuk rakyat jelata, lebih-lebih lagi rakyat miskin di bandar dan di luar bandar untuk memakmurkan mereka. Namun apa yang membimbangkan saya ialah ke tidak tumpuan kerajaan terhadap penjagaan kualiti alam sekitar. Walhal situasi alam sekitar sekarang amat meruncing dan ada kaitan dengan pelbagai aktiviti dan berkaitan dengan penjanaan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang disebut dalam bajet ialah peruntukan untuk menumbuhkan dana *round table, cosastanable, palm oil* ataupun RSPO berjumlah RM50 juta. Industri minyak sawit adalah sebuah industri yang kaya, sudah tentu industri ini mengeluarkan minyak lebih daripada 28 juta tan setahun dan dengan harga pasaran yang tinggi sudah tentu industri ini boleh

menyumbangkan kepada dana RSPO. Apakah justifikasi kerajaan untuk mengagihkan peruntukan kepada dana RSPO? Sememangnya dana ini diperlukan bagi meningkatkan penerimaan minyak kelapa sawit di peringkat global agar memantapkan tanggungjawab sosial dan alam sekitar.

Saya telah pun meneliti *principals and criteria*, dengan izin untuk RSPO. PNC ini bertarikh Mac tahun 2006 hanya diterima pakai sehingga bulan November 2007 dan selepas itu ianya disemak semula. Adakah semakan ini telah pun dibuat dan kenapa PNC yang ada sekarang tidak terus diaplikasikan?

Di dalam PNC RSPO terwujud beberapa prinsip yang tertentu, prinsip pertama ialah berkaitan dengan komitmen dan *transparency* dengan izin, peladang-peladang kelapa sawit mesti memberi maklumat kepada mereka yang menghendakkan maklumat seperti *state holders* tentang alam sekitar. Ini tidak berlaku sama sekali, di dalam prinsip ini juga dokumen pengurusan industri seharusnya boleh diperiksa oleh orang-orang awam yang ada minat dan ada kaitan, ini juga tidak berlaku.

#### ■1450

Prinsip kedua ialah berkaitan dengan kepatuhan kepada perundangan dan peraturan yang ada kaitan dengan industri kelapa sawit. Prinsip ketiga adalah komitmen kepada daya maju ekonomi dan kewangan. Seterusnya, terdapat enam lagi prinsip-prinsip di dalam RSPO. Walau apa pun, negara import lebih-lebih lagi di Eropah, pembeli-pembeli di sana sememangnya mahukan industri minyak sawit kita mematuhi kepada standard-standard antarabangsa.

Dalam perkara ini, ada dua standard baru yang sering diperingatkan oleh pembeli-pembeli di Eropah di negara Jepun dan Amerika Syarikat kepada industri minyak sawit kita. Standard ini ialah *the equator principal* tahun 2006 dan *the UN declaration for indigenous peoples rights* tahun 2008.

Kedua-dua standard ini memerlukan seperti berikut:

- (i) kepatuhan kepada peruntukan alam sekitar;
- (ii) *disclosure*, laporan-laporan yang ada kepada orang awam; dan
- (iii) peruntukan sosial dan kebudayaan Orang-orang Asli atau pun orang tempatan.

Adakah kerajaan sedar bahawa kalau industri minyak sawit tidak patuh kepada standard antarabangsa, sememangnya sukar bagi peningkatan penerimaan minyak sawit kita di peringkat global. Bahkan, semua projek yang dibiayai oleh bank-bank antarabangsa lebih-lebih lagi yang bakal dilaksanakan di koridor-koridor pembangunan. Bank-bank antarabangsa memerlukan kepatuhan kepada *the equator principals* untuk kepastian pengawalan kualiti alam sekitar dan keperluan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya aktiviti perkembangan ekonomi yang ada kaitan langsung dengan situasi alam sekitar sekarang yakni perubahan iklim. Ianya memberi kesan

buruk terhadap aktiviti pertanian. Di bawah dasar jaminan makanan negara bagi tempoh 2008 hingga 2010, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM5.6 bilion. Peruntukan di antara lain adalah untuk pembayaran insentif kepada pengusaha pertanian bertujuan meningkatkan beban kenaikan kos pengeluaran dan bagi menggalakkan peningkatan pengeluaran hasil tani.

Akan tetapi, apa yang berlaku sekarang ialah perubahan iklim dengan suhu yang sudah meningkat di negara kita. Dengan peningkatan 0.6% darjah Celsius 10 tahun kebelakangan ini. Penurunan hujan juga sudah meningkat dengan 30% sejak tiga tahun kebelakangan ini yang menyebabkan kekerapan banjir. Ribut petir juga berlaku dengan berleluasa yang menyebabkan kerosakan harta benda seperti bumbung rumah dan sebagainya.

Suhu tinggi merosakkan tanaman pertanian dan menyebabkan kekurangan air dalam fisiologi tanam-tanaman iaitu *water stress* dalam tanaman. Jika ini berlaku, hasil pengeluaran makanan seperti buah-buahan dan daunnya berkurangan. Tanaman juga menjadi layu. Ini adalah satu kerugian kepada bidang pertanian. Justeru, bahan-bahan makanan akan berkurangan di pasaran dan boleh menyebabkan harga tinggi. Suhu tinggi juga menyebabkan hasil padi menurun. Suhu tinggi waktu malam menyebabkan biji-bijian padi menjadi kosong atau pun 'ampiang' dalam bahasa Sarawak. Biji padi itu kosong, tidak ada beras dalamnya.

Seterusnya, dalam keadaan hujan lebat dan kerap, apabila banjir berlaku, banjir menyebabkan kerosakan tanaman pertanian. Oleh yang demikian, kerajaan seharusnya mengubahsui musim menanam tanaman makanan dan aktiviti pertanian. Sekarang kita boleh meramalkan cuaca dengan sederhana tepat, jadi dengan ini kita boleh mengubah sui musim menanam padi, musim menanam jagung dan lain-lain. Dalam isu ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, berapakah kerugian hasil tani pada tahun 2007 dan 2008 kerana berlakunya cuaca buruk dan banjir?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkembangan bioteknologi di negara kita. Di dalam dasar bioteknologi negara, penyelidikan dan pembangunan atau pun R&D dalam bidang bioteknologi khususnya perubatan sememangnya mengambil masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. 12 tahun untuk mendapat hasil sehingga penjualan di pasaran adalah satu tempoh yang biasa. Namun, saya ingin tahu apakah tumpuan R&D di dalam bidang bioteknologi perubatan di dalam negara kita? Adakah ianya bio diagnostik, adakah ianya vaksin, bio proses, farmaseutikal, atau pun *advanced drug delivery system* dengan izin? Apakah yang telah dihasilkan selama ini di negara kita yang ada kaitan dengan perubatan.

Saya juga ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan biofuel. Baru-baru ini semasa merasmikan Bio Malaysia 2008, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa pertumbuhan industri bidang bioteknologi akan meningkat dengan 22% pada tahun depan. Beliau mengatakan satu daripada sumbangan kepada pertumbuhan ini ialah daripada penghasilan produk-produk kelapa sawit termasuk penghasilan biodiesel. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi tentang kepatuhan kepada standard antarabangsa mengenai alam

sekitar dan sosial. Saya sememangnya tidak yakin bahawa biodiesel tidak dengan senang lenang akan menembusi pasaran di negara-negara barat.

Pada masa kini, negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Australia menekankan standard antarabangsa yang terkandung dalam *equator principal*. Mereka juga sering mengatakan bahawa penggunaan tanah gambut menyebabkan penambahan kandungan karbon dioksida di atmosfera; dan juga bahawa orang hutan di hutan tanah gambut banyak sudah mati. Namun tuduhan itu yang tidak benar di negara kita. Akan tetapi, biodiesel daripada kelapa sawit adalah satu perniagaan bagi pengusaha besar dengan pelaburan juga yang amat besar.

Oleh itu, saya cadangkan agar dasar bio diesel negara merangkumi pengusaha kecil, dengan kos rendah. Dalam usaha ini, kerajaan seharusnya membantu pengusaha-pengusaha IKS untuk mengeluarkan biodiesel. Dengan ini juga, saya menyeru kerajaan untuk membantu petani-petani di luar bandar untuk menceburi diri mereka dalam penanaman jatropha.

#### ■ 1500

Kononnya tanaman pokok jatropha boleh menghasilkan minyak biodiesel bagi menggantikan diesel asli sama juga dengan minyak sawit. Daripada pengalaman di India, jatropha boleh menghasilkan 1,000 tong minyak setahun hasil pengeluaran buah-buahan dari ladang seluas 1,000 hektar.

Jatropha ialah satu tanaman yang boleh membesar dengan cepat dan boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh 2 tahun. Tanaman jatropha juga boleh tahan lama sehingga 40 tahun. Namun, saya ingin menyoal kerajaan sama ada kajian mendalam sudah pun dijalankan di negara kita. Jika ada, bagaimanakah tahap hasil pengeluaran minyak daripada jatropha tempatan. Saya telah pun menguji kaji dan mengeluarkan minyak jatropha yang ditanam di kawasan saya dan didapati hanya 10% saja minyak daripada buah-buahan jatropha itu. Selainnya ialah air.

Oleh itu, apa yang dihasilkan di India, yang terdapat di India adalah berlainan dengan apa yang terdapat di dalam negara kita kerana negara kita kerap hujan dan air ini diserap di dalam pokok jatropha dan seterusnya di dalam buahnya dan ini mengurangkan kandungan minyak jatropha di dalam buahnya. Saya juga ingin menyentuh kegunaan petrol yang lebih digunakan dan berleluasa daripada diesel di negara kita. Memang banyak kenderaan yang menggunakan petrol. Oleh itu, saya cadangkan agar kerajaan seharusnya mengkaji juga pengganti petrol. Pengganti petrol ialah bioethanol. Bioethanol boleh dihasilkan melalui proses penapaian ataupun *fermentation*.

Kita di Sarawak dan Sabah memang tahu proses penapaian. Jadi ini bukannya satu proses yang asing bagi rakyat Sabah dan Sarawak yang makan dan minum tupai. Tapi.  
[Ketawa]

Fermentasi ataupun *fermentation* yang berguna dan juga yang berasaskan karbohidrat boleh menghasilkan bioethanol. Tanaman yang mengandungi karbohidrat atau gula yang mudah

ditanam di negara kita ialah tebu, jagung, padi dan ubi kayu. Memang senang ditanam tetapi padi yang mengeluarkan beras memang satu bahan makanan yang amat diperlukan. Jadi kita tidak payahlah menggunakan padi. Serpihan kayu dan rumput rumpai juga boleh menghasilkan bioethanol tetapi pengeluarannya ataupun *yield*nya tidak tinggi.

*Yield* bagi bioethanol daripada tebu atau ubi kayu dianggarkan 500 tong setiap tahun daripada ladang seluar 1,000 hektar. Oleh itu saya cadangkan kepada kerajaan agar kaji selidik penghasilan bioethanol diteruskan dan dibuat. Jika ubi kayu, tebu dan jagung mudah ditanam di negara kita, maka petani-petani di luar bandar boleh menceburkan diri mereka dalam pengusahaan bioethanol. Pengusaha-pengusaha IKS juga boleh mendirikan kilang dengan bantuan kerajaan dengan kos yang rendah. Dengan usaha ini, ekonomi luar bandar boleh ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dunia dikejutkan dengan penemuan melamin dalam tepung susu dan susu cair bayi di negara China. Sehingga bulan September 2008, terdapat 6,200 bayi mengidap penyakit batu karang ataupun *acute renal failure* dan 3 orang bayi meninggal di negara China. Melamin telah wujud di dunia ini sejak tahun 1830-an dan direka cipta oleh ahli kimia dari negara Germany. Melamin adalah satu sebatian ataupun kompaun organik dalam bentuk seperti bedak dan tepung dan dengan susunannya ialah *crystalline*.

Ia boleh larut hanya sedikit saja dalam air. Ia tidak boleh bertindak balas dengan asid dan tidak dapat terbakar. Oleh kerana melamin mengandungi 66% jirim nitrogen ataupun *nitrogen mass*, ia memiliki sifat molekul protein. Melamin digabung dengan *formaldehyde* adalah digunakan untuk menghasilkan *melamine resin* ataupun gam yang digunakan untuk membuat plastik, digunakan untuk membuat papan *formica* yang selalu kita lihat di atas meja kita. Digunakan juga untuk kegunaan jubin, pinggan mangkuk dan lain-lain. Memang kegunaannya amat banyak.

Persoalannya ialah berapakah jenis bahan-bahan makanan dan jenis makanan seperti biskut jenama Khong Guan dan biskut jenama Julie's telah pun diuji oleh Kementerian Kesihatan dan dikenal pasti mengandungi melamin. Bagaimanakah melamin boleh di campur dalam makanan dan biskut di negara kita. Sampai manakah kementerian mengkaji perkara ini dan memantau agar tidak ada melamin di dalam makanan di negara kita. Berapakah jenis-jenis produk makanan dan susu yang dihentikan importnya dari negara China. Dengan ini saya mencadangkan agar sudah sampai masanyalah kerajaan merangkum melamin ke dalam akta-akta yang sedia ada seperti Akta Makanan, Akta Kesihatan Awam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh projek-projek yang dilaksanakan di kawasan-kawasan di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lima minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya minta tanya. Saya tertarik dengan tentang melamin. Mahu tanya tentang melamin. Adakah benar? Saya nampak Yang Berhormat macam pakar dan mengetahui semua ini. Adakah benar standard yang ada, ukuran *benchmark* yang ada, ujian yang ada tidak boleh kesan melamin. Betul tidak Yang Berhormat? Sebab itu pada peringkat awal tidak dapat kesan melamin ini dan dapat kesan apabila anak-anak dan bayi-bayi sakit baru dia tahu.

Akan tetapi standard ukuran yang ada tidak boleh kesan *the presence* dengan izin, melamin. Adakah benar Yang Berhormat sebab Yang Berhormat nampak pakar dalam perkara ini.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Itu memang benar. Kalau ada orang sakit dan diuji, diperiksa oleh doktor baru kita tahu. Sekarang WHO pun tidak ada peralatan perubahan untuk mengesan dan mereka sekarang sedang mengkaji bagaimanakah mahu mewujudkan peralatan ini supaya melamin senang dikesan di dalam makanan. Yang Berhormat Lipis.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mambong. Ini mengenai pinggan yang selalu dijual di pasaran. Pinggan melamin. Macam mana keadaannya? Boleh tidak kita gunakan pinggan tersebut sebab semua orang banyak guna. Nanti menyebabkan ini. Mohon penjelasan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Melamin adalah satu sebatian organik yang tidak dapat terbakar. Yang keduanya ia tidak boleh bertindak balas dengan asid. Bermakna pinggan-pinggan ini kalau kita simpan makanan walaupun ia panas, bahan-bahan melamin ini yang sudah digabungkan dengan bahan seperti *formaldehyde*, maka ia tidak lagi memberi kesan beracun kepada makanan itu.

#### ■1510

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Jadi pinggan itu boleh pakai ya?

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Pinggan itu boleh pakai tetapi jangan masuk tepung melamin, jangan masuk tepung melamin sahaja dalam makanan, itu bahaya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Mambong yang sangat pakar dalam isu ini. Saya nak tanya sekarang isu penggunaan melamin dalam makanan. Apakah benar ada satu *benchmark permissible level of melamine* dibenarkan dalam pemprosesan makanan. Adakah benar? Sebab isu ini hangat diperdebatkan di negara Taiwan baru-baru ini juga. *Permissible level* adakah wujud?

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Semua bahan pengawet, ianya ada *permissible level* tetapi kita mesti ingat ini. Kita mesti ingat yang kesan *cumulative* iaitu walaupun kali ini kita ambil sikit sahaja tetapi kalau ianya

dah masuk dalam badan kita, dalam darah kita ianya tidak boleh bertindak balas dengan apa-apa di dalam badan kita. Maka ianya berada di situ, ini melamin, ia akan berada di darah kita, di dalam badan kita. Jadi ia makin bertambah, apabila ia makin bertambah, akhirnya kita mendapat *renal failure* kerana ianya tidak boleh keluar juga dengan air kencing kita.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Akan tetapi setakat ini *permissible level* 2.5 itu boleh diterima atau tidak? Itu saya nak minta penjelasan.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Saya tak mahu sebut *permissible level*, kalau nak sebut *permissible level*, nanti orang kata pengusaha makanan mencampurkan melamin kononnya untuk menambah bahan-bahan protein. Jadi walau apa pun, melamin tidak boleh dicampur dengan makanan. Jangan masuk sebab ianya ada *permissible level* kerana penambahan di dalam badan kita nanti akan bahaya jadinya. Jadi inilah tentang melamin.

Kalau bahan pengawet yang lain, ia ada *permissible level* dan ianya boleh dikeluarkan melalui peluh kita, melalui kencing kita dan sebagainya. Ini boleh tetapi bukan melamin. Saya menyarankan kepada kerajaan janganlah memberi *permissible level* untuk melamin. [Tepuk]

Untuk mengakhiri Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut projek-projek yang dilaksanakan di kawasan di mana-mana sahaja di negara kita. Kementerian Pelajaran Malaysia diperuntukkan RM31 bilion untuk menyediakan pendidikan bagi manfaat 5.8 juta pelajar. Sejumlah 110 buah sekolah rendah dan 181 buah sekolah menengah baru akan dibina bagi mengatasi masalah kekurangan sekolah dan menggantikan sekolah-sekolah yang telah usang.

Di kawasan Parlimen Mambong, terdapat 53 buah sekolah rendah dan 5 buah sekolah menengah. Daripada jumlah 53 buah sekolah rendah, 17 buah telah usang yang perlu dibaik pulih. Saya telah pohon sejak 8 tahun dahulu agar Kementerian Pelajaran mengagihkan peruntukan untuk baik pulih bangunan, namun surat saya tidak terjawab dan tidak diperakui penerimaan. Sekarang saya mohon komitmen dari kementerian dengan peruntukan yang begitu banyak, jumlah RM615 juta. Bolehkah kementerian mengagihkan sebahagian daripada peruntukan yang sedia ada bagi kerja baik pulih bangunan sekolah-sekolah rendah di kawasan Parlimen Mambong?

Tentang sekolah menengah, SMK Tun Abdul Razak, sebuah sekolah yang dibina pada tahun 50-an sememangnya banyak bangunannya sudah usang. Saya telah pun memohon daripada kementerian empat tahun dulu untuk baik pulih sekolah ini. Surat saya tidak terjawab oleh kementerian. Baik pulih sekolah menengah ini amat diperlukan, oleh itu saya sekali lagi mohon daripada kementerian agar mengagihkan peruntukan untuk kerja baik pulih dengan secepat mungkin.

Yang terakhir sekali, saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana meluluskan Jalan Empangan Bengoh Kuching untuk tahun depan. Meluluskan projek adalah satu perkara tetapi mengagihkan peruntukan adalah satu perkara lagi. Sama ada peruntukan ada ataupun

tidak. Adakah peruntukan benar-benar ada bagi projek jalan itu? Sebenarnya nama jalan itu ialah Jalan Bauk Semendang, jaraknya 14 kilometer dan satu buah jambatan yang agak besar juga diperlukan. Dengan kata-kata begitu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**3.16 ptg.**

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi kesempatan dan peluang untuk dapat saya turut sama membahaskan Belanjawan 2009 pada sesi Parlimen kali ini, walaupun empat hari berusaha untuk mendapat peluang ini, hari inilah baru dapat, Alhamdulillah.

Saya akan mulai dengan melihat terus kepada tiga strategi khusus yang dikemukakan oleh bajet ini iaitu pertama sekali, menjamin kesejahteraan rakyat dan yang kedua, membangun modal insan yang berkualiti dan ketiga, memperkukuhkan daya tahan negara. Secara umumnya saya yakin tiada siapa dapat menafikan bahawa tujuan tiga strategi khusus ini adalah baik untuk semua. Cuma sebelum saya pergi terus, saya ingin jugalah melahirkan rasa simpati kepada Yang Berhormat Rompin kerana daripada Menteri Kewangan II, Menteri Sains, dan sekarang ini nampaknya duduk di depan ini sahajalah, balik semula kepada *back-bencher*.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Biasa, biasa, itu semua biasa.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Biasa sahajalah. Dan yang kedua penghargaan terima kasih ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Inilah kadang-kadang menimbulkan kekecohan, yang main-main. Tolonglah elakkan perkara sebegitu. *[Ketawa]* Sila teruskan hujah.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Yang kedua penghargaan juga saya kepada Yang Berhormat daripada Bagan. Hari semalam walaupun kita kenal dia belum Islam, tetapi dia telah pun dapat memahami antara lain apa yang dikemukakan dengan amar maaruf nahi mungkar. Dan kita percaya sebagai seorang Muslim, kita tidak harus lupa dengan apa yang telah disabdakan oleh Baginda Rasulullah, antara lain sabda Nabi, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*.

Kalau semua kita dah abaikan dan kita alpa terhadap peranan amar maaruf nahi mungkar, maka kehidupan kita keseluruhannya akan diharamkan oleh Allah dengan keberkatan wahyu. Bertitik tolak daripada tiga strategi ini, maka saya ingin memulai perbahasan ini dengan apa yang telah pernah disarankan oleh Al Imam Al-Ghazali Hujatul Islam. Di mana Imam Al-Ghazali Hujatul Islam pernah menyarankan dengan kata-kata beliau, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*.

Dalam maksudnya ialah, *“Rosaknya rakyat kerana rosak negara, rosaknya negara kerana rosaknya pihak yang berkuasa, rosak yang berkuasa adalah kerana rosak para*

*pemimpin, rosaknya pemimpin adalah kerana rosaknya ulama*". Kalau kita lihat dari segi apa yang telah disarankan oleh Imam Al-Ghazali Hujatul Islam ini, bermakna kita hari ini seluruh Ahli Dewan, apa kita boleh melihat dan menuding jari secara ke mana-mana pihak tetapi semua kita hendaklah bersama-sama menghayati apa yang telah disarankan oleh Imam Al-Ghazali ini.

#### ■1520

Kesimpulan daripada apa yang telah dibawa oleh Imam Al-Ghazali Hujatul Islam menunjukkan bahawa apabila ulama rosak, maka rakyat akan musnah. Oleh itu ulama harus memainkan peranan untuk sama-sama mendukung kehendak ini demi yang kita hendak capainya ialah kesejahteraan rakyat keseluruhan. Ditekankan oleh Imam Al-Ghazali, ulama sini bukanlah semata-mata hanyalah kepada *physically* ulama dalam individu-individu berkenaan. Akan tetapi yang lebih daripada itu ialah dalam saranan dan kandungan Islam itu sendiri yang dimandatkan oleh Allah SWT untuk ulama itu sampaikan. Sebab itulah maka Sayidina Ali ibni Abi Talib telah mengatakan bahawa [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Maksudnya kalau tidak kerana ulama manusia akan jadi sebagai haiwan.

Jadi bertitik tolak dari situ maka saya ingin menyentuh pertama sekali ialah sebenarnya manusia merupakan makhluk yang mempunyai iradat yang bebas dan entiti yang tersendiri. Iradat manusia dibatasi oleh kepentingan umum manakala entitinya tunduk di bawah kadar usahanya untuk mencapai kepentingan individu melalui pencapaian umum. Individu dalam masyarakat yang bebas mempunyai pandangan bagi menyesuaikan dengan kepentingan umum. Cara pelaksanaannya bergantung kepada masyarakat ramai. Biar bagaimanapun tinggi kemanusiaan, namun ia terbatas kepada fitrahnya sahaja. Beberapa individu yang mungkin tiba di kemuncak dan merasa bahawa entiti dirinya tidak tercapai melainkan setelah mereka berkorban untuk kumpulan atau jemaah.

Akan tetapi mereka yang seumpamanya segelintirnya sahaja manakala majoriti adalah terbatas dengan kedudukan fitrah dan mereka tidak berupaya meminggirkannya. Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kepimpinan, perbuatan menidakkan hak istimewa perseorangan dalam kepimpinan merupakan satu jenayah yang tebal. Ia memusnahkan tenaga manusia yang pada hal boleh digunakan oleh orang ramai jika ia diberikan peluang yang sesuai. Dalam hal inilah Sayidina Umar ibni Al-Khattab telah mencipta satu sistem pemerintahan negara dan menyelia pembentukan nilai-nilai murni dalam politik pemerintahan serta penyusunan masyarakat.

Saya petik ini dan saya bawa apa yang telah dilakukan oleh Sayidina Umar ini untuk sama-sama kita renung. Dalam suasana politik dalam negara kita ini yang terdiri daripada berbagai-bagai parti, berbagai-bagai bangsa, kita hendak lihat apakah kita berjaya membentuk suatu nilai-nilai murni dalam politik pemerintahan yang ada pada negara kita. Ini semua ditegakkan di atas asas wujudnya ketokohan seseorang dalam kepemimpinan melebihi daripada faktor-faktor yang lain, kerana faktor-faktor yang lain itu akan runtuh. Dari segi ekonomi, dari segi

apa akan turut runtuh. Apabila runtuh pentadbiran masyarakat dan negara kerana ditadbirkan oleh tokoh-tokoh yang rapuh personaliti.

Sebab itulah kita lihat Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pemikiran bebas seseorang individu dalam masyarakat, seharusnya dibimbing dalam satu pentarbiahan atau didikan supaya dapat membina kemampuan untuk berfikir dengan pemikiran yang sihat. Apabila alat pemikiran bebas seseorang individu itu menjadi lumpuh, akan lahirlah satu generasi yang tidak boleh menguruskan hal ehwal dirinya di mana pada ketika itu akan terdedah kepada mana-mana pihak yang hendak memanipulasikannya kerana ia tidak dapat berfikir. Malah tidak berupaya untuk berfikir. Di sini akan berlakulah keadaan di mana sistem itu tidak lagi boleh menjamin para pemerintahnya agar sentiasa baik.

Pemerintah akan turut kucar kacir kalaulah dalam keadaan yang demikian. Sementara individu dan masyarakatnya kehilangan kebebasan untuk berfikir dan kehilangan kemampuan untuk meneliti dan mengurus. Dalam hal ekonomi dan kewangan..

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Minta laluan Yang Berhormat Baling.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gantang minta laluan.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Dari?

**Tuan Yang di-Pertua:** Belakang, belakang.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Tidak berapa nampak.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Baling. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Baling tentang ada satu kaedah fikah yang berbunyi... *[Bercakap dalam Bahasa Arab]*. Budaya dan cara hidup rakyat sebenarnya ditentukan oleh pemimpin. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Baling tentang fikah yang masyhur ini. Sila.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Memang tidak dapat siapa nafikan itu kerana bukan hanyalah satu kaedah fikah tetapi adalah satu saranan yang begitu cantik untuk kita lihat secara keseluruhannya. Tindak tanduk pemerintah adalah memberi kesan yang begitu hebat kepada rakyat di bawahnya. Saya akan terus pergi Tuan Yang di-Pertua menyentuh dalam hal ekonomi dan kewangan. Mungkin di sana kita bertemu dengan pendapat atau sering orang berpendapat mengatakan bahawa pembahagian ekonomi sahaja sudah cukup untuk menjamin segala perkara berjalan dengan baik yang juga sekali gus melahirkan warganegara dan pemerintah yang baik.

Pendapat ini adalah pendapat yang memperlihatkan keketatan pemikiran yang sekali gus bermakna mempersendakan jiwa manusia dan fitrah manusia yang tulen sebenarnya. Pemikiran yang cetek sebegini boleh membunuh entiti individu dan masyarakat dari segi kejiwaan dan juga pemikiran yang sekali gus akan menggantikannya dengan kebebasan haiwaniah yang paling rendah dan hina dengan dakwaan kononnya adalah untuk kepentingan masyarakat dan individu. Inilah kita lihat di dunia hari ini apabila orang menerima bahawa

penagihan ekonomi yang baik, kedudukan kewangan yang baik, maka akan menjadikan masyarakat dan negara itu stabil. Kita lupa kedudukan entiti individu. Akhir sekali manusia saling berebut maka siapa yang dapat akan merasa dia hebat. Maka yang tidak dapat dia akan terus berebut walaupun bukan haknya.

Keadaan inilah yang berlaku. Oleh itu sistem yang paling sesuai ialah sistem yang mengimbangi dorongan individu atas sifatnya sebagai orang perseorangan yang bebas dengan sifatnya sebagai seorang anggota dalam masyarakat. Demikian juga keseimbangan di antara satu generasi dengan kepentingan generasi yang akan muncul dalam lingkungan kemanusiaan yang syumul lagi mesra. Inilah sebenarnya matlamat sistem Islam sebab itu perbelanjaan hari ini harus dilihat untuk kepentingan perbelanjaan generasi yang akan datang. Bukan apa yang kita dapat hari ini kita belanja terus dan kita guna terus tanpa melihat kepentingan generasi yang akan datang. Ini bercanggah dengan Islam. Islam sebenarnya tidak mengetepikan individu, begitu juga Islam tidak mengetepikan masyarakat. Ia tidak bersikap keterlaluan dalam menghargai salah satunya atas perseorangan yang lain. Inilah terbentuknya masyarakat Islam sejak daripada zaman Nabi Muhammad SAW dan seterusnya.

#### ■1530

Walaupun generasi yang pertama yang menentang apa yang telah dibawa oleh baginda Rasulullah SAW ini dikenali dengan musyrikin. Musyrikin yang hati dan jiwa mereka disaluti kegelapan tersebut dengan cemas maka mereka bangun menentang apa yang telah dibawa oleh baginda Rasulullah SAW lalu Allah SWT menegaskan kepada baginda Rasulullah SAW dengan firman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kalau kita boleh rujuk dalam surah Ra'd ayat ke 17 bermaksud "*Ada pun buih itu akan hilang lenyap hanyut terbuang. Manakala yang berfaedah kepada manusia akan tetap utuh, tegap di bumi*".

Tuan Yang di-Pertua dalam hal pemerintahan dan kewangan. Islam membentuk seluruh sistem berhubung dengan pemerintahan dan kewangan yang berasaskan kepada syariat Islam di mana kita tahu bahawa undang-undang Islam berbeza pada dasarnya daripada semua undang-undang yang lain. Undang-undang Islam tidak diadakan oleh satu golongan untuk kepentingannya bagi menentang kepentingan golongan yang lain atau oleh seseorang untuk menentang seseorang yang lain.

Islam datang dari Allah SWT yang maha adil kepada seluruh umat manusia tanpa perbezaan antara sesama manusia melainkan pada ketakwaan. Inilah pengakuan terhadap realiti tidak hanya terhadap masyarakat Islam sahaja tetapi juga dalam setiap masyarakat di muka bumi. Islam tidak menghalalkan seseorang untuk mempunyai hak kemanusiaan yang lebih daripada individu yang lain.

Orang miskin yang termiskin di kalangan masyarakat tetap mempunyai hak kemanusiaan yang dipunyai oleh orang kaya daripada yang terkaya. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Apa yang berlaku kepada masyarakat terutama sekali di kawasan saya di Baling dan juga mungkin di kawasan-kawasan lain seperti Sik, Padang Terap juga di Kedah. Penoreh-penoreh getah menghadapi suasana yang cukup gawat sekarang daripada RM4 lebih harga getah satu kilo sekarang tinggal RM1. Minyak turun barang tidak turun. Penduduk dan rakyat di kawasan Baling yang sebahagian besar adalah penoreh getah. Macam mana mampu mereka mahu hidup dalam keadaan yang sebegini? Apa yang kita boleh beli dengan RM1?

Barang yang ada hari ini. Di tokok tambah dengan suasana hujan. Kedah sekarang, Baling sekarang terutama sekali banjir. Penoreh tidak boleh menoreh. Kita rasa pelik dalam jawapan dua hari lepas Menteri Kewangan II menjawab satu soalan yang dikemukakan kalau tidak silap saya oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Di mana RM5 bilion kerajaan sanggup suntik ke dalam syarikat Valuecap dengan alasan yang diberikan oleh Menteri Kewangan II mengatakan bahawa untuk mempertahankan pasaran saham. Disebabkan salah satunya ialah kerana Valuecap ini ditadbir dan diurus oleh orang-orang profesional.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Sebelum saya bagi Yang Berhormat Rompin, tunggu dulu. Saya tidak hendak komen suntik banyak mana. Tapi di samping kita suntik RM5 bilion untuk menjaga syarikat ini. Apakah kerajaan tidak mampu untuk suntik bagi harga getah itu stabil. Dekat Rompin pun banyak getah. Boleh suntik. Kita tidak minta banyak kalau sana bagi RM5 bilion kalau sini dapat RM2 bilion atau RM1 bilion penoreh-penoreh getah seluruh negara mendapat manfaat. Saya ingin sebut Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Rompin berdiri tidak duduk lagi.

Baling ada pengalaman 1974, mereka sanggup keluar ke jalan-jalan raya apabila pada ketika itu kerajaan tidak mahu dengar rintihan rakyat. Saya bimbang kalau ini berlaku berpanjangan mungkin seminggu, dua minggu lagi wallahualam. Kalau penduduk daerah Baling, penduduk daerah Sik, penduduk di Padang Terap dan penoreh getah seluruh negara keluar di jalan-jalan raya kita jangan cuba salahkan mereka.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Jangan galakkan.

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Tapi bukanlah saya galakkan. Tapi kita tidak dapat membendung. Mana keprihatinan kerajaan yang bajet prihatin. Yang Berhormat Rompin hendak tanya?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kepada Yang Berhormat Baling latar belakangnya orang agama tapi sudah nampak minat dalam bidang korporat. Mungkin ada buka perniagaan keluarga dalam bidang-bidang perniagaan. Kepakaran alhamdulillah.

Puji pun marahkah Yang Berhormat Indera Mahkota. Puji pun kena marah Tuan Yang di-Pertua. Puji *godong* pun marah sebab dia tok Imam dulu hendak puji sikit.

Tapi saya hendak tanya Yang Berhormat yang RM5 bilion ini, adakah Yang Berhormat rela kalau syarikat-syarikat yang strategik negara kita kerana sekarang ini pemegang saham yang asing ini syarikat dia di kampung dia Amerika merudum. AIG, JP Morgan, apa lagi? Semua, so dia terpaksa jual saham itu balik itu sebab itu saham kita jatuh. Bila saham kita jatuh, kalau kita tidak selamatkan syarikat ini yang kita punya, lama-lama yang datang pada Singapura, negara-negara lain akan beli. Adakah Yang Berhormat rela satu hari bangun syarikat besar kita dipunyai oleh orang luar.

Tapi saya tidak menolak tadi pandangan Yang Berhormat Baling bahawa sekarang bila harga getah turun, harga kelapa sawit turun kita kena *balance* mereka. Itu kita turun. Tunggulah lagi November keempat saya yakin kerajaan, dulu tidak ada masalah sebab harga tinggi. Yang harga jatuh ini baru lagi. Dulu masa harga tinggi ini sama ada, kang kata Salahuddin marah pula. Yang Berhormat Kubang Kerian senyap sahaja, Yang Berhormat Baling senyap sahaja bila harga rendah jadi juara sudah. Biasalah modal tidak ada ambil modal inilah.

Saya minta pandangan adakah Yang Berhormat sedar, tidak bimbang syarikat-syarikat kita ini jatuh oleh kerana pelabur luar lari habis lintang pukang. Kalau kita tidak pastikan ianya kekal dalam kuasa tangan kita rakyat Malaysia. Inilah sebenarnya tujuan RM5 bilion itu untuk membantu untuk memastikan hak kita terutamanya syarikat tadi tinggal kepada kita. Nanti beli tenaga elektrik, beli Telekom dari asing macam mana?

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin, terima kasih. Ini masa pun yang diberi tidak banyak sangat.

Saya tidak mempertikaikan secara membuta tuli dengan RM5 bilion. Tapi kita menyelamatkan orang yang biasa kenyang dengan kita selamatnya orang yang tengah merintih lapar. Kalau dari segi kaedah Islam mana *aulawiyad*? Kita persoalkan sekarang *al-aulawiyad*. Sebab itu dalam konteks ini Islam pergi kepada *al-fiqh*, *fiqh al-aulawiyad* keutamaan. Dalam *fiqh* keutamaan ini dia dalam konteks pergi juga....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, minta tolong Yang Berhormat jangan berdialog dengan dia orang Yang Berhormat ya.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Saya cuba jelas. Jadi dalam *fiqh al-aulawiyad* biarlah saya guna istilah begini supaya nanti Yang Berhormat Rompin boleh *refer* yang lain-lainlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang duduk itu boleh mendengar sahaja ya.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Yang Berhormat Batu Pahat pasal banyak usrah mungkin sudah faham tapi kechap lagi. Jadi dalam kita hendak mengamalkan *fiqh al-*

aulawiyad kita kena melihat juga *fiqul tajdid* dan *fiqul muazanat* ini ada dalam Islam. Jadi saya mempertikai dan saya mempersoalkan ini ialah dalam konteks ilmu ini. Sebab kita namakan bajet ini bajet prihatin. Kalau prihatin kepada syarikat besar apakah adil kita tidak prihatin dengan kesengsaraan rakyat? Jadi saya minta dua-dua prihatin. Okeylah tidak apa sahabat saya dekat sangat Yang Berhormat Batu Pahat kena bagilah.

■1540

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bersimpati dengan Yang Berhormat Baling dan sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baling itu perlu diberi perhatian. Saya setuju sebab Yang Berhormat Baling ini terlalu nostalgia kerana dahulu perjanjian Chin Peng dengan Tuanku Abdul Rahman di Baling. Ini kerana peristiwa Baling lah Yang Berhormat Permatang Pauh kena ISA dan kerana itulah banyak dasar-dasar baru dilahirkan tetapi persoalan yang berbangkit di sini belanjawan prihatin ini perlu juga ada keseimbangan untuk menjaga pertumbuhan ekonomi.

Selain daripada kita membantu yang miskin dengan pelbagai perancangan yang dibuat oleh kerajaan dan cukup jelas usaha kerajaan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah juga terbela. Maka sudah tentulah juga barangkali dalam perkara ini soal keutamaan itu juga harus dilihat kepada persoalan keseimbangan untuk menjaga pertumbuhan ekonomi. Apa pandangan Yang Berhormat Baling?

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Saya boleh setuju dengan pandangan Yang Berhormat Batu Pahat ini sebab yang itulah saya persoalkan tadi ialah seimbang kerana rakyat nampak kenapa yang ini boleh tolong sampai RM5 bilion. Yang mereka tak boleh tolong, misalnya.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Itu yang kita minta dan harus dipertimbangkan. Cuma dengan kesempatan masa saya yang masih ada setengah jam lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ambillah selepas pukul 9.30 malam Yang Berhormat.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** Kita lihat dari sudut itu tadi maka sebenarnya pemerintahan dalam Islam tidak mewakili satu golongan atau sesuatu keturunan mahupun juga puak tetapi ia adalah seseorang yang dipilih dengan sepakat kata dan penuh kerelaan bagi melaksanakan syariat Allah. Pemerintah tidak mempunyai sebarang keistimewaan selain daripada mempunyai hak pengawasan dan penyeliaan. Manakala hak untuk mendengar, patuh adalah dipihak rakyat dan masyarakat selama mana pemerintah berada dalam batas syariat-syariat Allah.

Maka apabila pemimpin itu dan pemerintah terkeluar daripada batas-batas tersebut maka dalam Islam rakyat adalah gugur hak untuk taat dan patuh dan inilah yang kita bincangkan

sekarang supaya kita mempunyai satu pemerintahan dan kerajaan yang masih berada di dalam lingkungan kewajipan untuk rakyat taat dan patuh.

Yang menjadi rukun asasi masyarakat dan juga penglibatan Islam ialah dalam soal kewangan dan ekonomi dan ini diakui oleh Islam. Kewangan atau ekonomi merupakan satu daripada rukun-rukun masyarakat yang asasi tanpanya entiti masyarakat tidak akan wujud. Islam memperjuangkan keadilan sosial berdasarkan kepada perikemanusiaan yang syumul termasuklah pembahagian ekonomi negara. Ini sebagaimana kita maklum dalam Al-Quran Allah menekankan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Supaya hasil ekonomi dan kekayaan negara tidak hanya berlegar di kalangan orang-orang kaya di kalangan kamu sahaja.

Jadi apabila terdapat keadilan sosial, ekonomi dan kemanusiaan akan terjalinlah hubungan sesama manusia di tengah-tengah masyarakat berasaskan kasih sayang, persaudaraan dan pertanggungjawaban bukan berasaskan perbalahan, permusuhan dan saling membenci. Ketika itulah kerajaan atau pemerintah berhak mengambil mana-mana yang lebih dari kepunyaan yang berada untuk diagih kepada golongan fakir miskin yang berhak menerima bukan di atas pemberian tetapi di atas hak yang diserahkan oleh kerajaan kepada yang memerlukan.

Dengan ini menyebabkan kehormatan diri si miskin dan fakir tetap terpelihara tanpa merasa terhina dan rendah diri. Pemberian tidak semestinya berupa wang ringgit tetapi juga keperluan-keperluan seperti sekolah, hospital, tempat tinggal yang selesa, prasarana dan kemudahan-kemudahan yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat sudah habis sudah.

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Untuk saya gulung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat tahu hari ini...

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]:** Setengah minit sahaja. minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua. Atas sebab itu dalam apa yang kita bincang tadi ini maka saya hendak simpulkan dengan satu ketika Sayidina Umar Ibnu Khatab keluar dari rumah maka dia bertemu dengan seorang Yahudi tua sedang meminta sedekah. Maka Sayidina Umar bertemu dengan Yahudi tadi. Yahudi tua buta sedang minta sedekah. Jadi Sayidina Umar Ibnu Khatab bertanya kepada Yahudi ini kenapa kamu meminta sedekah. Maka Yahudi ini menjawab wahai Umar saya minta sedekah pertama sekali kerana saya hendak kena bayar cukai. Yang kedua kerana saya memerlukan makanan dan yang ketiga kerana saya buta dan tua.

Di atas keprihatinan khalifah pada ketika itu ketua pemerintah maka dia membawa Yahudi ini ke baitulmal dan memerintah kepada baitulmal kamu bantu orang tua Yahudi ini mengikut keperluan sepanjang hayatnya selagi hayatnya kerana masa dia muda kita

menggunakan tenaganya. Masa dia tak sihat, masakan kita boleh membuang dia begitu sahaja. Di atas sifat inilah kalau kita dapat memenuhi maka Bajet 2009 kalau kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Satu minit sudah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]:** ...Dapat simpulkan kepada maksud ini baru kita boleh terima bahawa ini bajet prihatin. Kalau tidak saya rasa tinggal slogan sahajalah. Wallahuallah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

**3.47 ptg.**

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada petang ini...

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Lepas ini Bukit Gantang. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dalam Dewan memang tak boleh kacau-mengacau Yang Berhormat.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Kena *concentrate*, tak boleh main-main. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam Dewan yang mulia ini saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan ruang untuk membahaskan Bajet tahun 2009. Saya tertarik dengan tiga strategi khusus yang ditumpukan dalam pembentangan bajet pada kali ini di mana saya rasa menerusi tiga strategi tersebut mampu mengurangkan kadar kemiskinan secara holistik Tuan Yang di-Pertua di samping tidak mengabaikan golongan yang lain.

Di sini saya juga ingin membahaskan beberapa perkara yang saya fikir penting bagi pembangunan luar bandar, pertanian dan juga pembangunan belia. Saya melihat program-program pertanian yang dijalankan ketika ini lebih menumpukan hanya kepada beberapa kawasan sahaja. Ini menyebabkan kawasan-kawasan lain terabai. Jika kita lihat senario sekarang ramai penduduk luar bandar yang hanya menumpukan kepada satu atau dua jenis pertanian sahaja. Saya yakin ini kerana kurangnya kesedaran dalam mempelbagaikan jenis tanaman dalam tanah yang mereka usahakan. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua di sini ialah mengenai integrasi tanaman.

Melalui peruntukan sebanyak RM5.6 bilion yang disediakan melalui dasar jaminan makanan negara saya berharap agar lebih banyak program berbentuk kesedaran dan latihan yang diberikan kepada masyarakat luar bandar mengenai program integrasi tanaman. Saya juga berharap agar jabatan-jabatan yang berkaitan dapat menggembelng tenaga dan usaha dalam memberikan latihan dan kemahiran kepada masyarakat luar bandar yang hanya bergantung harap kepada hasil pertanian.

Adakah kita ingin menyalahkan petani-petani kita kerana tidak berusaha menyediakan bekalan makanan yang mencukupi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** [Bangun]

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Berapakah statistik petani-petani yang mengusahakan tanaman secara integrasi?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit penjelasan.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ya sedikit sahaja. Saya hendak ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Tenom dalam suasana tekanan ekonomi sekarang elok kita beri tumpuan kepada pertanian. Apakah pandangan Yang Berhormat ingin sarankan kepada kerajaan? Dahulu banyak rakyat kita luar bandar mengeluh kerana harga baja naik dan pada ketika itu tidak dapat dikawal kerana harga minyak yang tinggi tapi sekarang ini harga minyak sudah turun hampir separuh namun harga baja masih lagi tinggi.

Adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengawal harga baja ini kerana harga ini punca yang amat penting untuk membina satu kaedah di mana hendak menggalakkan petani luar bandar untuk membina sumber pendapatan daripada pertanian ini.

#### ■1550

Adakah Yang Berhormat Tenom ingin mencadangkan supaya kawal pembekal-pembekal baja ini. Macam mana minyak sudah turun separuh, harga baja masih lagi tinggi.

**Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya bersetuju dengan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Rompin. Kita harus memikirkan dalam keadaan masa sekarang ini pihak kerajaan perlu mengawal baja-baja ataupun racun-racun yang telah dijual kepada para pekebun kita supaya pekebun-pekebun kita mampu untuk mendapatkan bekalan baja dan juga racun-racun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung, saya rasa hanya golongan yang mempunyai modal dan pengetahuan sahaja yang mengamalkan kaedah ini. Sekiranya ini dapat diimplementasikan di luar bandar, bukan sahaja dapat mengurangkan import bekalan makanan malah dapat mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar.

Saya sedar turun dan naik harga minyak dalam pasaran global telah mempengaruhi semua pihak dan tidak ketinggalan juga golongan petani. Dengan adanya insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada golongan petani akan dapat mengurangkan sedikit bebanan mereka. Walau bagaimanapun saya berharap agar pembayaran insentif ini tidak akan menjadi satu pembaziran kepada belanjawan negara apabila amat kurang usaha yang berterusan untuk memperkenalkan kaedah dan teknologi-teknologi baru dalam pertanian dalam melipatgandakan hasil pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan masyarakat di luar bandar harus diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan memandangkan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada usaha kerajaan dalam meningkatkan ekonomi mereka. Sekali lagi saya menekankan bahawa jaringan

jalan raya, hubungan yang baik dapat membantu masyarakat luar bandar dalam meningkatkan ekonomi mereka.

Dalam persidangan-persidangan yang lalu Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak mengutarakan masalah jalan raya di luar bandar. Namun apa yang menyedihkan hanya sebahagian kecil sahaja dapat diperbaiki. Ini tidak dapat membantu kebanyakan petani di luar bandar dalam menghasilkan hasil pertanian mereka.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, jalan raya yang menghubungkan Rundum dan juga Tenom masih dalam keadaan yang tidak baik dan berbahaya kepada penduduk kampung di sana. Adalah menyedihkan apabila mereka tidak dapat ke pekan terdekat walaupun di Kemabong ekoran daripada masalah ini. Pelbagai usaha telah dibuat untuk memajukan kawasan tersebut, namun yang menjadi masalah kepada pembangunan di kawasan ini ialah jalan perhubungan.

Pada satu ketika dahulu Rundum yang terkenal dengan pemberontakan Antanom melawan penjajah telah dijadikan kawasan penanaman sayur kubis kerana suhu dan kawasan yang sesuai untuk tanaman tersebut. Namun projek tersebut telah dikatakan gagal mencapai objektif kerana masalah jalan raya dan kesukaran membawa hasil pertanian tersebut untuk dipasarkan.

Oleh yg demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar kawasan tersebut dapat dimajukan kerana ia merupakan kawasan pertanian yang subur di samping merupakan kawasan peninggalan sejarah bermulanya penentangan kepada penjajah. Ia juga tertinggal daripada kemudahan infrastruktur seperti bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik.

Adalah tidak munasabah jika kita terus membiarkan kawasan ini terus mundur tanpa dimajukan. Saya yakin dan percaya jika sekiranya jalan perhubungan ini dapat dinaik taraf maka pembangunan pasti dapat dilakukan di kawasan ini. Saya yakin kawasan ini juga pasti berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan penanaman sayur seperti di Kundasang di negeri Sabah yang ketika ini adalah menjadi kawasan penanaman sayur kawasan tanah tinggi yang utama di negeri Sabah. Masalah kekurangan makanan tidak menjadi masalah kepada negara sekiranya kita menggunakan kawasan-kawasan tanah terbiar yang tidak diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, telah masuk dua penggal saya menjadi wakil rakyat di kawasan Tenom dan banyak juga yang saya bangkitkan. Walau bagaimanapun masyarakat di kawasan saya masih lagi dahagakan pembangunan dan menjadi kewajipan saya untuk terus bersuara membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan saya.

Melalui peruntukan hampir RM3 bilion yang disediakan bagi negeri Sabah dalam projek infrastruktur, saya berharap agar lebih banyak jalan-jalan utama yang menjadi jalan perhubungan dapat dinaik taraf seperti di kawasan saya. Jalan utama dari Kemabong ke Ulu Tuman juga perlu dinaik taraf memandangkan jalan tersebut menjadi jalan utama yang digunakan oleh lebih lapan buah kampung dan sudah tiba masanya jalan tersebut dinaik taraf bagi memudahkan

mereka membawa hasil pertanian ke pekan. Secara tidak langsung kadar kemiskinan di luar bandar dapat dikurangkan Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hasil-hasil pertanian mereka dapat dibawa keluar dengan lancar dan cepat.

Ketika ini mereka mengambil masa lebih kurang tiga jam untuk ke pekan Tenom ekoran masalah jalan raya yang berstatus tanah merah dan menjadi masalah apabila musim hujan kerana ianya berbahaya kepada mereka. Saya yakin menerusi strategi pertama iaitu menjamin kesejahteraan rakyat pasti tercapai apabila bantuan dan peruntukan dapat digunakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan masalah belia luar bandar yang saya rasa tercicir dari arus pembangunan. Apa yang saya cuba katakan ialah mengenai pembangunan modal insan seperti mana dalam strategi kedua yang dalam Bajet 2009 ini iaitu membangunkan modal insan yang berkualiti. Dalam Bajet 2009 ini juga menekankan mengenai pembinaan pusat-pusat latihan berbentuk kemahiran bagi belia-belia yang tidak mempunyai peluang dalam pusat pengajian tinggi.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuarakan kembali mengenai pembinaan Pusat Latihan Giat MARA yang hendak dibina di kawasan saya. Ketika ini Pusat Latihan Giat MARA masih beroperasi di bangunan yang disewa dengan Pusat Kebudayaan Murut Tenom. Saya rasa perkara ini pun telah lama pun berlalu dan telah dipersetujui Tuan Yang di-Pertua.

Namun sehingga sekarang masih belum ada perubahan dan masih belum ada pembinaan bangunan khusus untuk Pusat Latihan Giat MARA. Saya yakin ini pasti dapat memberikan manfaat kepada lebih kurang 15,000 belia yang ada di kawasan saya. Selain itu masih banyak program-program pembangunan belia yang harus diberikan kepada belia yang berada di luar bandar.

Saya yakin dengan adanya program-program berteraskan pembangunan belia akan dapat memberikan keyakinan dan motivasi kepada mereka untuk terus berusaha. Program-program yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua, adalah kursus-kursus jangka pendek seperti kursus asas membaiki peralatan elektronik, pertanian dan sebagainya. Apa yang saya lihat dalam bajet kali ini lebih banyak mengutamakan untuk membantu meringankan bebanan golongan yang kurang berkemampuan, pesara dan lain-lain lagi. Namun begitu kurang peruntukan diberikan untuk program-program pembangunan belia di luar bandar. Saya yakin golongan belia perlu diberi keutamaan dalam memberikan pembangunan ke arah belia yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, masih berkaitan dengan soal belia di mana saya berasakan adalah penting buat kerajaan membuat program yang agresif dalam mendampingi golongan belia terutama golongan mereka yang telah tamat belajar di universiti. Ini penting kerana belia juga mempunyai pelbagai latar belakang di mana ada belia bandar, ada belia berpendidikan, ada belia luar bandar, belia miskin dan juga sebagainya.

Berdasarkan kepada statistik, jumlah belia ini pada tahun 1980 berjumlah 4.69 juta belia atau 33.79%. Pada tahun 1985 seramai 6.64 juta atau 42.05% diikuti pada tahun 1995 seramai 8.39 juta atau 41.80%, pada tahun 2005 berjumlah 11.10 juta atau 41.5% dan pada tahun 2010 dianggarkan belia kita mencecah 11.65 juta orang.

Berdasarkan fakta sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya berasakan kementerian berkaitan perlu lebih agresif terutama dalam mewujudkan gerakan belia kepimpinan masa yang menjurus kepada elemen-elemen semangat cintakan negara, patriotisme, budaya bertanggungjawab menerusi program jati diri, pembangunan sahsiah, keusahawanan dan komuniti belia remaja.

■1600

Saya melihat sekarang belia banyak mengikut sahaja daripada apa yang mereka ketahui. Kalau hendak hentam kerajaan Tuan Yang di-Pertua, mereka menghentam semberono sahaja tanpa mengetahui isu-isu yang dibangkitkan. Kita mahu belia mempunyai pemikiran yang terbuka di mana dapat menilai yang mana baik dan yang mana buruk. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Mencilah.

**Tuan Raime Unggi [Tenom]:** ... saya melihat kerajaan membangunkan masyarakat *enterprise* belia terutamanya dalam bidang keusahawanan, sekejap. Sekurang-kurangnya lebih 2000 bakal usahawan ICT belia bakal dilahirkan dengan kos RM500,000 dalam tempoh setahun. Strategi seperti ini penting dalam memperkasakan peranan belia kepada negara. Ya, Yang Berhormat Maran.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tenom. Saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tenom ini. Belia adalah aset negara tetapi akhir-akhir ini kita lihat para belia telah disalahgunakan. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tenom, kesan pilihan raya kedua belas bagaimana kita Barisan Nasional banyak kalah adalah apabila golongan pemuda, remaja, belia telah dihasut, dirasuk dan sebagainya supaya membenci kerajaan sedangkan mereka ini adalah masyarakat masa depan negara dan sebagainya.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Tenom kalaulah fenomena seperti ini kita biarkan berterusan, apa akan jadi andai kata seluruh belia-belia kita yang ada lebih daripada 11 juta ini akhirnya nanti satu ketika setelah kita tak ada dalam Dewan ini menjadi mereka yang rosak, yang boleh memporak-perandakan dan ketika itu tak boleh digambarkan. Bukan saja Barisan Nasional akan hilang bahkan seluruh orang termasuklah parti-parti yang mengaku sekarang ini memerintah dan sebagainya akan juga hilang akibat daripada musnahnya kepimpinan belia ketika itu. Mohon pandangan.

**Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Setuju Ahli Yang Berhormat Maran. Tuan Yang di-Pertua, seperti warga muda sejahtera, saya berharap...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Minta jalan, penjelasan.

**Tuan Raime Unggi [Tenom]:** ...sekejap. Saya berharap program yang telah dijalankan oleh pihak kementerian. Saya berharap ianya dapat diperluaskan secara agresif dan bukan setakat di bandar sahaja tetapi juga di luar bandar. Gejala sosial bukan setakat melanda di kawasan bandar tetapi juga di luar bandar pun berlaku. Apabila kerajaan banyak menganjurkan aktiviti, bermakna di kawasan luar bandar saya percaya belia-belia di kawasan luar bandar akan pasti sibuk dengan kegiatan yang bermanfaat dan mereka tidak ada masa untuk memikirkan hal-hal yang membuang masa sahaja.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat . Tenom. Saya cuma nak berkongsi, lebih menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Maran tadi. Sebenarnya belia hari ini di Malaysia adalah penting, kemudian adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin belia itu untuk menentukan hala tuju belia di dalam negara kita terutama untuk masa depan mereka dan juga masa depan negara.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Tenom pandangan beliau, kebelakangan atau akhir-akhir ini perkembangan belia ini terlalu banyak dipengaruhi oleh terutamanya pemimpin-pemimpin yang juga sebahagian besarnya pemimpin politik yang nak menggunakan pergerakan belia ini untuk tujuan memperkuatkan pengaruh mereka termasuk mengehadkan perkara-perkara tertentu boleh dibuat dan tidak boleh dibuat mengikut kaca mata serta kehendak mereka sendiri. Saya sebagai bekas salah seorang pemimpin belia mengalami pengalaman ini di mana pemimpin yang bertaraf atau berkategori Timbalan Perdana Menteri juga memanggil pemimpin-pemimpin belia untuk menentukan jawatan-jawatan yang boleh dia bertanding, jawatan-jawatan yang tak boleh, perkara yang boleh dibuat dan tak boleh dibuat.

Ini menjadikan pergerakan belia agak jitu, agak *stagnant*, tidak boleh bergerak dan jumud. Mereka tidak boleh menyuarakan pandangan dan sebagainya hanya kerana mereka diminta untuk patuh kepada arahan dan pandangan yang begitu terikat kepada kepentingan politik pemimpin itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Saya melihat bahawa ada baik dan buruknya juga tapi saya lebih memilih kepada ke arah yang baik. Bukannya untuk mengawal kita tetapi untuk memberi pengajaran kepada kita supaya kita menjadi belia yang cemerlang ya Yang Berhormat Indera Mahkota. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan iaitu soal kadar faedah pinjaman koperasi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Ha ini *chairman*, okey.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Tenom tadi ada kata mengenai isu luar bandar, kemudahan asas. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Tenom ini, Yang Berhormat Tenom sedarkah tidak selalu kita terima jawapan daripada kementerian baru-baru ini

contoh macam hari itu saya kemukakan soalan kepada kementerian. Jawapan daripada timbalan menteri mengenai kemudahan asas, bekalan air dan bekalan elektrik. Begitu besar punya jumlah dia beritahu Dewan yang mulia ini tetapi jumlah itu bukan baru punya.

Sudah berapa puluh tahun dulu punya lulus tapi sekarang baru mahu laksana, pelaksanaan baru mahu buat tapi buat pun baru separuh. Belum lagi jalan siapkan projek itu. So, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Tenom, ini adakah satu kelemahan ataupun kesilapan daripada kementerian? Bila atas kertas, umum memang cantik tapi pelaksanaan tidak ada ataupun untuk seronok saja kita umum. Minta pandangan.

**Tuan Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Bintulu. Saya rasa sudah masanya pihak kerajaan memikirkan bagaimana untuk memberi pembangunan yang seimbang di antara negeri-negeri terutama bagi kita di negeri Sabah dan juga negeri Sarawak. Kita harap pihak kerajaan memikirkan satu mekanisme yang boleh membantu untuk mempercepatkan pembangunan-pembangunan di luar bandar terutama di negeri Sabah dan juga Sarawak dan saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan yang lebih cepat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan soal kadar faedah pinjaman koperasi yang lebih tinggi berbanding syarikat kewangan memandangkan peminjam-peminjam majoritinya adalah bumiputera yang berpendapatan rendah. Kalau kita lihat, terdapat dua jenis pinjaman atau pembiayaan yang dilaksanakan oleh koperasi kredit iaitu pinjaman kaedah konvensional dan pembiayaan berasaskan syariah. Walaupun secara amnya koperasi kredit mengenakan faedah antara 2% - 6.5% tetapi yang menggusarkan keadaan semasa sekarang ialah koperasi yang membiayai aktiviti pinjamannya melalui bank atau *money lender*. Tuan Yang di-Pertua, peminjam pula bukan setakat anggota koperasi sahaja tetapi juga terdiri daripada mereka yang bergaji tetap dan mempunyai kelayakan untuk membuat potongan gaji melalui biro angkasa.

Masalahnya mereka ini cuma membayar *fee* masuk semata-mata untuk mendapatkan pinjaman dan tidak membayar modal syer. Akibatnya koperasi-koperasi pinjaman tersebut bertindak mengenakan faedah yang terlalu tinggi kerana disebabkan kadar permintaan tinggi di kalangan peminjam yang kebiasaannya telah *diblacklistkan*, gaji pokok rendah, tidak cukup syarat serta sebab-sebab tertentu yang lain. Biasanya jumlah pinjaman yang ditawarkan Tuan Yang di-Pertua, ialah antara RM5000 hingga RM50,000.

#### ■1610

Selain membayar kadar faedah pinjaman tinggi peminjam juga dikenakan pelbagai caj tambahan seperti insurans, duti setem, fi keanggotaan, bayaran guaman, komisen kepada koperasi dan agen serta *sinking fund* yang merupakan *one time cost*, dengan izin yang akan ditolak daripada jumlah pinjaman yang diluluskan. Lebih memilukan setelah mengambil kira pelbagai caj tambahan kaedah faedah sebenar yang terpaksa ditanggung oleh peminjam ialah

antara 8.10% hingga 10% berbanding institusi kewangan yang kebiasaannya antara 7.25% hingga 7.5%.

Sudahlah dikenakan pelbagai caj peminjam pula hanya menerima antara 75% hingga 90% daripada jumlah pinjaman. Cukup menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat kadar tinggi tersebut menjatuhkan imej gerakan koperasi yang dikenali menyediakan pinjaman pada kos yang lebih murah berbanding institusi kewangan. Lebih parah lagi ada koperasi tersebut berlagak umpama 'along' sekiranya peminjam gagal membayar ansuran yang disediakan. Jadi, saya berharap supaya tindakan lanjut dapat dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal penempatan pegawai agama di bawah JAKIM sebagai pegawai atase di kedutaan-kedutaan negara kita di luar negara. Biasanya pegawai-pegawai atase di kedutaan negara terdiri daripada Jabatan Imigresen, polis, tentera, polis, pendidikan dan pentadbiran. Rasional kita meletakkan pegawai atase agama kita ialah menyelia, memantau, mengawasi rundingan cara serta berdakwah khususnya kepada rakyat Malaysia beragama Islam, apatah lagi berada di negara orang yang memerlukan perhatian yang serius. Soal nikah kahwin, perceraian yang agak tinggi di luar negara membabitkan pasangan warga negara Malaysia dengan warga negara lain, pendaftaran saudara baru atau kahwin serta hal-hal berkaitan keagamaan amat diperlukan sekiranya ada di tempatkan pegawai atase agama kita.

Cuma buat permulaan saya mengesyorkan supaya pegawai-pegawai atase agama kita ini diletakkan dulu di negara-negara yang mempunyai ramai pelajar Malaysia beragama Islam, bekerja serta tumpuan ramai di kedutaan negara. Mungkin buat permulaan kita boleh letakkan pegawai kita di London, United Kingdom, Chicago, Amerika Syarikat, Sydney, Australia; serta Tokyo dan Jepun. Menerusi penempatan sebegini sekurang-kurangnya kita dapat mendedahkan pegawai-pegawai kerajaan kita yang berlatarbelakangkan agama dapat bertugas di luar negara. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

#### **4.13 ptg.**

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan Bajet 2009 ini. Saya menyokong Belanjawan 2009 ini. Ini saya nyatakan pada peringkat awal.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ramai pihak di sebelah sana yang sudah diberi peluang mengutarakan pandangan mereka telah mengatakan bahawa bajet ini tidak cukup prihatin kepada rakyat tetapi saya ingin mengatakan bahawa saya tidak bersetuju. Ini kerana saya nampak dalam bajet ini banyak yang kita dapati untuk kita membela rakyat. Akan tetapi saya juga berpendapat bahawa dalam bajet ini masih ada ruang di mana kita perlu mencadangkan yang sepatutnya dimasukkan juga ke dalam bajet ini bagi kita memastikan tidak ada wilayah atau golongan yang boleh merasakan mereka tidak ketinggalan.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memasukkan perancangan jalan dari Kapit ke Sibu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, khususnya dalam peruntukan beberapa bilion yang telah diperuntukkan kepada Sarawak. Ini adalah menurut kenyataan daripada Kementerian Kerja Raya. Penduduk di Kapit begitu bersyukur dan berterima kasih dengan keprihatinan kerajaan tentang projek ini yang telah ditunggu-tunggu oleh mereka sejak sekian lama ini. Walau bagaimanapun saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian yang terbabit bilakah sebenarnya jalan ini boleh dibina dan bilakah ia dapat disiapkan nanti.

Adalah menjadi harapan semua rakyat di kawasan Kapit agar pelaksanaan pembinaan jalan itu disegerakan. Selain dibebani kenaikan harga minyak dan barang ketika ini, selagi jalan tersebut tidak dilaksanakan pembinaannya, rakyat di Kapit akan terus berhadapan dengan masalah terutamanya pada musim cuti dan ketika kes-kes kecemasan untuk bergegas ke bandar Sibu. Lebih daripada itu kemudahan jalan pengangkutan seperti yang semua sedia maklum ia buka sahaja untuk kemudahan perhubungan tetapi ia turut merangsang aktiviti ekonomi penduduk negeri ataupun negara akhirnya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* 35(1). Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa sebelum daripada ini juga wakil daripada Barisan Nasional yang berucap dan sekarang pula sekali lagi wakil daripada Barisan Nasional yang berucap. Saya ingin tahu sama ada kami akan dapat peluang. Nampaknya lebih ramai wakil daripada pembangkang yang hadir yang turut hendak mengambil bahagian dalam perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya sudah dengar, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya dengar, Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini sangat tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk dulu, Yang Berhormat. Saya beri penjelasan. Duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk! Saya beri penjelasan. Duduk dulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapa marah, Tuan Yang di-Pertua? Saya hanya bangkitkan siapa ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tidak marah. Perangai Yang Berhormat pun macam marah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You* menuding jari macam itu. Jangan buat macam itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya... Yang Berhormat pun cakap macam itu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hanya menanya satu soalan. Saya ada hak sebagai Ahli Parlimen untuk bertanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya cakap duduk dulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Seorang Tuan Yang di-Pertua pun patut menunjukkan hormat kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya nampak Tuan Yang di-Pertua yang menuding jari begitu.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Ha, Tuan Yang di-Pertua yang menuding jari, bercakap dengan bahasa yang macam itu. Saya rasa tidak adil, tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau kita boleh dinyatakan sebagai biadab dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua pun memang perlu menghormati...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya faham, Yang Berhormat. Saya sudah kata duduk. Saya beri penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Okey, Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat. Saya berikan penjelasan di sini, ya? Yang Berhormat Kapit, terima kasih. duduk dulu.

Jumlah ahli yang sudah berucap sekarang ialah 70 orang, *right?* Jumlah ahli Barisan Nasional berucap ialah 33 orang. Maknanya 37 orang daripada PR telah berucap. Pada 20 hari bulan Yang Berhormat Jerai berucap nombor 30 dan selepas itu saya bagi Yang Berhormat Bagan juga PR oleh kerana ada sebab-sebab yang tertentu saya bagi dia. Pada 21 hari bulan saya juga yang bagi, Yang Berhormat Hulu Langat yang berucap dan pembahas ke-42 saya beri kepada Yang Berhormat Selangor atas sebab-sebab yang tertentu.

Jadi, Yang Berhormat Kapit ada sebab-sebab yang tertentu saya beri kepada dia dan dia minta hanya 15 minit. Itulah sebab saya berikan. Ini kali pertama dalam senarai ini yang mana selepas Barisan, Barisan, tetapi dalam Pakatan Rakyat sudah dua kali iaitu pada 20 dan 21 hari bulan. Jadi, itu penjelasan saya. Silakan Yang Berhormat Kapit.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang hebatlah Tuan Yang di-Pertua, memang begitu adil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini mungkin ramai yang telah sedia maklum dengan keperitan yang telah dialami oleh penduduk di Kapit gara-gara hanya berharap dengan jalan pengangkutan air sahaja. Malahan dari dahulu lagi penduduk di Kapit memperjuangkan pembinaan jalan ini, termasuk saudara saya sendiri serta beberapa ahli wakil rakyat sebelum saya sering memperjuangkan untuk kerajaan membina jalan itu. Rasionalnya kerana asyik memperjuangkan jalan Sibu ke Kapit sahaja ruang dan peluang untuk memberi fokus kepada perkara dan keperluan lain telah terjejas.

Oleh itu harapan saya serta lebih 50,000 rakyat di bahagian Kapit tidak ada lagi rintihan dan rayuan untuk meminta kerajaan membina jalan itu. Manakala saya pula tidaklah perlu membuang masa atau memakan masa lain di masa hadapan untuk menyebut pembinaan jalan Sibu - Kapit berulang-ulang kali apabila pembinaannya telah dilaksanakan. Silakan.

■ 1620

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat ada 15 minit. Bagaimana janji dengan saya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kapit. Saya dan Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada Kapit dan ramai kawan-kawan di sini. Daripada tahun 1999, Yang Berhormat Kapit kemukakan masalah ini. Hampir 10 tahun berlalu. Yang Berhormat Kapit masih dalam nada merayu, merayu!

Saya hendak tanya pihak yang berkenaan. Sampai bilakah agaknya Yang Berhormat yang mewakili Kapit harus merayu? Saya sendiri datang ke Kapit. Kesan daripada tidak adanya jalan, penderitaan rakyat di sana, penderitaan yang memang benar-benar sangat dikasihaniilah. Minta maaf Yang Berhormat Kapit, sekejap. Tidak ada jalan. Pelajar-pelajar yang duduk di asrama, tidak dapat melanjutkan ataupun dapat mengkaji pelajaran kerana elektrik tidak dapat hendak berfungsi selepas pukul 9. Ini kerana harga petrol ke Labis daripada Sibu lebih mahal daripada tambang kapal terbang. Ini yang ditanggung. Soal orang sakit, orang hendak beranak.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Kapit dan saya menyokong serta saya berharaplah kementerian yang berkenaan, tolonglah ambil perkara ini sebagai perkara yang serius dan berikan keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jalan ini mesti dibina! Tidak ada alasan untuk hendak menolak ataupun hendak melengah-lengahkan! Terima kasih.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih. Oleh sebab tidak ada soalan. Terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat, sahabat handai saya.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan hasrat menjadi sebuah negara maju, Sarawak pula telah mengorak langkah ke arah itu dengan adanya Rancangan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui iaitu SCORE, *Sarawak Corridor Renewable Energy* serta banyak lagi rancangan pembangunan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan SCORE ini, saya berharaplah bahawa pelaksanaannya tidak dibiarkan tergugat kerana kemelesetan ekonomi sedunia buat masa sekarang.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, baru-baru ini telah menyatakan bahawa ekonomi negara kita tidaklah terlalu tergugat. Ia masih baik dan kita masih mampu melaksanakan pelbagai pembangunan.

Walaupun demikian, kita perlu ... pelaksanaan projek-projek besar di negara kita. Bagi kami di Sarawak, kami meminta agar Kerajaan Pusat akan teruskan pelaksanaan projek infrastruktur yang berkaitan dengan SCORE ini. Ini kerana kawasan yang terbabit dengan rancangan pembangunan SCORE ini adalah yang sangat luas dan diduduki ramai rakyat di luar bandar. Mereka inilah yang akan diharapkan menikmati bersama segala hasil dan kesan yang boleh diraih dari rangkaian jalan raya seperti juga pembangunan infrastruktur asas yang lain seperti yang telah juga disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi yang belum dapat dibawa ke kawasan Amerika selama ini. Sudah tentulah SCORE ini akan menjadi *catalyst* pembangunan di kawasan terbabit iaitu termasuk kawasan Kapit dan kawasan Hulu Rajang. Oleh sebab saya telah berjanji kepada Tuan Yang di-Pertua tadi, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada 5 minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ada 5 minit lagi? [Ketawa] Kalau begitu bolehlah saya masukkan *point-point* yang lain. Ini kerana saya hendak akur sebagai Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Cukup 15 minit. 5 minit lagi.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyeru, kerajaan harus lebih peka serta mengambil pendekatan turun padang untuk mengetahui masalah rakyat di kawasan luar bandar yang masih jauh ketinggalan serta begitu memerlukan kemudahan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik dan air. Kerajaan juga haruslah bersikap lebih telus dan bersungguh-sungguh dalam meningkatkan sistem pelaksanaan dalam sektor perkhidmatan awam.

Pemantauan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan rancangan kerajaan berjalan dengan lancar. Memberi faedah kepada golongan sasaran serta menepati keperluan juga menepati masa. Tuan Yang di-Pertua, tidak lengkap rasanya kalau saya tidak menyebut serba sedikit berkenaan keadaan ekonomi dan politik negara pada ketika ini.

Disebabkan keadaan politik serta ekonomi yang tidak menentu, telah merisaukan rakyat. Oleh itu dalam berhadapan dengan keadaan yang tidak menentu itu, kita menuntut kerajaan serta bertolak ansurlah semua pihak termasuk anggota dari parti pembangkang dan rakyat amnya, juga kita dari Barisan Nasional. Semua pihak perlu melihat ke hadapan dan

mengetepikan kepentingan peribadi, lebih mengutamakan kepentingan rakyat dan negara. Selain itu, rakyat juga berharap peralihan kuasa supaya dirancang dengan sebaik-baiknya.

Adalah sesuatu yang menyedihkan kalau peralihan kuasa itu nanti akan lebih merumitkan keadaan politik dan ekonomi yang sedia ada. Harapan kita dan rakyat keseluruhannya, agar peralihan kepimpinan itu membawa kesan positif kepada negara, ekonomi dan keharmonian antara etnik, kaum dan kestabilan negara kita.

Walau bagaimanapun, tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mengundur diri dengan cara teratur itu perlu dihormati dan dihargai oleh semua pihak kerana ia dilihat sebagai cara terbaik dalam keadaan politik dan ekonomi yang kurang stabil ketika ini. Sebagai penggulingan Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan wawasan tahun 2020. Kita telah kesuntukan masa sekarang. Kita hanya tinggal 12 tahun sahaja lagi sebelum kita sampai ke tahun 2020 ini.

Jika sistem penyampaian menjadi penghalang, ia harus kita alihkan. Begitu juga sekiranya dasar yang membantutkannya, ia harus kita perbetulkan. Seandainya sikap menjadi rintangan, ia harus kita kikis habis-habisan. Kerajaan mesti sama sekali jangan berkompromi dalam hal ini demi masa hadapan kesemua kaum di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyatakan saya menyokong Bajet Tahun 2009 ini. Sekian, terima kasih.

#### **4.27 ptg.**

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pembaharuan ataupun reformasi Parlimen haruslah dijadikan satu agenda *bi-partisan* disokong oleh semua Ahli Parlimen tanpa mengira Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat. Semalam rakan saya, Yang Berhormat Bukit Bendera mencadangkan bahawa setiap Ahli Parlimen seharusnya diperuntukkan seorang pegawai khas, seorang pembantu kawasan serta seorang penyelidik. Pejabat Ahli Parlimen di kawasan juga harus dibiayai oleh *consolidated funds*.

Saya pernah membuat cadangan-cadangan serupa dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-9. Adalah harapan ikhlas saya bahawa agenda pembaharuan Parlimen seperti ini juga disokong oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Sehubungan itu, keputusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) membatalkan pembinaan ruang pejabat tambahan termasuk tempat letak kereta di Parlimen adalah amat dikesali. Ruang tersebut adalah penting supaya Ahli-ahli Parlimen dibekalkan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugas mereka di kawasan Parlimen. Peruntukan untuk mengupah pembantu-pembantu Ahli Parlimen dan juga menyewa pejabat di kawasan adalah amat diperlukan dan seharusnya dilaksanakan lama dahulu.

Saya ingin membuat dua cadangan lagi untuk menyempurnakan sistem Parlimen kita. Pertama, satu *main committee* ataupun *second chamber* seperti diamalkan di Australia atau *Westminster Hall* di United Kingdom boleh ditubuhkan di Parlimen ini supaya memberi peluang

yang lebih banyak kepada Ahli-ahli Parlimen untuk berucap. Pada masa yang sama, tidak perlu memakan masa Dewan utama ini. Sistem *Second Chamber* ini telah terbukti berjaya meningkatkan *efficiency* Parlimen di Australia dan United Kingdom dan seharusnya diamalkan di sini.

Kedua, sudah sampai masanya untuk penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan raya atau *Select Committee*. Empat *Select Committee* ditubuhkan pada penggal lepas. Akan tetapi hanya satu menghasilkan laporan sepenuhnya.

Mungkin Tuan Yang di-Pertua adalah ahli *Select Committee* yang menghasilkan laporan berkenaan. Sudah hampir hujung tahun atau hujung sesi satu penggal Parlimen ini, tetapi sampai sekarang tidak ada tanda bahawa tugas-tugas jawatankuasa tersebut akan disambung ataupun dipulihkan.

■1630

Sebenarnya bukan sahaja jawatankuasa penggal lepas yang belum menyelesaikan tugas-tugas mereka hendaklah dipulihkan secepat mungkin, malah setiap kementerian atau bidang dasar haruslah dikawal oleh Jawatankuasa Pilihan supaya Ahli-ahli Parlimen dapat menjadi pakar dalam bidang dasar sendiri. Bagi ahli-ahli yang pernah melawat Parlimen-parlimen negara lain, malulah Parlimen kita kerana hampir semua Parlimen luar negeri mempunyai sistem jawatankuasa yang berfungsi dan efisien.

Untuk membenarkan Ahli-ahli Parlimen kita untuk melawat ke Parlimen-parlimen lain dan juga menguatkan *parliamentary diplomacy* kita, saya bercadang bahawa Parlimen diberi lebih banyak peruntukan untuk IPU, untuk CPA dan untuk *parliamentary diplomacy*, aktiviti-aktiviti *parliamentary diplomacy* yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, skandal Danaharta. Semalam Ahli Yang Berhormat Sungai Petani berucap tentang Danaharta dan diminta oleh Ahli-ahli Barisan Nasional supaya memberi bukti tentang masalah Danaharta. Saya ingin meminta kerajaan supaya memberi penjelasan tentang kes Kelab Golf Kristal. Kelab Golf Kristal beralamat 364, Jalan Valdor, Sungai Bakap, Seberang Perai, Pulau Pinang pada 23 Julai 2007, Syarikat Mustaraj Sdn. Bhd. telah diberi hak untuk mengambil alih kelab golf tersebut daripada pengurusan asal.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya dimaklumkan bahawa syarikat tersebut diberikan hak mengambil alih oleh Danaharta oleh pihak penggantinya, Procast, dengan harga yang lebih rendah daripada tawaran lain. Tawaran syarikat tersebut adalah RM21 juta dan saya dimaklumkan syarikat-syarikat lain menawarkan harga yang lebih tinggi. Nilai klian kelab golf tersebut adalah RM50 juta dan ramai ahli kelab tersebut adalah pelabur-pelabur warganegara Jepun dan Korea, tetapi syarikat yang mengambil alih tidak berminat untuk memulihkan kelab golf ataupun memberi pampasan kepada bekas ahli-ahli. Ini telah memburukkan nama baik negara kita di dalam kaca mata pelabur asing. Saya harap..

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Ya.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Mohon penjelasan sedikit. Saya mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Bukit Bendera mengenai bagaimana satu *syndicated loan* melibatkan seorang individu, melibatkan lima bank, melibatkan jumlah sebanyak RM1.79 bilion sehingga hari ini belum selesai dan menjadi bebanan kepada Danaharta dan kepada negara sebenarnya dan kepada rakyat.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Saya minta kerajaan siasat kes Kelab Golf Kristal dan juga kes yang dibawa oleh Yang Berhormat Balik Pulau. Skandal Antilium dan meminta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Malaysian Venture Capital Berhad (MAVCAP) supaya menjawab skandal Antilium kepada Dewan yang mulia ini.

Dua minggu yang lalu, CEO Antilium, Paul Thomas Johnson dan CFO, Parash Johns telah ditangkap oleh FBI Amerika Syarikat dan dituduh di mahkamah kerana memberi maklumat palsu berkenaan pendapatan atau *revenue* syarikat tersebut. Syarikat Antilium ditubuhkan di MSC Malaysia beberapa tahun sebelum ini. Bulan Jun ini Antilium telah diberikan pinjaman wang USD2 juta oleh Malaysian Venture Capital Management Berhad yang ditubuhkan oleh kerajaan dan MDeC memberikannya geran sebanyak RM7.5 juta di bawah Malaysian Star dan untuk R&D. Masalah-masalah dalaman Antilium tidak disyaki sebelum ini oleh pihak berkuasa di Malaysia. Siapa dalam kementerian, MDeC atau Malaysian Venture Capital Sdn. Bhd. akan mengakui tanggungjawab dalam kes skandal ini?

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri. Walaupun kerajaan amat berjimat dengan perbelanjaan Parlimen, Jabatan Perdana Menteri diberi peruntukan yang besar-besaran. Parlimen diberi 257 pegawai dan pekerja sokongan tetapi JPM diperuntukkan 25,000 orang pegawai dan pekerja sokongan. Parlimen hanya 1% pun tidak sampai. Walau peruntukan wang untuk Parlimen tidak sampai 1% peruntukan JPM, wang bersama, peruntukan wang, kuasa dan pekerja kepada JPM semakin meningkat, tetapi apa yang mengejutkan Bajet 2009, peruntukan pembangunan untuk JPM telah meningkat tiga kali ganda daripada RM3 bilion pada tahun 2008 ke RM10 bilion pada tahun 2009.

Perdana Menteri haruslah memberikan satu kenyataan Parlimen mengenai kegunaan dana tambahan ini. Adakah tabung ini bermotif politik untuk mengukuhkan kedudukan Perdana Menteri di dalam UMNO? Saya juga minta Perdana Menteri supaya memberi penjelasan terhadap perbezaan atau *discrepancy* terdapat dalam senarai perjawatan. Dalam muka surat B.65, Jilid 1, Butiran 100, tujuh jawatan Menteri JPM telah diperuntukkan, tetapi hakikatnya hanya lima Menteri JPM yang sedia ada iaitu Yang Berhormat Padang Rengas, Bagan Datok, Penampang, Senator Tan Sri Amirsham dan Senator Datuk Zaid Ibrahim yang baru-baru ini meletak jawatan.

**Seorang Ahli:** Pasir Salak?

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Mungkin Pasir Salaklah. *[Ketawa]* Adakah dua lagi ahli politik UMNO akan dilantik sebagai Menteri JPM dalam jangka masa terdekat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Adakah wajib untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab bahawa adakah peruntukan untuk tujuh menteri di JPM diadakan supaya beliau dapat memberi jawatan-jawatan kepada lebih ramai pemimpin UMNO seperti dituduh oleh bekas Perdana Menteri...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** ...Tun Dr. Mahathir yang juga ayahanda ahli Jerlun...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Tidak ada masa. Minta maaf. Semasa mengulas lantikan Tan Sri Shahidan Kassim...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sikittlah.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** ...sebagai penasihat NCER...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta sikit.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** ...Tun Dr. Mahathir berkata bahawa – ini saya memetik kata-kata Tun Dr. Mahathir, “Apabila sahaja tokoh tertinggi Parti UMNO ternampak mungkin ada timbul masalah kepada Perdana Menteri, tokoh berkenaan akan dilantik ke jawatan tertentu atau jika tidak ada jawatan dilantik, sebagai penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang bernasib baik akan diberi taraf menteri, selepas itu senyap sunyi.”

Setakat ini kerajaan mempunyai penasihat agama Islam kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, penasihat hal ehwal pembangunan wanita dan sosial bertaraf menteri. Selain itu bekas Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Zainal Abidin telah dilantik sebagai penasihat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan menurut Tun Dr. Mahathir, Ahli Parlimen Pasir Salak telah dilantik sebagai Pengerusi FELCRA. *[Tepuk]* Saya tidak pastilah, mungkin Yang Berhormat boleh mengesahkan.

Sampai bila kerajaan akan menerima mesej rakyat pada 8 Mac? Sampai bila masa ahli...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** ...telah ditolak oleh pengundi dalam PRU ke-12...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nama disebut dua, tiga kali ini.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** ...tidak lagi dilantik ke jawatan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Speaker.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** ....dan tidak akan membawa apa sahaja manfaat kepada rakyat dan hanya sahaja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu itu Yang Berhormat tetapi kalau dia tidak kasi laluan, saya tidak boleh buat apa-apa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh sedikit? Ha, macam itulah. Pembangkang semua pandai, berani-berani, soalan-soalan tidak ada masalah hendak jawab. *Nothing to be worried about*, dengan izin. Saya, Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat, telah dengar ucapan tadi dengan panjang lebar, boleh tidak saya minta kalau Yang Berhormat tumpu kepada macam mana hendak mengatasi masalah ekonomi negara, macam mana hendak membangunkan ekonomi, menjana ekonomi...

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey, lagi nanti, nanti.

■1640

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...membantu rakyat. Bukan membuat ucapan-ucapan yang tidak ada kena-mengena dengan ekonomi dan pembangunan.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Itu kena mengena. Satu jawatan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak, ini apa pelantikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bertengkar Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey, okey *floor* saya, *floor* saya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pelantikan sebagai Pengerusi, ini. Tun Dr. Mahathir buat itu, buat ini. Ini bukan bajet.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey, *floor* saya, *floor* saya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau inilah yang hendak dibawa...

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey, cukup. Ini memang ada kena mengena. Satu jawatan menteri, kos dia kalau sebulan RM50,000.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cakaplah macam mana hendak cari wang, macam mana hendak belanja wang, macam mana hendak jimat wang.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Nanti, nanti *floor* saya. *Floor* saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak duduk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Macam ini hendak memerintah.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Tuan Yang di-Pertua, isu AEC dan hak asasi bersuara. Semalam di Dewan ini Yang Berhormat Bintulu telah membidas stesen televisyen AEC kerana tiga program stesen tersebut dikatakan telah melampau dalam isi kandungan mereka. Saya pernah menonton program-program yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu, dan tidak berasa ada sebarang masalah. Saya tidak pasti adakah Yang Berhormat Bintulu menonton program tersebut sendiri atau maklumat diberikan kepadanya yang tidak berasas. Adakah dia faham makna secara tersurat dan tersirat dalam program-program tersebut?

Saya tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat Bintulu bahawa adanya masalah dengan program AEC tersebut dan penyelesaiannya ini merujuk kepada Yang Berhormat Bintulu ialah mestinya diperiksa oleh Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasi dengan teliti sebelum disiarkan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Masuk ke Dewan]*

**Seorang Ahli:** Oh, *hero is coming*. Sudah masuk.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Betapa ketinggalan masa pandangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bintulu. Ahli-ahli politik haruslah sedar bahawa zaman ini bukan lagi zaman awal merdeka dalam kerajaan dapat menyebarkan maklumat yang diinginkannya sahaja dan maklumat yang lain disekat. Sudah ketinggalan masa kalau ahli-ahli Barisan Nasional tidak membenarkan sebarang kritikan terhadap Barisan Nasional setiap masa.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Bintulu berdiri Yang Berhormat. Minta laluan.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa memang apa yang telah dinyatakan Yang Berhormat Bukit Bendera itu amat tepat sekali dan hari itu apabila Yang Berhormat Pasir Mas pun memuji kononnya *Back-benchers Club* boleh berani mengkritik menteri dan sebagainya. Akan tetapi dalam konteks kritikan ini, kritikan kerana menteri gagal menyekat kritikan terhadap kerajaan. Lalu akhirnya ia akan kembali kepada satu keadaan di mana tidak mahu ada kritikan. Lalu saya pun hendak nasihatlah Yang Berhormat Pasir Mas, janganlah cepat sangat beri sokongan dan pujian. Ini kerana akhirnya apabila sudah hentam, hentam, hentam, saya hendak mencadang dan menyokong. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Cepat sedikit, ringkaskan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa mahu cakap? Apa mahu cepat? You hentam seronok, cakap mahu cepat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** *You had yourself...*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bukit Bentara... Yang Berhormat Bukit Bentara...

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Bukit Bendera. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bendera, bendera. Yang Berhormat Bukit Bendera, saya harap Yang Berhormat apabila saya ucap *you* dengar baik-baik. *You* jangan tunjuk *you* hero dalam Dewan. Kalau apa saya cakap dalam Dewan *you* tidak faham, jangan sentuh.

Saya tanya sama Yang Berhormat, AEC 301 dia ulang UMNO guna kondom, kondom sudah bocor. MCA guna viagra. Dahulu MCA semua lembut, sudah guna viagra baru perlahan sudah keras, sudah keras, sudah keras. Hey, hey, hey sudah keras. Apa punya berita ini? *You* jawab sama saya! Satu, dua, saya mahu tanya.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Saya tahulah Yang Berhormat...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat, saya faham AEC 301 ramai pembangkang gunakan ini tetapi saya tidak kira siapa pakai. Cakap dalam berita, cakap baik-baik. Saya cuma tanya, kalau you sebagai satu keluarga saya hari-hari buat satu lagu pun hantar ke Astro dan menyanyikannya pada Yang Berhormat macam mana? Kawan-kawan Yang Berhormat malu atau tidak? Kita sebagai rakyat malu ke tidak? Hari-hari menyanyi, ini lembu, itu lembu. Cerita, cerita lain. Janganlah buat lagu. Buat lagu selepas itu nyanyikan tidak malukah?

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Terima kasih, *floor* saya. Cerita...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* malu tidak malu? Cakap dengan saya.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey, okey terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Cakap dengan saya, sebagai rakyat Malaysia.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Terima kasih. *Careful, heart attack*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau *you* boleh *heart attack*, cepat sedikit.

[Ketawa]

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Tuan Yang di-Pertua, zaman internet ini telah mewujudkan sesuatu situasi di mana terlalu banyak pilihan saluran maklumat. Adalah penting bahawa ahli politik memahami senario baru. Ini dipelajari untuk *coexist* dengan media massa dan bukan sekadar menegaskan kawalan sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jawablah soalan Yang Berhormat Bintulu. Bukan baca teks itu.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Itu cerita lama. Semalam sudah cakap. Saya ini beritahu, ini jawapan saya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Baca teks budak-budak sekolah pun boleh. [Ketawa]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Lain kali kalau tidak faham, jangan jadi hero.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Ini *floor* saya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Faham dahulu, barulah cerita. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang ini kita sudah menetapkan peraturan mesyuarat. Seolah-olah tidak ada Speaker lagi duduk di sini.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Saya pun hendak ajar Yang Berhormat, ini *floor* saya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta laluan.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Jangan ikut... Ini *floor* saya, *floor* saya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat, *floor* saya ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta laluan kalau boleh.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera berkenaan dengan perlunya semua ahli politik cakap dan berusaha dengan ikhlas untuk membawa perubahan. Di sini juga kita lihat wakil dari Yang Berhormat Bintulu cara beliau bercakap dalam Dewan ini, setengah apa yang dia kata itu kita pun tidak faham. Akan tetapi dia menjadi pengerusi kepada *Back-benchers Club*. Sama juga kita tengok kita ada seorang timbalan menteri dalam Jabatan Perdana Menteri senator daripada parti PPP yang dahulunya beliau berkata bahawa beliau hendak mulakan satu siasatan ke dalam aduan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh berkenaan dengan jenis makanan yang diterima semasa dalam tahanan ISA.

Akan tetapi kita lihat ada satu surat yang dikeluarkan oleh PPP sendiri yang ditandatangani oleh Datuk M. Kayveas di mana M. Kayveas menyatakan bahawa timbalan menteri tersebut tidak mempunyai *permission* dari PPP atau Barisan Nasional untuk melihat ke dalam isu itu. Jadi di sini senator, seorang timbalan menteri yang cuba membuat pembetulan, *what he did is right*, menegakkan kebenaran dalam keadaan di mana perlu satu *investigation* sebagai Ahli Biro Pengaduan Awam. Akan tetapi kita lihat betapa caranya wakil-wakil dari partinya sendiri tidak beri sokongan. Sebaliknya cuba sedaya upaya untuk *suppress* apa yang dikatakan. Sama juga dengan Yang Berhormat Bintulu sebagai *chairman*. Apabila dia datang ke Dewan ini menyatakan dengan suara yang tertekan sekali, semua takut, tidak hendak cakap.

Inilah yang saya hendak minta pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera. Bukankah ini menjadi keadaan sebenarnya ahli-ahli politik Barisan Nasional yang cakap di sini tetapi yang sebaliknya buat yang lain.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Cakap tidak serupa bikinlah ini. Ini masalah Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Bendera...

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Saya tidak ada masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Bendera sekarang berhujah dalam *injury time*.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Sehubungan dengan ini, saya meminta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi supaya menjawab di Parlimen bahawa kenapa program siri dokumentasi Living In Malaysia yang disiarkan....

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Tidak ada masa, tidak bagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sudah takut?

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Yang disiarkan di Astro, AEC, saya minta kementerian menjawab kenapa Program Siri Dokumentasi Living In Malaysia yang disiarkan di Astro AEC 301 telah dihentikan sejak minggu lepas tanpa alasan diberikan. Apa alasan kementerian tersebut berkenaan pembatalan siaran langsung perbincangan di antara calon-calon Timbalan Presiden MCA di NTV7. Sikap tidak bertoleransi...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada kena mengena dengan bajet Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** ...tidak menghormati hak asasi manusia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, biarlah saya menentukan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada kena mengena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Biar saya menentukan sama ada kena mengena atau tidak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita datang duduk dalam Parlimen ini hendak dengar ucapan yang ada relevan.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat sudah berucap berkenaan dengan apa-apa sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** tak relevan lah, *wasting our time*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, biarlah saya yang menentukan sama ada relevan atau tidak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua tolong beritahu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, AEC 301, mana dia mahu pergi?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dengar itu, ini bajet.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pengangkutan Awam - walaupun penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam adalah dialu-alukan kerana buat pertama kali kerajaan menerima hakikat bahawa sektor pengangkutan awam memerlukan lebih konsisten berkesan dan efisien. Akan tetapi memandangkan tugas-tugas JPM terlalu banyak sehingga agensi maritim pun terletak di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri.

#### ■1650

Adalah tidak munasabah pengurusan sektor pengangkutan awam dikawal oleh JPM dan bukannya diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Operasi. Pengurusan pengangkutan hendaklah rasional, berkesan dengan

matlamat untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam bertaraf dunia dan tidak seharusnya dipengaruhi oleh kumpulan *vested interest*.

Tuan Yang di-Pertua, pembaharuan pilihan raya adalah mustahak supaya sistem demokrasi kita sesuatu yang boleh kita banggakan dan tidak dipertikaikan. Sudah banyak diucap berkenaan betapa pentingnya dakwat kekal, senarai pengundi yang bersih dan berintegriti, pembaharuan sistem undi pos dan tempoh pilihan raya yang sekurang-kurangnya tiga minggu. Malangnya satu pun tidak dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Apa yang saya ingin cadangkan pada hari ini adalah pertama, sistem pendaftaran pemilih secara automatik dan kedua, penurunan umur pemilih dari 21 tahun ke 18 tahun. Tidak diketahui oleh ramai bahawa seramai 4.9 juta rakyat Malaysia yang layak menjadi pengundi iaitu berumur 21 dan ke atas, belum lagi mendaftar sebagai pengundi termasuk empat juta orang berketurunan Melayu. Ini agak tidak sihat untuk demokrasi negara ini memandangkan bahawa hanya lebih kurang tujuh juta rakyat keluar menjalankan kewajipan mereka sebagai pengundi dalam pilihan raya. Walaupun jumlah pengundi adalah hampir 11 juta orang dan jumlah warganegara yang berkelayakan sebagai pengundi adalah 15 juta orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Umur pengundi juga haruslah dikaji semula. Umur pengundi di negara jiran Malaysia di Asia Tenggara iaitu di Indonesia, Cambodia, Thailand dan Filipina adalah 17 atau 18 tahun. Kalau lesen memandu diberikan kepada rakyat berumur 17 tahun maka hak asasi untuk memilih kerajaan haruslah ditetapkan pada umur 18 tahun.

Pembelian pertahanan. Memandangkan kontroversi *Eurocopter* terkini ini, sudah tiba masanya pembelian pertahanan diteliti oleh Parlimen atau *parliamentary scrutiny* bagi memastikan proses akauntabiliti dilaksanakan.

Menurut kajian Bank Dunia, 15% daripada nilai pembelian pertahanan di seluruh dunia berarah kepada beberapa bentuk rasuah kerana bidang ini adalah paling dirahsiakan.

Kerajaan kita biasanya tidak memberi sebarang maklumat berkenaan pembelian pertahanan di atas alasan rahsia negara. Namun kontrak pertahanan biasanya terlibat nilai yang *astronomical* dan seharusnya diteliti oleh Jawatankuasa Pilihan Parlimen. Saya sering menggesa agar Parlimen dimaklum mengenai pembelian pertahanan dan saya telah pun mengusul usul ke-36, perkara ini kepada Dewan Rakyat semasa persidangan lalu dan bahawa kontrak pertahanan yang bernilai RM100 juta ke atas dibentangkan kepada Parlimen atau jawatankuasa di tubuh oleh Parlimen dan juga diteliti oleh Ketua Audit Negara.

Isu sebenar kemelut ekonomi. Ini *last* Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit *injury time*. Sebulan selepas krisis kewangan global akhirnya kita mendengar respons daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tetapi sungguh menghampakan. Sistem kewangan dunia berhadapan dengan kejatuhan yang dikatakan terburuk sejak 1929 tetapi respons kami ini tidak banyak. Apabila negara-negara lain di dunia mendapat kesan daripada krisis dan kesan tersebut

diperbincangkan dengan mendalam tiap-tiap hari di negara kita dan bagi pemimpin Kerajaan Barisan Nasional tidak ada krisis ekonomi, macam Malaysia boleh berkecuali dalam hal ehwal ekonomi dunia. Pada masa ini hanya satu indeks yang relevan di Malaysia sekarang atau kepada pemimpin kerajaan iaitu indeks pencalonan pemilihan pemimpin UMNO.

Pihak Pakatan Rakyat telah sering kali menyeru Menteri Kewangan supaya bajet ini dikaji semula supaya mengambil kira perkembangan terkini terutamanya kejatuhan harga minyak yang mewakili 46% daripada hasil yang dijangka dalam bajet yang dibentangkan hampir dua bulan lalu oleh bekas Menteri Kewangan tetapi sebaliknya kerajaan bertindak seolah-olah tidak berlaku sebarang krisis, maka tidak diperlukan sebarang respons.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey. 57.8% daripada keluarga negara ini yang berjumlah 5.8 juta hidup dengan pendapatan bulanan di bawah RM3,000.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh gulung. Saya sudah bagi lima minit Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Okey. Apa yang perlu sekarang ialah makanan dan *daily life* untuk hampir 60% keluarga di negara ini yang pendapatan bulanan di bawah RM3,000 sebulan. Apa yang lebih penting ialah bukan Valuecap bukannya apa, apa yang penting kalau menurut perkataan yang digunakan di Amerika. Apa yang penting itu *main street* bukan *wall street*. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak ramai lagi yang ingin bercakap. Bila seorang Ahli Yang Berhormat sudah berhadapan dengan mikrofon lampu merah ini tidak sedar diri, menidakkan hak teman lain, tetapi tidak apa. Ini sebagai makluman, saya cukup bermurah hati walaupun kamu nampak kadang-kadang saya main-main, kurang tegas tetapi oleh sebab saya nampak ramai Ahli Yang Berhormat ingin bercakap, tidak apa. Pada 29 hari bulan pagi nanti selepas sesi soal jawab, saya benarkan lagi tiga jam untuk Ahli Yang Berhormat yang belum bercakap untuk bercakap. Jadi itu bermakna saya sudah tidak bersikap adil kepada menteri-menteri kerana bermakna masa tiga jam untuk menteri menjawab sudah saya ambil.

Jadi tidak cukup lagi, main-main lagikah itu? Jadi pada 29 hari bulan itu saya minta saya terpaksa kurangkan masa daripada setengah jam kepada masa yang lebih singkat lagi supaya semua boleh bercakap. Ini sebagai keadilan juga, selepas daripada belah kiri terpaksa saya jemput sebelah kanan. Yang Berhormat dari Sibuti.

**4.58 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Saya juga turut bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan anggaran bajet negara 2009. Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, pada

masa anggaran bajet ini dibentangkan. Sekarang kita memastikan dan meletak keyakinan kepada Menteri Kewangan yang baru yang juga Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Sebelum saya hendak berbahas panjang terlebih dahulu saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin dan selamat menyambut Deepavali kepada rakan-rakan kita daripada keturunan India.

Pertama adalah saya hendak mengutarakan pelajar-pelajar ataupun anak-anak kita yang masih di bangku sekolah di mana Perdana Menteri mengatakan modal insan yang begitu baik kerana kita lihat di mana sekolah-sekolah menengah ataupun sekolah rendah yang berasrama penuh tidak mendapat makanan-makanan seperti yang apa kita harapkan yang berzat, yang berprotein kerana kita selalu mendengar bahawa anak-anak kita terkena keracunan makanan. Oleh yang demikian saya menyarankan kepada Kementerian Pelajaran agar apabila kontraktor-kontraktor yang kita lantik untuk memberi makan kepada anak-anak kita yang di bangku sekolah ini benar-benar meneliti bahawa makanan itu adalah makanan yang bersih, berzat dan bermutu tinggi. Jangan ia hanya untuk mengenyangkan perut mereka.

Untuk melahirkan modal insan yang baik, prasarana sekolah mesti juga diperbaiki agar mereka dapat tinggal di sekolah dengan selesa, cukup prasarana dan begitu juga kepada guru-guru yang ada tinggal di sekolah itu. Bekalan air bersih, jana kuasa elektrik yang dibekalkan mestilah dalam keadaan yang baik. Jikalau ada kerosakan ataupun alat gantian yang telah rosak hendaklah dipercepat-cepatkan gantian agar sekolah itu dapat menggunakan elektrik dengan baik.

#### ■1700

Kedua saya nak katakan, Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur dan berterima kasih kepada pihak keselamatan kerana dengan ada pihak keselamatan yang bertugas siang dan malam agar kita dapat aman dan sentosa walaupun ada cubaan-cubaan daripada pendaatang-pendatang asing yang selalu membuat kacau, merompak dan merogol. Maka kita sangat-sangat berasa terhutang budi kepada PDRM, askar-askar, Tentera Darat, Laut dan Udara yang menjaga negara kita dengan aman damai.

Dengan itu kita mengucapkan tahniah kepada PDRM yang baru mencapai 50 tahun mereka sebagai Polis Diraja Malaysia. Kita juga memohon agar di kawasan saya di Sibuti, pihak polis ataupun pihak keselamatan mesti mengadakan pondok-pondok di kawasan kampung-kampung kecil di kawasan Sibuti, Bako, Niah dan Lambir, seperti apa yang saya ucapkan pertama kali Dewan ini bersidang.

Kita juga mohon kepada pihak yang berkenaan Kementerian Perumahan bawa Jabatan Bomba dan Penyelamat perlu diadakan di kawasan saya kerana inilah kawasan yang besar, jauh dan prasarana jalan raya kurang baik. Dengan itu saya mengharapkan Kementerian jangan lupa untuk menyediakan Bomba dan Penyelamat. Saya telah pun menulis sepucuk surat dan mencadangkan kepada pihak perumahan dan juga pihak Kementerian Keselamatan Dalam

Negeri bahawa kawasan saya ada satu tempat yang telah disediakan hanya perlu untuk disewa untuk pejabat polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Ketiga saya nak sentuh ialah kesihatan di kawasan saya di mana di kawasan saya Sibuti belum ada doktor yang boleh melihat dan memberi perubatan yang baik kepada penduduk-penduduk yang lebih kurang 30 ribu di kawasan saya. Dengan itu saya mohon kepada kementerian agar seorang doktor ditempatkan di klinik kawasan saya.

Keempat saya nak sentuh adalah Pejabat Pos di kawasan saya Bekenu dan Niah adalah hanya seorang mengendalikan pejabat itu di mana semua urusan dikendalikan oleh pejabat pos adalah seperti mengeluarkan wang, memasukkan wang dan begitu juga dengan pembayaran-pembayaran bil-bil yang lain.

Akhir kata saya mohon sekali lagi kepada Kementerian Pembangunan *Usahawan* dan Koperasi agar pusat Giat MARA yang sekarang hanya ada di Parlimen Miri dan ditempatkan di Kuala Berang namun begitu jauh daripada kawasan saya, agar ia dapat dibina di tempat saya di Sibuti untuk pemuda-pemuda yang berminat yang ingin untuk mengikut apa kegiatan di Pusat Giat MARA. Akhir kata, ini saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya dan dengan ini saya menyokong, terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, singkatkan, kalau boleh nama-nama yang bercakap itu bagi saya nanti, supaya yang ada pada hari ini untuk 29 hari bulan nanti kalau saya yang mempengerusikan, saya boleh beri keutamaan.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Yang pertama Bukit Gantang *consider* .

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:**Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan perbahasannya oleh wakil-wakil Barisan Nasional selama beberapa hari yang lepas saya telah mengikutinya dengan begitu teliti, saya mengharapkan kedengaran pengakuan serta keinsafan ke atas kegagalan pentadbiran Barisan Nasional dalam mengurus kewangan negara Malaysia ini dengan baik.

Kegagalan yang semakin ketara tahun demi tahun apabila melihat negara kita ini ditinggalkan oleh negara-negara lain yang pada satu ketika dahulu setaraf dengannya seperti Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura, namun pengakuan dan keinsafan ini tidak langsung kedengaran dan sebaliknya didengari lagu dan retorik lama bahawa Kerajaan Barisan Nasional berjaya dan terus berjaya.

Sikap sebegini hanya menjanjikan dengan izin *more of the same* atau yang mendatang sama saja dengan yang telah lalu. Kerajaan Barisan Nasional seakan-akan dengan izin, *oblivious* atau tidak sedar sama sekali akan kegagalan mereka dan bagaimana disebabkan kepimpinan mereka yang lemah, *corrupt* dan penuh ketirisan dan kebocoran, potensi sebenar negara kita ini tidak kecapaian dan rakyat dilanda kesempitan kewangan dan jurang pendapatan yang semakin melebar.

Seperti mana yang diulangi beberapa kali dan diulangi sekali lagi dengan harapan ia nya akhirnya akan difahami dan diinsafi pendapatan rakyat Taiwan sudah meningkat hingga lima kali ganda pendapatan rakyat Malaysia. Pendapatan rakyat Singapura lebih tiga kali ganda pendapatan rakyat Malaysia sedangkan mereka tidak dikurniakan kekayaan semula jadi seperti mana di anugerahkan Allah kepada negara kita.

Namun berhadapan dengan kenyataan ini Kerajaan Barisan Nasional terus mendabik dada dan menyatakan Barisan Nasional berjaya, Barisan Nasional berjaya. Kegagalan negara kita mencapai prestasi seperti mana dicapai oleh negara-negara seperti yang disebutkan tadi sering dipersalahkan kepada pihak yang lain. Hari itu Yang Berhormat Kinabatangan dan Bintulu menyalahkan Yang Berhormat Ipoh Timur dengan mengatakan bahawa Malaysia tidak berjaya seperti Taiwan, oleh kerana adanya pembangkang seperti Yang Berhormat Ipoh Timur, aneh wal ajaib semenjak bila pula prestasi negara ditentukan oleh pembangkang dan bukan oleh kerajaannya.

Penyusunan semula subsidi minyak dan tindakan sering kali juga dipersalahkan sistem hantarannya atau *delivery system*nya dalam erti kata yang lain, pegawai-pegawai kerajaan yang tidak amanah dan tidak mengikut arahan pemimpin-pemimpin kerajaan kononnya, sedangkan kita semua tahu bahawa dedikasi pegawai mana-mana kerajaan adalah mencerminkan kehebatan kepimpinan kerajaan itu sendiri.

#### ■1710

Sekiranya, pegawai tidak cekap dan tidak menunjukkan prestasi yang baik, ianya kemungkinan besar adalah kerana pemimpin kerajaan adalah dengan izin *mediocre*. dan tidak mampu memimpin ke arah yang lebih baik. *Mediocrity* Kerajaan Barisan Nasional jelas terserlah dengan keengganan pihak Barisan Nasional untuk mengkaji semula bajet yang jelas meleset dan tidak tepat walaupun mereka sedar perlunya pengkajian semula ini. Sikap acuh tidak acuh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional adalah sebab utama...

**Tuan Muhd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kegagalan Malaysia mencapai kecemerlangan walaupun dilaung-laungkan slogan “Cemerlang, Gemilang, terbilang” beratus ribu kali. Hakikatnya, kecemerlangan, kegemilangan, dan keterbilangan Barisan Nasional adalah hanya atas sifat *mediocre* dan sambil lewanya.

**Tuan Muhd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Mencelah sedikit.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada pula... Ya, sila Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Muhd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya mohon penjelasan pada Yang Berhormat Shah Alam kerana saya dimaklumkan walaupun semua dunia sedar bahawa kita menghadapi kegawatan ekonomi yang paling teruk sejak *the great depression*. dengan izin tetapi dikatakan bahawa hanya dua orang terkecuali di dalam

dunia ini. Yang pertama iaitu Senator John McCain dan kedua Menteri Kewangan kerana keduanya percaya sehingga kini dengan izin *the fundamentals of our economy is still strong*. Saya mohon penjelasan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya rasa, kenyataan-kenyataan politik yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan kita sudah pun dia *contradict* sendirilah dengan izin dengan mengaku bahawa akan dilakukan beberapa program-program yang baru. Lalu ini merupakan kata-kata yang manis, yang ingin menutup hakikat bahawa kita sedang berhadapan dengan suatu kemelut ekonomi dan satu bajet yang baru perlu disediakan.

Ada pula wakil rakyat Barisan Nasional yang menyalahkan rakyat. Ini lagi hebat, tadi menyalahkan Yang Berhormat Ipoh Timur, kemudian salahkan pegawai kerajaan, ada pula yang salahkan rakyat. Rakyat yang malas, tidak *motivated* dan oleh itu kita gagal. Maka, kegagalan Barisan Nasional adalah kegagalan semua pihak kecuali Barisan Nasional sendiri. Persoalannya, apakah yang ingin dan mampu dilakukan oleh Barisan Nasional untuk mengatasi apa yang mereka katakan sebagai punca-punca kegagalan ini selain dari merungut dan menuding jari. Sekiranya mereka kebuntuan, tiada idea, macam mana ingin memotivasikan rakyat, masyarakat dan pegawai-pegawai kerajaan, maka saya sarankan dengan izin *move over and let the Pakatan Rakyat take over*. [Tepuk]

Kita tidak mahu mendengar alasan-alasan yang sama diulangi tahun demi tahun. Sambil Barisan Nasional sendiri tergamam dan mandul dengan izin *completely important* untuk membawa apa-apa perubahan. Maka, bajet yang bersifat *more of the same* ini akan menghasilkan kesudahan yang sama iaitu semakin ketinggalan, semakin melebar perbezaan pendapatan dan semakin terbebannya rakyat biasa. Kemampuan berbelanja oleh rakyat jelata adalah antara faktor terpenting untuk menjana ekonomi negara yang sihat dan mampan. Namun, kerajaan tidak menunjukkan kesungguhan untuk menyelesaikan kekangan ekonomi terhadap rakyat jelata yang berlaku hasil dari dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional yang tidak mesara rakyat.

Penyusunan semula subsidi minyak dan tindakan-tindakan yang tertentu yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional kononnya bertujuan menangani dua krisis serentak yang dihadapi seluruh dunia dan juga Malaysia. Namun, ianya telah gagal dan sebaliknya berlaku inflasi. Inflasi naik ke tahap 8% lebih dan merupakan kadar yang tertinggi semenjak 26 tahun yang lalu. Namun, Barisan Nasional tetap menganggap dirinya berjaya walaupun di peringkat *grass root* rakyat merana dan mengharapkan perubahan.

Tuan Yang di-Pertua yang di muliakan. Bajet yang dibentangkan bertajuk “Kerajaan Prihatin” tetapi tidak ada keprihatinan yang dizahirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ingat sahaja ucapan Yang Berhormat Pasir Salak pada petang kelmarin apabila disebutkan kenaikan harga nasi sepinggan dari 60 sen ke RM1. Sekiranya harga nasi di kedai sudah mahal katanya,

makan sahaja nasi di rumah. Derita rakyat yang terhasil dari dasar-dasar Barisan Nasional langsung tidak dipedulikannya. Rakyat pandai-pandailah hadapi kesan buruk, dasar-dasar Barisan Nasional masalah rakyat, bukan masalah Barisan Nasional. Kalau minyak sudah mahal, maka naik sahajalah motosikal. Kalau tidak mampu, naik sahajalah basikal. Kalau tidak mampu, berjalan kaki sahajalah wahai rakyat Malaysia oi. Sambil itu pemimpin hidup mewah, makan angin ke Taiwan dengan bajet RM50,000 seorang. Ini mesej yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Bukti kedua ketidakprihatinan Barisan Nasional ialah soal harga minyak. Harga minyak masih tinggi berbanding Jun 2008 dan tidak hairan sekiranya kita sekarang ini sedang membeli minyak pada harga yang lebih tinggi dari harga pasaran sebenar. Saya ingat lagi bagaimana apabila harga minyak sebanyak USD140 setong, harga pasaran petrol dikatakan RM3 seliter. Sekarang ini, apabila harga minyak mentah sudah turun ke bawah USD70 setong, adalah tidak mustahil bahawa harga minyak di pam sepatutnya kurang dari RM2 seliter. Sikap sambil lewa kerajaan terhadap persoalan harga minyak adalah bukti nyata bahawa kerajaan tidak prihatin kepada kesusahan rakyat biasa sedangkan...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Rakyat terpaksa menanggung kos ini setiap saat kehidupan mereka. Ya, silakan

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, soal prihatin bajet in pada rakyat. Dua hari semalam Menteri Kewangan yang baru telah membuat kenyataan yang jelas mengatakan RM18 bilion wang dijangka dihantar oleh pekerja asing yang berada di negara kita pulang ke negara mereka pada tahun ini. Ini bermakna bajet yang kita dok bincang dan kita minta *allocate* ini juga prihatin kepada bukan warganegara kita dan yang paling penting saya tidak dengar cadangan yang dibawa oleh kerajaan untuk menyekat atau membendung penghantaran wang keluar. Oleh kerana itu, kerana prihatin ini, saya cadangkanlah kalau boleh kita minta cadang kepada kerajaan supaya wujudkan semula *reholding tax* yang telah dilupakan lima tahun yang lalu supaya perkara ini dapat disekat. Mohon dimasukkan di dalam ucapan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** [Bangun]

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, saya masukkan. Sila Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Apabila kerajaan menaikkan harga minyak, kakanda kepada Yang Berhormat, yang mewakili kepada pihak kerajaan telah mengatakan bahawa kerajaan akan mengikut harga minyak di pasaran. Kerajaan akan memberi subsidi 30 sen kepada harga di dalam pasaran. Sekiranya mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, katakan harga pasaran ialah RM2, sepatutnya harga runcit di pam kita ialah RM1.70 tetapi

sekarang pembayar membayar RM2.20 seliter di pam kita. Maksudnya, kerajaan langsung tidak memberikan subsidi dan sekiranya tidak memberikan subsidi dan kerajaan membiarkan syarikat-syarikat minyak mengaut keuntungan yang lebih banyak, adakah ini patut? Saya tanya pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sebenarnya, saya ada ajukan soalan berhubung dengan mekanisme penentuan harga minyak tetapi jawapan yang diberi tidak seperti mana yang sepatutnya.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa, saya kurang masa, biar saya habiskan dahulu.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Berkaitan dengan minyak.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lepas itu, saya... Ya?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Berkaitan dengan minyak.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, ringkas sahaja ya?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pandangan, semasa pilihan raya dahulu. Manifesto PKR mengatakan bahawa kalau dia memerintah, dia akan turunkan harga minyak. Saya hendak tanya di Selangor sahaja sekarang ini. Berapa banyak turun minyak di Selangor? Kalau semua turun di Selangor saya akan pergi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Awat teruk sangat? Itu kuasa pusat. Awat teruk sangat? *[Dewan riuh]* Itu kuasa pusat. Ya Allah, itu pun tidak tahu. Macam manalah.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Orang kata memerintah Malaysia!

#### ■ 1720

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak apa, tidak apa. Baiklah, baiklah. Saya mahu teruskan. Saya mahu teruskan, ya.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Itu kuasa pusat, bukan kerajaan negeri.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Projek-projek mewah dengan pembangunan koridor-koridor pembangunan di selatan dan timur terus dipentingkan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Shah Alam, pohon penjelasan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kaedahnya adalah menyediakan infrastruktur untuk menarik pelabur asing. Kita telah melaksanakan kaedah yang seakan sama di Cyberjaya. Apakah kesudahannya? Adakah pelaburan yang dibuat telah mendatangkan hasil seperti yang dianggarkan? Berapa bilion yang telah dibelanjakan dan berapa pula pulangnya? Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Yang teman sebelah kiri itu kalau tidak mahu kasi laluan, beritahu dia supaya duduk.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sila duduk. Nanti saya sudah habiskan saya bagi. Insya-Allah, insya-Allah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sikit saja, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okeylah, okeylah. Bagilah, bagilah. Tidak apalah, tidak apalah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya sebenarnya sedang membaca bajet alternatif Pakatan Rakyat ini. Saya dah sampai muka surat enam iaitu berhubung tentang *Human Capital Development* dengan izin. Jadi kalau membaca setakat enam para ini tentang bajet alternatif mengenai dengan pembangunan modal insan dengan kenyataan-kenyataan yang terlalu umum, tidak pun ada satu strategi yang kukuh. Jadi bagaimana saya hendak meyakini tentang bajet alternatif yang kata bahawa bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini tidak kuat dan tidak kukuh sedangkan saya baca sini pun sebenarnya terlalu kabur.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, baik, baik. Okey, okey.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Bagaimana kita mahu mengatasi cabaran ekonomi global kalau ini pun strateginya yang terlalu umum.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya ingat Yang Berhormat Batu Pahat buat usul. Kita khaskan satu hari di mana kita bentang bajet Pakatan Rakyat. [*Tepuk*]

Lepas itu kita boleh bincang habis-habisan. Insya-Allah ya. Lalu kita telah melaksanakan. Adakah pelaburan. Berapa bilion yang telah dibelanjakan dan berapa pula pulangannya. Adakah pelaburan berbentuk koridor ini jenis pelaburan yang terbaik dan paling berkesan dalam kita menghadapi apa yang dikatakan sebagai *global economy down...* Sejauh mana ia menjamin manfaat dan keuntungan kepada rakyat biasa? Adakah manfaat dan keuntungan rakyat biasa diambil kira atau hanya keuntungan dan manfaat golongan tertentu? Dalam suasana ekonomi dunia yang sedia ada, kerajaan mesti lebih bertanggungjawab ke atas cara dan gaya wang negara digunakan.

Kita tidak mampu dan tidak boleh membazirkannya dengan menjalankan projek-projek mewah yang tidak jelas pulangannya semata-mata demi menjaga kepentingan golongan tertentu. Dalam suasana hari ini dengan izin, *we cannot afford to spend levi... throwing all caution to the win* seperti mana pernah Barisan Nasional lakukan sebelum daripada ini. Dulu sakit dan perit. Hari ini cemas dan parah. Mengapa tidak dibangunkan *infra* mengikut keperluan industri dan pelabur tempatan seperti mana yang disebutkan tadi oleh wakil daripada Sabah dan Sarawak.

Bagaimana mereka telah mencuba menanamkan hasil-hasil pertanian tetapi tidak ada jalan untuk mereka memasarkannya. Tidak ada jalan. Apa yang ditanam akhirnya makan sendirilah. Macam mana hendak janakan ekonomi pelabur tempatan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Shah Alam, laluan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebaliknya PR mahu memulakan tradisi politik yang baru yang tidak mampu dan tidak mungkin dibawa oleh BN. Saya tidak ada masa, ya.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Bolehkah jawab sikit apa yang dibangkitkan tadi. Jawab sikit sajalah. Tidak akan jawab sikit pun tidak berani.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apabila disebut mengenai kerajaan yang bersih dan bebas dari korupsi dan kronisme ada pula Ahli Parlimen Barisan Nasional menuding jari kepada Ketua Pembangkang yang baru dan mengatakan pada zaman beliau, Ketua Pembangkang mengamalkan kronisme juga.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, mungkin benar tetapi itu dulu dan ia berlaku oleh kerana kesilapan beliau memilih Barisan Nasional sebagai rakan perjalanannya.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Shah Alam, bukankah lebih baik Yang Berhormat Shah Alam bentangkan bajet alternatif ini. Bentangkanlah bajet alternatif ini. Kita dengar, kita boleh lihat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Perjalanan beliau mencabar dan penuh ranjau. Barisan Nasional bukan jenis rakan untuk perjalanan yang sebegini. Barisan Nasional merupakan rakan yang apabila berlakunya amalan kronisme tidak akan membantah tetapi sebaliknya bertanya untuk saya apa? Dasar USA. Dulu ISA, ikut suka aku. Ini USA. Untuk saya apa?

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Minta laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Shah Alam, kenapa tidak berani bentangkan bajet sendiri. Bentangkanlah. Kita boleh bahas. Pertahankan bajet ini.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebaliknya cuba lihat kepada rakan perjalanan. Buat usul, buat usul. Sebaliknya cuba lihat kepada rakan perjalanan beliau sekarang iaitu DAP yang begitu dikenali sebagai parti yang tegas dengan prinsip kebolehan, pertanggungjawaban dan ketelusan.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Minta laluan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** CAT iaitu *competency, accountability and transparency*. Mereka berjuang sehingga sanggup hidup sebagai pembangkang dengan segala cabarannya berpuluh tahun ditahan di bawah ISA, dicerca dan dicaci. *[Tepuk]*

Namun mereka tetap dengan pendirian mereka. Satu lagi rakannya yang kuat adalah PAS yang juga terkenal dengan ketegasannya berpegang kepada prinsip-prinsip keadilan Islam.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Pohon penjelasan. Yang Berhormat Shah Alam, penjelasan. Sah, Yang Berhormat Shah Alam memang sah tidak baca dia punya bajet alternatif sendiri. Memang tidak baca.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Shah Alam tidak beri laluan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Seperti DAP, PAS telah sanggup mengharungi kehidupan sebagai pembangkang. Dengan segala celaan dan tohmahan yang dilemparkan terhadapnya. Namun, PAS istiqamah walaupun pemimpin-pemimpinnya ditahan di bawah ISA, dipukul, diseksa dan ada yang dibunuh. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Minta laluan, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengan rakan-rakan sebegini sekiranya ada kecenderungan ke arah melalukan kronisme, maka rakan-rakan ini tidak akan bertanya untuk saya apa, tetapi sebaliknya akan menasihatinya dan mengatakan jangan. Ini jenis rakan yang diperlukan.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Bukit Gantang di belakang.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Allahuakbar. Okeylah.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Satu soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Shah Alam. Saya mahu bertanya. Apakah kita boleh ubah nama sekarang ini. BN sebagai beban negara manakala PR ialah penyelamat rakyat. Minta komen. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Okey, terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** PR. Penipu rakyat. Itu yang paling tepat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Begitu juga dengan parti PKR yang ditubuhnya parti yang terbentuk melalui perjuangan dan pengorbanan. Perjuangan yang bagaikan api yang membersihkan kekotoran besi semasa dicairkan. Tidak mungkin pada kemuncak perjuangan ia akan mengkhianati amanah yang diperolehinya daripada rakyat. *[Tepuk]*

Inilah jenis rakan perjalanan yang ada sekarang. Yang rendam tidak basah, jemur tidak kering. Insya-Allah kekal dengan perjuangan. *[Tepuk]* Kami menyeru wakil rakyat-wakil rakyat Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Jerlun bersama kami.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Sikit saja. Yang Berhormat Shah Alam, sikit.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Gabungan Pakatan Rakyat yang gagah perkasa ini dalam usaha bersejarah ini mengasaskan budaya politik baru bagi negara kita supaya rakyat jelata akan melihat corak kepimpinan yang bersih dan telus yang memimpin ke arah kesejahteraan rakyat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada yang mengatakan tidak bermoral untuk berhijrah ke Pakatan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga minit lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Mohon, mohon sikit.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah tidak bermoral untuk menyertai usaha yang mulia ini? Sudah pasti ia lebih *immoral* untuk duduk bersama kerajaan yang korup dan tidak berwawasan ini. [Tepuk]

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Sikit saja Yang Berhormat Shah Alam. Minta penjelasan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta maaf ya. Tidak ada masa. Ucapan Yang Berhormat Marang jelas menunjukkan dasar yang asas dan kukuh untuk membina budaya politik baru seperti yang diinginkan oleh Pakatan Rakyat. Negara mesti dibina atas paksi keadilan dan atas paksi ini sahajalah akan terbentuk perpaduan dan kesejahteraan yang diinginkan. Begitu juga beliau telah mengingatkan kita bahawa sistem kapitalisme barat menuju kehancuran.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ia menuju kehancuran kerana ia dibina atas kepentingan dan keinginan setiap individu untuk memiliki dan mengumpul kekayaan ataupun materialisme.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jerlun merayu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada masa, ya. Di atas motivasi yang seperti ini...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Pohon laluan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...maka kerangka sistem ekonomi kapitalisme ini telah dibina dan amalan riba melalui mana duit dan menghasilkan duit tanpa semestinya menghasilkan apa-apa manfaat menjadi bagaikan tulang belakang sistem ekonomi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat tidak puas hati.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta maaf. Tidak ada masa, tidak ada masa.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sebab dulu dia selalu ganggu kami, Tuan Yang di-Pertua. Kita bagi laluan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akhirnya riba ini menghancurkan pertumbuhan ekonomi dan melalui masalah yang dikenali sebagai masalah yang dikenali sebagai masalah *supreme* yang pada dasarnya disebabkan peminjam tidak lagi mampu membayar hutangnya yang telah bertambah berlipat kali ganda. Sistem ekonomi yang adil mesti dibina di atas konsep manusia yang adil. Bukan sebagai haiwan ekonomi yang ingin memuaskan nafsunya saja. Sebaliknya manusia mesti dilihat sebagai makhluk yang mulia sebagai khalifah Tuhan yang bertanggungjawab untuk menegakkan keadilan dan kebenaran. Inilah di antara tuntutan yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor melalui istilah 'yastag'maru' atau memakmurkan dan 'yastaglifu' atau mentadbir dan mengurus sebagai wakil serta alfalaf ataupun kejayaan.

Kesemua ini memperlihatkan kebaikan dan keuntungan untuk semua manusia dan pelaksanaan konsep ini yang akan menuntut diwujudkan sebuah kerajaan yang bersih dan telus. Kebersihan dan ketulusan ini akan menghasilkan kesan yang positif di mana ketirisan dan kebocoran itu dapat dihapuskan. Hasil dari ini adalah ekonomi yang lebih produktif di mana dengan *revenue* yang sama, kita akan mampu mendatangkan hasil yang lebih bermakna Insha-Allah. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Cukup?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Gulung? [Ketawa] Allah, mahu gulung pula.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Biar saya tolong gulungkan. [Ketawa]

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Minta penjelasan. Tadi banyak masa itu bolehlah beri laluan sedikit.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maka Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Duduk, Yang Berhormat Batu Pahat. Ganggu saja.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Dia hendak gulung tikar tu.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya merasakan bahawa kita sebenarnya berada di persimpangan jalan.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]:** Bagilah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pilihan yang perlu dilakukan oleh semua ahli Dewan, bukan sekadar ahli-ahli daripada Pakatan Rakyat tetapi semua ahli Dewan.

Nombor satu ialah untuk mengakui kegagalan yang telah berlaku, yang lepas. Selama 50 tahun, apa yang kita telah lihat kita boleh hujah bermacam-macam-macam hujah. Hakikatnya *the bottom line, the final result* adalah kita ketinggalan bila mahu banding dengan Taiwan, bila hendak banding dengan South Korea, hendak banding dengan Hong Kong dan hendak

banding Singapura. Maka Barisan Nasional tidak insaf dan tidak sedar. Kita perlukan satu perubahan dan satu kerajaan yang mempunyai wawasan dan dasar yang baru. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Rabu, 29 Oktober 2008.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***